

SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA (SUHAKAM)



SIASATAN AWAM KE ATAS KEHILANGAN

PASTOR RAYMOND KOH

KEPUTUSAN MUKTAMAD

PANEL:

DATO' MAH WENG KWAI

(Pengerusi)

PROF. DATO' DR AISHAH BIDIN

PROF. MADYA DR. NIK SALIDA SUHAILA BINTI NIK SALEH

3 April 2019



Cetakan Pertama 2020

Hak Cipta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)

Diterbitkan oleh SUHAKAM

Tingkat 11, Menara TH Perdana

1001 Jalan Sultan Ismail

50250 Kuala Lumpur

Tel : 603-2612 5600

Faks : 603-2612 5620

E-mel : humanrights@suhakam.org.my

URL : <http://www.suhakam.org.my>



Dibiayai Oleh Kesatuan Eropah

Dilesenkan kepada Kesatuan Eropah tertakluk kepada terma dan syarat.

Mana-mana bahagian daripada dokumen ini tidak boleh dicetak atau diterbitkan semula dalam sebarang cara atau bentuk sama ada secara elektronik, salinan foto atau rakaman tanpa mendapat kebenaran SUHAKAM terlebih dahulu.

Dokumen ini telah dihasilkan dengan bantuan kewangan Kesatuan Eropah. Kandungan dokumen ini adalah tanggungjawab SUHAKAM dan tidak boleh dianggap mencerminkan kedudukan dan pandangan Kesatuan Eropah.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

SIASATAN AWAM KE ATAS KEHILANGAN PASTOR RAYMOND KOH:

KEPUTUSAN MUKTAMAD, 3 APRIL, KUALA LUMPUR/ PANEL:

DATO MAH WENG KWAI (PENGGERUSI), PROF. DATO' DR. AISHAH BIDIN,
PROF. MADYA DR. NIK SALIDA SUHAILA BINTI NIK SALEH

Mode of access: Internet

eISBN 978-967-2275-12-9

1. Disappeared Persons - - Malaysia
2. Human Rights - - Malaysia
3. Missing Persons - - Investigations
4. Electronic Books.
 - i. Mah, Weng Kwai Dato'.
 - ii. Aishah Bidin, Prof., Dato', Dr.
 - iii. Nik Salida Suhaila Nik Saleh, Prof. Madya Dr.
 - iv. SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA
323.4909595

Kuala Lumpur

Kandungan

A. Pendahuluan	8
Kehilangan Joshua Hilmi, Ruth Hilmi, Amri Che Mat Dan Pastor Raymond Koh	8
B. Memorandum Yang Dikemukakan Kepada SUHAKAM	10
Panel Untuk Siasatan Awam Dan Terma-Terma Rujukan	12
Siasatan Awam Ke Atas Kehilangan Pastor Raymond Koh	14
Surat Daripada Polis Diraja Malaysia Bertarikh 15 Januari 2018	14
C. Isu-Isu Untuk Ditentukan Oleh Panel	17
D. Pendirian Pihak-Pihak	18
Pendirian Peguam Bagi Pihak Keluarga Pastor Raymond Koh	18
Pendirian Penolong-Penolong Pegawai SUHAKAM	19
Pendirian Majlis Peguam Malaysia	19
Pendirian Pegawai-Pegawai Bagi Pihak Polis	19
E. Keputusan Panel	21
F. Alasan-Alasan Keputusan	22
Undang-Undang	22

Prinsip-Prinsip Hak Asasi Manusia Yang Terpakai	22
Hak Mengenai Kehilangan Paksa Di Bawah Undang-Undang Antarabangsa	22
Hak Mengenai Kehilangan Paksa Di Bawah Undang-Undang Malaysia	24
Apakah Siasatan Awam?	26
Kuasa-Kuasa Siasatan SUHAKAM	27
Elemen-Elemen Yang Perlu Dibuktikan Dalam Siasatan Awam	29
Taraf Pembuktian Dalam Siasatan Awam	32
Beban Bukti Dalam Kes Kehilangan Paksa	37
Kebolehterimaan Keterangan	40
Fakta-Fakta Terperinci Ke Atas Kehilangan Pastor Raymond Koh	43
Keterangan Langsung	43
Keterangan Mengikut Keadaan	46
Ringkasan Kejadian-Kejadian Sebelum Kehilangan Pastor Raymond Koh	47
Kekhuatiran Agama - Isu Percubaan Penukaran Agama Yang Dimaksudkan	47
Majlis Makan Malam Kesyukuran Dan Pengumpulan Dana	47
Kejadian Di Pusat Pemeriksaan Imigresen	50
Ringkasan Kejadian-Kejadian Selepas Kehilangan Pastor Raymond Koh	50
Penembakan Di Baling, Kedah	50

Mempunyai Barang-Barang Yang Dikatakan Berkaitan Dengan Pastor Raymond Koh	51
Keterangan Sarjan Shamzaini Mohd Daud	57
Pendahuluan	57
Butir-Butir Keterangan Sarjan Shamzaini Yang Diberikan Oleh Norhayati	58
Kewujudan Toyota Vios Emas	64
G. Pendapat Panel	67
(i) Modus Operandi	67
(ii) Penggeledahan Dan Perampasan Barang-Barang Di No. 76, Kampung Selarong, Pengkalan Hulu, Perak	70
(iii) Maklumat Yang Disediakan Oleh Sarjan Shamzaini Kepada Norhayati	75
(iv) Toyota Vios Emas	83
(v) Kelemahan Penyiasatan Pihak Polis Dan Kelakuan Pihak Polis Yang Tidak Wajar	85
Kelewatan	85
Kegagalan Pihak Polis Untuk Mendapatkan Rakaman CCTV	86
'Ping' Terakhir Dari Telefon Bimbit Pastor Raymond Koh	88
Peter Chong	88
Tindakan Pihak Polis Yang Tidak Wajar	89
H. Kesimpulan	90

Kehilangan Paksa Oleh Ejen-Ejen Kerajaan	90
Kehilangan Paksa Oleh Ejen-Ejen Bukan Kerajaan	90
Keengganan Untuk Mengakui Pelucutan Kebebasan	91
Ciri-Ciri Yang Sama Antara Kedua-Dua Kehilangan	91
(i) Isu-Isu Agama	91
(ii) Pengawasan Langsung	93
(iii) Modus Operandi Yang Serupa	94
(iv) Kewujudan Toyota Vios Emas	94
Cadangan-Cadangan Panel	95
Pihak-Pihak Berkuasa Untuk Menghormati Kebebasan Agama Sebagai Hak Asasi Manusia	96
Penentuan Batas Antara Polis Dan Pihak-Pihak Berkuasa Agama	97
Pembaharuan Tatacara Pengendalian Piawai Polis	98
Kertas Siasatan	99
Kes-Kes Individu Yang Hilang, Penculikan Dan Kehilangan	99
Peranan Cawangan Khas	100
Suruhanjaya Bebas Aduan Dan Salah Laku Polis (“IPCMC”)	100
Penubuhan Pasukan Petugas Khas Untuk Menyiasat Kehilangan Pastor Raymond Koh	101
Pembaharuan Undang-Undang	103

Pindaan Undang-Undang Di Malaysia	103
Meratifikasi Instrumen-Instrumen Antarabangsa	104
J. Jawapan Kepada Terma-Terma Rujukan	106
K. Penghargaan	107
Jadual 1: Senarai Saksi-Saksi Siasatan	111
Jadual 2: Senarai Ekshibit-Ekshibit	112

A. Pendahuluan

1. Ini adalah keputusan muktamad Panel Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia ("**SUHAKAM**") dalam Siasatan Awam ke atas kehilangan Pastor Raymond Koh Keng Joo ("**Pastor Raymond Koh**").

Kehilangan Joshua Hilmi, Ruth Hilmi, Amri Che Mat Dan Pastor Raymond Koh

2. Sejak November 2016, seorang lelaki bernama Peter Pormannan A/L Annamalai ("**Peter**") telah membuat pelbagai percubaan untuk menghubungi rakan-rakannya Joshua Hilmi (yang juga dikenali sebagai Hilmi Bin Hanim) dan isterinya, Ruth Hilmi. Alamat terakhir mereka adalah di Kampung Tunku, Petaling Jaya. Pada 6 Mac 2017, Peter telah membuat satu laporan polis di Ibu Pejabat Polis Daerah Klang yang menyatakan bahawa walaupun terdapat pelbagai percubaan untuk mengesan Joshua Hilmi dan Ruth Hilmi, pasangan tersebut tidak dapat dihubungi. Kedua-duanya tidak dilihat, ditemui atau didengar ("*not been seen, heard of, or heard from*") sejak November 2016 sehingga kini, dan adalah dipercayai telah "hilang".
3. Pada 24 November 2016, Amri Che Mat dilihat kali terakhir oleh isterinya, Norhayati Mohd Ariffin ("**Norhayati**") pada lebih kurang pukul 10:30 malam. Anak perempuan mereka, Nur Masarrah terlihat Amri Che Mat keluar dari rumah mereka

dengan keretanya pada lebih kurang pukul 11:30 malam. Berikutan itu, keretanya dijumpai tersadai dengan tingkap-tingkap kereta dipecahkan di sebuah tapak pembinaan terbiar di Bukit Chabang, Kangar, Perlis. Amri Che Mat tidak pernah dilihat, ditemui atau didengar sejak itu sehingga kini, dan adalah dipercayai telah "hilang".

4. Kurang daripada 3 bulan kemudian, pada 13 Februari 2017, Pastor Raymond Koh dilihat kali terakhir oleh isterinya, Susanna Liew Sow Yoke (IW2) ("**Susanna**") pada lebih kurang pukul 10:15 pagi. Selepas itu, seorang lelaki bernama Roeshan Celestine Gomez (IW1) ("**Roeshan**") telah membuat satu laporan polis yang menyatakan bahawa pada lebih kurang pukul 10:45 pagi, dia telah menyaksikan sebuah kereta dikepung ("*boxed in*") oleh tiga (3) kenderaan pacuan empat roda yang berwarna hitam ("**4WDs**") ketika sedang memandu di Jalan SS4B/10, Kelana Jaya, Selangor. Pemandu kereta tersebut dilihat diseret keluar ("*dragged out*") dari keretanya dan dimasukkan ke dalam salah satu 4WDs tersebut. Kejadian ini telah dirakam oleh televisyen litar tertutup ("**CCTV**") dari dua (2) rumah yang berdekatan. Pastor Raymond Koh tidak pernah dilihat, ditemui atau didengar sejak itu, dan adalah dipercayai telah "hilang".
5. Ketiga-tiga kes kehilangan individu-individu ini telah menarik perhatian dan menjadi kebimbangan orang awam. Kejadian ini juga telah mendorong orang awam untuk menganggap bahawa kehilangan individu-individu tersebut mungkin adalah perbuatan Kerajaan dan/atau bahawa Kerajaan mungkin telah terlibat, menyokong atau menyembunyikan ("*complicit, involved, supportive of or concealing*") kehilangan tersebut yang tidak pernah berlaku sebelum ini ("*unprecedented disappearances*").

B. Memorandum Yang Dikemukakan Kepada SUHAKAM

6. SUHAKAM telah ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999 ("**Akta tersebut**") untuk meneruskan usaha perlindungan dan promosi hak asasi manusia di Malaysia. (sila rujuk Preamble Akta 597)
7. Fungsi-fungsi SUHAKAM dinyatakan dalam Seksyen 4 Akta tersebut, secara khususnya, Seksyen 4(1)(d) yang memperuntukkan bahawa salah satu fungsi SUHAKAM adalah "untuk menyiasat aduan berkenaan dengan pelanggaran hak asasi manusia."
8. Selanjutnya, Seksyen 12 Akta tersebut telah memberi kuasa kepada SUHAKAM untuk bertindak atas kehendaknya sendiri untuk menyiasat dakwaan pelanggaran hak asasi manusia atau bertindak atas aduan yang dikemukakan kepada SUHAKAM.
9. Pada 20 April 2017, disebabkan oleh kebimbangan serius yang melibatkan tiga (3) kes kehilangan tersebut, gabungan persatuan sivil yang diketuai oleh Suara Rakyat Malaysia (SUARAM) telah mengemukakan satu Memorandum kepada SUHAKAM bagi keluarga-keluarga kepada individu-individu yang telah dilaporkan hilang tersebut: Joshua Hilmi dan isterinya, Ruth Hilmi, aktivis sosial Amri Che Mat dan Pastor Raymond Koh ("**Individu-Individu yang Hilang**"). Sehubungan itu, SUHAKAM digesa ("*called on*") untuk membantu keluarga-keluarga yang berkenaan bagi menyiasat dan mengenal pasti kedudukan ("*whereabouts*") Individu-Individu yang Hilang tersebut dan juga menjadi saluran komunikasi antara keluarga-keluarga yang berkenaan, pihak Polis dan Kerajaan Malaysia.

-
10. Pada 21 April 2017, Pengerusi SUHAKAM, Tan Sri Razali Ismail ("**Pengerusi SUHAKAM**") telah mengeluarkan satu kenyataan media¹ untuk menyeru pihak-pihak berkuasa agar menggunakan segala saluran mereka bagi mengesan nasib Individu-Individu yang Hilang tersebut, untuk mengambil semua langkah yang diperlukan untuk mengurangkan kebimbangan dan kegelisahan di kalangan orang awam, serta membawa mereka yang bertanggungjawab di atas kehilangan tersebut ke muka pengadilan.

 11. Sehingga Jun 2017, kehilangan Joshua Hilmi, Ruth Hilmi, Amri Che Mat dan Pastor Raymond Koh masih tidak dapat diselesaikan. Perlu ditegaskan bahawa sehingga kini, keluarga-keluarga kepada Individu-Individu yang Hilang tersebut tidak menerima sebarang tuntutan wang tebusan ("*demand for ransom*") untuk pembebasan mereka mahupun terdapat sesiapa atau mana-mana pihak yang mengakui tanggungjawab ke atas kehilangan Individu-Individu yang Hilang tersebut.

 12. Pada 16 Jun 2017, SUHAKAM telah mengeluarkan satu kenyataan media² yang menyatakan bahawa SUHAKAM akan menyiasat kehilangan Individu-Individu yang Hilang tersebut mengikut mandat dan kuasa-kuasa statutorinya. SUHAKAM selanjutnya telah menyatakan bahawa ia akan membantu pihak-pihak berkuasa

¹ Press Statement No.14 of 2017 (Memorandum from SUARA RAKYAT MALAYSIA (SUARAM))

<https://www.suhakam.org.my/press-statement-no-14-of-2017-memorandum-from-suara-rakyat-malaysia-suaram/>

² Press Statement No. 20 of 2017 (SUHAKAM Will Investigate the Cases Of Missing Persons / Disappearance Of Pastor Raymond Koh, Amri Che Mat, Pastor Joshua Hilmi and Ruth Hilmi, To Assist the Authorities with Their Ongoing Investigation)

<https://www.suhakam.org.my/press-statement-no-20-of-2017-suhakam-will-investigate-the-cases-of-missing-persons-disappearance-of-pastor-raymond-koh-amri-che-mat-pastor-joshua-hilmi-and-ruth-hilmi-to-assist-the-authoritie/>

dalam siasatan-siasatan yang sedang dijalankan dan menyeru individu-individu yang mungkin mempunyai maklumat relevan dan penting untuk tampil ke hadapan supaya pernyataan mereka dapat direkodkan oleh SUHAKAM.

13. Walau apa pun yang dinyatakan di atas, SUHAKAM telah mengulangi seruannya kepada pihak-pihak berkuasa untuk menyiasat kehilangan-kehilangan tersebut dengan sepenuhnya dan secepat mungkin ("*fully and expeditiously*"), terutamanya sekiranya terdapat kecurigaan dalam minda orang awam bahawa kehilangan-kehilangan tersebut berkemungkinan kehilangan-kehilangan *paksa* ("*enforced disappearances*").

Panel Untuk Siasatan Awam Dan Terma-Terma Rujukan

14. Pada 9 Ogos 2017, Pengerusi SUHAKAM telah mengeluarkan kenyataan media untuk mengumumkan bahawa SUHAKAM akan menjalankan Siasatan Awam ke atas kehilangan Joshua Hilmi dan Ruth Hilmi, aktivis sosial Amri Che Mat dan Pastor Raymond Koh.³ Dalam kenyataannya, SUHAKAM telah mengumumkan bahawa Siasatan Awam tersebut, yang dijadualkan untuk bermula pada Oktober 2017, akan mempertimbangkan, antaranya:

- 14.1. Sama ada kehilangan-kehilangan ini adalah kes-kes kehilangan paksa atau secara tidak sukarela, seperti yang ditakrifkan di bawah *International Convention for the Protection of All Persons from Enforced Disappearance* ("**ICPPED**") yang menjelaskan bahawa kehilangan paksa adalah suatu penangkapan, penahanan, penculikan atau apa-apa perbuatan lain yang

³ *Kenyataan Media No. 29, 2017 (SUHAKAM's Public Inquiry on Disappearance Cases)*

<https://www.suhakam.org.my/press-statement-no-29-of-2017-suhakams-public-inquiry-on-disappearance-cases/>

melucutkan kebebasan oleh ejen-ejen Kerajaan atau individu-individu atau sekumpulan individu yang bertindak atas kebenaran, sokongan atau persetujuan Kerajaan (*“arrest, detention, abduction or any other form of deprivation of liberty by agents of the State or by persons or groups of persons acting with the authorisation, support or acquiescence of the State”*); dan

- 14.2. Sama ada pihak-pihak berkuasa, khususnya pihak Polis telah mengambil langkah-langkah yang memadai untuk menyiasat kes-kes ini.
15. Pada 5 Oktober 2017, menurut kenyataan media SUHAKAM pada 9 Ogos 2017, satu panel Siasatan Awam telah ditubuhkan untuk menyiasat kehilangan-kehilangan tersebut. Panel tersebut terdiri daripada tiga Pesuruhjaya SUHAKAM iaitu Dato’ Mah Weng Kwai (Pengerusi), Prof. Dato’ Dr. Aishah Bidin dan Dr. Nik Salida Suhaila binti Nik Saleh ("**Panel**").
16. Terma-Terma Rujukan⁴ Siasatan Awam ("**Terma-Terma Rujukan**") adalah seperti berikut:
- (a) Untuk menentukan sama ada kes-kes kehilangan ini adalah kes-kes kehilangan paksa seperti yang ditakrifkan di bawah *International Convention for Protection of all Persons from Enforced Disappearances* atau kes-kes kehilangan secara tidak sukarela dalam pelanggaran undang-undang jenayah dan/atau undang-undang sivil dan/atau undang-undang hak asasi manusia yang terpakai (selepas ini dirujuk sebagai pelanggaran atau pelanggaran-pelanggaran yang sedemikian);
 - (b) Sekiranya (a) telah ditentukan semasa siasatan:

⁴ Kenyataan Media Ke-41 Bagi Tahun 2017 ("Siasatan Awam SUHAKAM berkenaan insiden kehilangan beberapa individu") <https://www.suhakam.org.my/press-statements-no-41-of-2017-suhakams-public-inquiry-into-the-incidents-of-disappearances-of-individuals/>

-
- (i) Bagaimana pelanggaran atau pelanggaran-pelanggaran yang dikatakan tersebut berlaku;
 - (ii) Untuk mengenal pasti individu atau agensi yang bertanggungjawab terhadap pelanggaran atau pelanggaran-pelanggaran yang dimaksudkan;
 - (iii) Apakah arahan atau prosedur pentadbiran, atau pengurusan yang menyumbang kepada pelanggaran atau pelanggaran-pelanggaran yang dimaksudkan.
- (c) Untuk mempertimbangkan sama ada pihak-pihak berkuasa, secara khususnya Polis Diraja Malaysia telah mengambil langkah-langkah yang memadai untuk menyiasat pelanggaran atau pelanggaran-pelanggaran yang dimaksudkan.
 - (d) Untuk mencadangkan langkah-langkah atau garis panduan yang boleh diambil untuk memastikan bahawa pelanggaran atau pelanggaran-pelanggaran yang dikatakan tersebut tidak berulang lagi.

Siasatan Awam Ke Atas Kehilangan Pastor Raymond Koh

- 17. Pada 19 Oktober 2017, Panel telah memulakan pendengaran Siasatan Awam ke atas kehilangan Pastor Raymond Koh. Pendengaran-pendengaran tersebut dijadualkan pada tarikh-tarikh berikut:
 - 17.1. 19 dan 20 haribulan Oktober 2017;
 - 17.2. 2, 3, 13 hingga 16 dan 21 hingga 23 haribulan November 2017.
- 18. Untuk membantu siasatannya, Panel telah memanggil sebelas (11) orang saksi untuk memberi keterangan semasa menjalankan pendengaran.

Surat Daripada Polis Diraja Malaysia Bertarikh 15 Januari 2018

- 19. Pada petang 15 Januari 2018, sehari sebelum tarikh pendengaran berikutnya, Panel telah menerima sepucuk surat daripada Polis Diraja Malaysia ("**pihak Polis**") yang

antaranya telah menyatakan bahawa seorang bernama Lam Chang Nam telah ditangkap pada 12 Januari 2018 dan bahawa dia telah didakwa di mahkamah atas suatu kesalahan di bawah seksyen 365 Kanun Keseksaan yang berkaitan dengan kehilangan Pastor Raymond Koh. Oleh yang demikian, Siasatan Awam patut dihentikan dengan serta-merta menurut Seksyen 12(3) Akta tersebut kerana kehilangan Pastor Raymond Koh telah menjadi hal perkara (*“subject matter”*) prosiding jenayah yang belum diselesaikan di mahkamah.

20. Seksyen 12 Akta tersebut adalah seperti berikut:

“Suruhanjaya boleh menyiasat atas kehendak sendiri atau atas aduan

- 12 (1) Suruhanjaya boleh, atas kehendaknya sendiri atau atas suatu aduan yang dibuat kepada Suruhanjaya oleh orang atau kumpulan orang yang terkilan atau seseorang yang bertindak bagi pihak orang atau sekumpulan orang yang terkilan, menyiasat pengatahan mengenai pelanggaran hak asasi manusia orang atau kumpulan orang itu.
- (2) **Suruhanjaya tidaklah boleh menyiasat apa-apa aduan yang berhubungan dengan apa-apa pengatahan pelanggaran hak asasi manusia yang — (a) merupakan hal perkara apa-apa prosiding yang belum selesai di mana-mana mahkamah, termasuklah apa-apa rayuan; atau (b) telah diputuskan secara muktamad oleh mana-mana mahkamah.**
- (3) Jika Suruhanjaya menyiasat suatu pengatahan di bawah subseksyen 12(1) dan sementara menunggu penyelesaian siasatan itu, **pengatahan itu menjadi hal perkara mana-mana prosiding di mana-mana mahkamah,**

Suruhanjaya hendaklah berhenti dengan serta-merta daripada melakukan siasatan itu.

21. Menurut Seksyen 12(3) Akta tersebut dan untuk menghormati tindakan yang telah diambil oleh pihak Polis, Panel telah memutuskan untuk menghentikan Siasatan Awam sementara menunggu pendengaran hujahan-hujahan oleh Peguam yang bertindak bagi setiap pihak dan Pegawai-Pegawai bagi Pihak Polis berdasarkan undang-undang dan fakta-fakta yang berkaitan dengan kehilangan Pastor Raymond Koh.
22. Pada 16 Mei 2018, Panel telah memutuskan untuk meneruskan pendengaran Siasatan Awam ke atas kehilangan Pastor Raymond Koh dan kesimpulannya adalah seperti berikut:

“(G) Conclusion

In the written and oral submissions of Counsel for the Family and Counsel for the Bar Council, Counsel had clearly taken the position that the subject matter before the Court is not the same subject matter as in the PI. The SUHAKAM Assisting Officers initially took the position that the subject matter is the same, but later changed their view in their second submission, by stating that the subject matter was not the same and that the Panel should continue with the PI albeit within certain areas of questioning. After giving much consideration to the written and oral submissions of Counsel and SUHAKAM Assisting Officers and for all the reasons stated above, the Panel concludes that the subject matter before the Court is not the SAME subject matter that is before the PI.

The Panel has to deal with the subject matter of “enforced disappearance” to ensure that not only Pastor Raymond Koh has access to justice and truth but his Family members as well. The Family has been continuously disappointed by the police authorities in the investigation of the alleged disappearance of Pastor Raymond Koh. Where else or how else would Pastor Raymond Koh and his Family gain their right to a remedy for a grievance allegedly caused by the State? When the Act was established, it was Parliament’s intention to protect and promote human rights in Malaysia. The Act gives SUHAKAM the power and functions to

investigate into infringements of human rights. Hence, the PI cannot cease to be a platform for Pastor Raymond Koh and his Family to seek their remedy.

In the result, the Panel hereby decides that it will proceed and continue with the hearing in the PI into the alleged disappearance of Pastor Raymond Koh, notwithstanding the letter received from PDRM involving the provision of section 12(3) to cease the PI as the subject matter the Panel will have to deal with in accordance to the Terms of Reference, is not the same subject matter as in the court proceedings. The Panel will continue to deal with the subject matter stated in the first limb of paragraph (a), paragraphs (b) and (c) of the Terms of Reference.”⁵

23. Pada 7 Disember 2018, Panel telah melengkapkan Siasatan Awam ke atas kehilangan Pastor Raymond Koh. Siasatan Awam tersebut telah mengambil masa lebih kurang sembilan (9) bulan sejak awal Oktober 2017 sehingga awal bulan Disember 2018. Secara keseluruhan, terdapat dua puluh (20) hari pendengaran dan Panel telah mendengar pernyataan enam belas (16) orang saksi.⁶
24. Siasatan Awam ke atas kehilangan Joshua Hilmi dan isterinya, Ruth Hilmi belum dimulakan setakat ini.
25. Keputusan berasingan bagi Siasatan Awam ke atas kehilangan Pastor Raymond Koh dan Amri Che Mat akan diberikan dengan sewajarnya.

C. Isu-Isu Untuk Ditentukan Oleh Panel

26. Isu-isu yang perlu ditentukan oleh Panel diringkaskan seperti berikut:

⁵ Rujuk kepada Keputusan Interim Panel bertarikh 16.5.2018.

⁶ Rujuk kepada Jadual 1.

-
- 26.1. Sama ada kehilangan Pastor Raymond Koh adalah satu kes kehilangan secara sukarela;
 - 26.2. Sama ada kehilangan Pastor Raymond Koh adalah satu kes kehilangan paksa seperti yang ditakrifkan di bawah ICPPED iaitu, oleh ejen-ejen Kerajaan atau individu-individu atau sekumpulan individu yang bertindak dengan kebenaran, sokongan atau persetujuan Kerajaan; dan
 - 26.3. Sama ada terdapat keengganan untuk mengaku (*"refusal to acknowledge"*) kehilangan atau penyembunyian nasib atau kedudukan (*"concealment of the fate or whereabouts"*) Pastor Raymond Koh oleh Kerajaan.

D. Pendirian Pihak-Pihak

Pendirian Peguam Bagi Pihak Keluarga Pastor Raymond Koh

- 27. Pendirian Peguam bagi pihak keluarga Pastor Raymond Koh adalah bahawa kehilangan Pastor Raymond Koh merupakan satu kes kehilangan paksa seperti yang ditakrifkan di bawah bahagian pertama (*"first limb"*) Perkara 2 ICPPED dan bahawa kehilangan paksa tersebut dilaksanakan oleh ejen-ejen Kerajaan.
- 28. Peguam bagi pihak keluarga juga telah mengemukakan secara alternatif bahawa kehilangan Pastor Raymond Koh merupakan satu kes kehilangan paksa seperti yang ditakrifkan di bawah bahagian kedua (*"second limb"*) Perkara 2 ICPPED dan bahawa

kehilangan paksa tersebut telah dilaksanakan oleh individu-individu yang bertindak atas kebenaran, sokongan dan/atau persetujuan Kerajaan.⁷

Pendirian Penolong-Penolong Pegawai SUHAKAM

29. Pendirian Penolong-Penolong Pegawai SUHAKAM (*"Assisting Officers of SUHAKAM"*) adalah bahawa atas imbalan kebarangkalian (*"balance of probabilities"*) Pastor Raymond Koh adalah seorang mangsa kehilangan paksa dan bahawa beliau telah diculik oleh sekumpulan personel terlatih.⁸

Pendirian Majlis Peguam Malaysia

30. Peguam bagi pihak Majlis Peguam telah bersetuju dengan hujahan-hujahan yang dikemukakan oleh Peguam bagi pihak keluarga. Namun demikian, Peguam bagi Majlis Peguam dengan selanjutnya telah menyatakan bahawa kehilangan Pastor Raymond Koh adalah satu kes kehilangan secara tidak sukarela dalam pelanggaran ataupun pelanggaran-pelanggaran undang-undang jenayah, undang-undang sivil dan hak-hak asasi manusia.⁹

Pendirian Pegawai-Pegawai Bagi Pihak Polis

31. Walaupun Pegawai-Pegawai bagi pihak Polis bersetuju dengan Peguam pihak keluarga, Penolong-Penolong Pegawai SUHAKAM dan Peguam bagi Majlis Peguam

⁷ Rujuk kepada muka surat 77 Hujahan Bertulis Peguam Bagi Pihak Keluarga Pastor Raymond Koh bertarikh 15 Januari 2019.

⁸ Rujuk kepada muka surat 27 Hujahan Bertulis Pegawai-Pegawai Pembantu SUHAKAM bertarikh 15 Januari 2019.

⁹ Rujuk kepada muka surat 18 Hujahan Bertulis Majlis Peguam Malaysia bertarikh 4 Februari 2019.

bahawa Pastor Raymond Koh telah hilang dan bahawa kedudukannya hingga kini adalah tidak diketahui, pendirian mereka adalah:

- 31.1. Tiada keterangan yang menunjukkan bahawa pihak Polis, sebagai ejen-ejen Kerajaan, terlibat dalam kehilangan Pastor Raymond Koh atau bahawa kehilangannya dilaksanakan oleh individu bukan kerajaan (*“non state persons”*) yang bertindak atas kebenaran, sokongan dan/atau persetujuan Kerajaan.
 - 31.2. Kehilangan Pastor Raymond Koh adalah berkaitan dengan kes Lam Chang Nam yang telah dituduh di Mahkamah pada 15 Januari 2018 di bawah Seksyen 365 Kanun Keseksaan.
 - 31.3. Kehilangan Pastor Raymond Koh bagaimanapun adalah berkaitan dengan pengeledahan dan perampasan (*“search and seizure”*) ekshibit-ekshibit yang dijumpai di rumah Mohd Fauzi bin Tajuddin ("**Fauzi**") di Pengkalan Hulu, Perak, yang telah ditembak mati oleh Polis dalam penembakan di Baling, Kedah pada 17 Jun 2017. Fauzi disyaki sebagai penyeludup dadah dan senjata api haram. Pihak Polis menegaskan bahawa ekshibit-ekshibit yang dirampas dari rumah itu termasuk gambar-gambar Pastor Raymond Koh, kereta dan rumahnya di Prima Sixteen, Petaling Jaya. Pihak Polis dipercayai bahawa Fauzi dan kumpulan penyeludupan dadahnya adalah kumpulan yang sama yang terlibat dalam penculikan Pastor Raymond Koh.
32. Pihak Polis telah menyakinkan Panel dan Peguam bagi pihak keluarga, Pegawai-Pegawai Pembantu SUHAKAM dan Peguam bagi Majlis Peguam bahawa siasatan

pihak Polis ke atas kehilangan Pastor Raymond Koh masih berterusan dan tindakan segera akan diambil sekiranya terdapat apa-apa petunjuk baru yang berbangkit.¹⁰

E. Keputusan Panel

33. Setelah penilaian terperinci dibuat ke atas keterangan yang dikemukakan, setelah membaca dan mempertimbangkan hujahan-hujahan bertulis oleh Peguam bagi pihak keluarga, Penolong-Penolong Pegawai SUHAKAM, Peguam bagi pihak Majlis Peguam dan Pegawai-Pegawai bagi pihak Polis ("**semua Pihak**") dan setelah mendengar hujahan-hujahan lisan semua Pihak pada 6 Mac 2019, Panel ini telah mencapai satu keputusan muktamad.
34. Selepas mengadakan perbincangan dan setelah lama mempertimbangkan kes ini, Panel ini sebulat suara berpendapat bahawa Pastor Raymond Koh merupakan seorang mangsa kehilangan paksa seperti yang ditakrifkan dalam Perkara 2 ICPED yang telah berlaku pada 13 Februari 2017 pada lebih kurang pukul 10:45 pagi.
35. Kehilangan Pastor Raymond Koh bukan kes kehilangan secara sukarela atau kes kehilangan secara tidak sukarela yang melanggar undang-undang jenayah biasa.
36. Keterangan secara langsung dan keterangan mengikut keadaan ("*direct and circumstantial evidence*") dalam kes Pastor Raymond Koh membuktikan, atasimbangan kebarangkalian bahawa Pastor Raymond telah diculik oleh ejen-ejen Kerajaan iaitu Cawangan Khas, Bukit Aman, Kuala Lumpur.

¹⁰ Rujuk kepada muka surat 17 Hujahan Bertulis Pihak Polis.

-
37. Panel ini selanjutnya berpendapat bahawa tiada pernyataan untuk menyokong penegasan, seperti yang dicadangkan oleh Peguam bagi pihak keluarga Pastor Raymond Koh dan Peguam bagi Majlis Peguam, bahawa Pastor Raymond Koh telah diculik oleh individu-individu atau sekumpulan individu yang bertindak dengan kebenaran, sokongan atau persetujuan Kerajaan.

F. Alasan-Alasan Keputusan

Undang-Undang

Prinsip-Prinsip Hak Asasi Manusia Yang Terpakai

38. Hak asasi manusia adalah dilindungi di bawah pelbagai instrumen, termasuk instrumen domestik dan instrumen antarabangsa. Perjanjian-perjanjian hak asasi manusia antarabangsa dan Perisytiharan-perisytiharan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengkategorikan kehilangan paksa sebagai pelanggaran hak asasi manusia.

Hak Mengenai Kehilangan Paksa Di Bawah Undang-Undang Antarabangsa

39. “Kehilangan paksa” ditakrifkan dalam Perkara 2 ICPPED seperti berikut:

“For the purposes of this Convention, “enforced disappearance” is considered to be the arrest, detention, abduction or any other form of deprivation of liberty by agents of the State or by persons or groups of persons acting with the authorization, support or acquiescence of the State, followed by a refusal to acknowledge the deprivation of liberty or by concealment of the fate or whereabouts of the disappeared person, which place such a person outside the protection of the law.”

-
40. Walaupun Malaysia bukan salah satu pihak yang telah menandatangani ("*signatory*") ICCPED, Panel ini telah merujuk dan mempertimbangkan definisi 'kehilangan paksa' mengikut ICCPED sebagai satu panduan apabila menangani isu sama ada kehilangan Pastor Raymond Koh terangkum dalam definisi kehilangan paksa yang melanggar atau merupakan satu pelanggaran hak asasi manusia.
 41. Definisi "kehilangan paksa" mengikut ICCPED boleh dibahagikan kepada dua bahagian ("*two limbs*"). Bahagian pertama difahami sebagai penglibatan secara langsung Kerajaan dalam kehilangan dengan mengambil mangsa secara paksa ("*forcefully taking the victim away*"). Bahagian kedua difahami sebagai penglibatan Kerajaan secara tidak langsung dengan memberikan kebenaran, sokongan atau persetujuannya kepada individu-individu atau sekumpulan individu yang mengambil mangsa secara paksa. Kedua-dua bahagian definisi ini menekankan penglibatan dan penyertaan Kerajaan dalam kehilangan tersebut.
 42. Perkara 2 ICCPED juga memperuntukkan bahawa apabila Kerajaan terlibat dalam pelucutan kebebasan ("*deprivation of liberty*"), ia mesti diikuti dengan keengganan Kerajaan untuk mengakui pelucutan kebebasan yang sedemikian atau menyembunyikan nasib atau kedudukan orang yang telah hilang tersebut.
 43. Hak mengenai kehilangan paksa juga dilindungi dalam Perisytiharan Sejagat Hak Asasi Manusia 1948 ("**UDHR**") seperti berikut:

"Perkara 3 Setiap orang adalah berhak kepada nyawa, kebebasan dan keselamatan diri.

Perkara 6 Setiap orang adalah berhak kepada pengiktirafan di mana jua sebagai seorang insan di sisi undang-undang.

Perkara 9 Tiada sesiapa pun boleh dikenakan tangkapan, tahanan atau pembuangan negeri secara sewenang-wenangnya."

44. Menurut Seksyen 4(4) Akta tersebut, Panel harus memberi perhatian kepada UDHR setakat perisytiharan itu tidak bercanggah (*"to the extent that it is not inconsistent"*) dengan Perlembagaan Persekutuan.

Hak Mengenai Kehilangan Paksa Di Bawah Undang-Undang Malaysia

45. Di Malaysia, hak mengenai kebebasan diri termaktub dalam Perkara 5 Perlembagaan Persekutuan Malaysia ("**FC**") yang menyatakan bahawa:

"Kebebasan diri

5. (1) Tiada seorang pun boleh diambil nyawanya atau dilucutkan kebebasan dirinya kecuali mengikut undang-undang."

46. Mengenai isu berkenaan kehilangan paksa, satu perbezaan mesti dibuat antara 'kehilangan paksa', 'individu yang hilang', 'penculikan' dan 'abduksi' dengan merujuk kepada, antara lain, Seksyen 3 Akta Penculikan 1961 dan Seksyen 362 Kanun Keseksaan Malaysia.¹¹

- 46.1. **Seksyen 3 Akta Penculikan 1961** memperuntukkan bahawa kes penculikan adalah apabila wang tebusan dituntut:

"Abduction, wrongful restraint or wrongful confinement for ransom

¹¹ Terdapat pelbagai kesalahan lain yang relevan kepada perbincangan mengenai kehilangan secara paksa, antara lain: Seksyen 359 hingga 369 Kanun Keseksaan

3. (1) *Whoever, with intent to hold any person **for ransom**, abducts or wrongfully confines or wrongfully restrains such person shall be guilty of an offence and shall be punished on conviction with death or imprisonment for life and shall, if he is not sentenced to death, also be liable to whipping."*

- 46.2. Manakala, **Seksyen 362 Kanun Keseksaan** Malaysia memperuntukkan bahawa:

"Abduction

362. Whoever by force compels or by any deceitful means induces any person to go from any place, is said to abduct that person."

- 46.3. Tiada definisi yang jelas untuk 'individu yang hilang' tetapi secara amnya apabila seseorang tidak dilihat atau tiada khabar dalam tempoh masa yang lama tanpa apa-apa berita mengenai kedudukannya atau sama ada dia masih hidup, dia dianggap sebagai individu yang hilang. Kes-kes yang kelihatan tiada unsur-unsur jenayah, biasanya dikategorikan sebagai kes individu yang hilang.
47. Adalah penting untuk Kerajaan menjalankan siasatan-siasatan dan memberikan keterangan serta penjelasan kepada keluarga individu yang telah hilang. Kewajipan ini adalah terkandung ("*embedded*") dalam hak keluarga untuk mengetahui kebenaran mengenai apa yang telah berlaku kepada individu yang disayangi. Hak ini diperluaskan kepada ahli-ahli keluarga setakat mana ia merupakan satu pelanggaran integriti mental dan moral terhadap waris ("*next of kin*") yang merupakan suatu akibat langsung daripada kehilangan paksa itu. Ini dijelaskan

dalam kes *Bamaca-Velazquez v Guatemala*¹² di mana Mahkamah Hak Asasi Manusia Inter-Amerika telah memutuskan:

"197. In this respect, the Commission declared that the right to the truth has a collective nature, which includes the right of society to "have access to essential information for the development of democratic systems", and a particular nature, as the right of the victims' next of kin to know what happened to their loved ones, which permits a form of reparation. The Inter- American Court has established the obligation of the State to investigate the facts while there is uncertainty about the fate of the person who has disappeared, and the need to provide a simple and prompt recourse in the case, with due guarantees."

Apakah Siasatan Awam?

48. Secara umumnya, siasatan awam adalah suatu semakan rasmi ke atas peristiwa-peristiwa atau tindakan-tindakan yang telah diarahkan oleh sebuah badan kerajaan. Siasatan awam menerima bukti dan mengadakan pendengaran-pendengarannya di forum yang lebih terbuka dan memberi tumpuan kepada kejadian yang lebih spesifik.
49. Orang awam dan organisasi-organisasi yang berkepentingan boleh mengemukakan hujahan keterangan bertulis yang dilakukan dalam kebanyakan siasatan dan mendengar keterangan lisan yang diberikan oleh pihak-pihak yang lain.¹³
50. Siasatan awam adalah satu mekanisme yang boleh digunakan untuk mencapai mandat SUHAKAM bagi menyiasat isu-isu hak asasi sistemik dengan tujuan untuk menyelesaikannya melalui cara-cara yang sistematik. Dengan mengguna pakai

¹² *IACHR Series C No 70 (Official Citation)* [2000] *IACHR 7 (Other Reference)* IHRL 1453 (IACHR 2000) (*OUP reference*); *IACHR Series C No 91 (Official Citation)* [2002] *IACHR 1 (Other Reference)* IHRL 1474 (IACHR 2002) (*OUP reference*)

¹³ *Public Inquiry* https://en.wikipedia.org/wiki/Public_inquiry

pendekatan hak asasi manusia yang luas, ia boleh meneliti lebih banyak situasi berbanding dengan hanya satu aduan. Siasatan awam mempunyai dua tumpuan ("*dual focus*"), dengan memenuhi kedua-dua peranan penemuan fakta dan peranan pendidikan. Siasatan awam yang berkesan adalah satu siasatan yang disokong oleh pelaksanaan kuasa untuk menyaman saksi-saksi dengan sepina, untuk mengarah mereka mengemukakan dokumen-dokumen dalam pendengaran, dan mengemukakan laporan yang mengandungi cadangan-cadangan kepada semua pihak yang relevan yang kemudiannya akan diterbitkan untuk orang awam.¹⁴

Kuasa-Kuasa Siasatan SUHAKAM

51. Seperti yang dinyatakan di atas, kuasa SUHAKAM untuk menjalankan siasatan adalah termaktub dalam Seksyen 12 Akta tersebut yang menyatakan:

"Suruhanjaya boleh menyiasat atas kehendak sendiri atau atas aduan

12. (1) Suruhanjaya boleh, atas kehendaknya sendiri atau atas suatu aduan yang dibuat kepada Suruhanjaya oleh orang atau kumpulan orang yang terkilan atau seseorang yang bertindak bagi pihak orang atau sekumpulan orang yang terkilan, menyiasat pengatahan mengenai pelanggaran hak asasi manusia orang atau kumpulan orang itu."

52. Kuasa-kuasa yang berhubungan dengan pelaksanaan siasatan awam adalah terkandung dalam Seksyen 14 Akta tersebut:

"Kuasa yang berhubungan dengan siasatan

¹⁴ (2013, May 7). *Report of the National Inquiry into the Land Rights of Indigenous Peoples (Rep.)*. Retrieved from <https://drive.google.com/file/d/0B6FQ7SONa3PRbUlnUGcxzdEWU0/preview>

14. (1) Suruhanjaya hendaklah, bagi maksud sesuatu siasatan di bawah Akta ini, mempunyai kuasa—

(a) untuk mendapatkan dan menerima segala keterangan, bertulis atau lisan, dan untuk memeriksa semua orang sebagai saksi, sebagaimana yang difikirkan oleh Suruhanjaya perlu atau patut didapatkan atau diperiksa;

(b) untuk menghendaki supaya keterangan itu, sama ada bertulis atau lisan, mana-mana saksi dibuat dengan bersumpah atau berikrar, sumpah atau ikrar itu yang berupa sumpah atau ikrar yang dikehendaki daripada saksi itu jika saksi itu memberikan keterangan dalam mahkamahundang-undang, dan untuk mentadbirkan atau menyebabkan ditadbirkan oleh seseorang pegawai yang diberi kuasa bagi maksud itu oleh Suruhanjaya, suatu sumpah atau ikrar kepada tiap-tiap saksi itu;

(c) untuk memanggil mana-mana orang yang bermastautin di Malaysia supaya menghadiri mana-mana mesyuarat Suruhanjaya bagi memberikan keterangan atau mengemukakan apa-apa dokumen atau benda lain yang ada dalam miliknya, dan untuk memeriksa orang itu sebagai saksi atau menghendakinya mengemukakan apa-apa dokumen atau benda lain yang ada dalam miliknya;

(d) untuk menerima, walau apa pun apa-apa peruntukan Akta Keterangan 1950 [Akta 56], apa-apa keterangan, sama ada bertulis atau lisan, yang tidak boleh diterima dalam prosiding sivil atau jenayah; dan

(e) untuk membenarkan atau tidak membenarkan orang ramai mengikuti siasatan itu atau mana-mana bahagian siasatan itu.”

53. Sebelum pendengaran-pendengaran Siasatan Awam dijalankan, Penolong-Penolong Pegawai SUHAKAM telah merekodkan pernyataan-pernyataan individu yang tampil untuk membantu SUHAKAM dengan maklumat yang berkaitan dengan kehilangan Pastor Raymond Koh. Pegawai-Pegawai tersebut juga telah menjalankan siasatan dengan tujuan untuk menemubual individu-individu yang mungkin adalah saksi dalam pendengaran Siasatan Awam tersebut.

54. Semasa pendengaran-pendengaran Siasatan Awam ini, saksi-saksi yang pernyataan mereka telah direkodkan oleh Penolong-Penolong Pegawai SUHAKAM sebelum

Siasatan Awam, telah ditunjukkan pernyataan mereka. Saksi-saksi tersebut diminta untuk membaca pernyataan-pernyataan tersebut bagi mengesahkan kandungan yang dinyatakan di dalamnya. Pernyataan-pernyataan tersebut kemudiannya telah ditandakan sebagai ekshibit. Setiap saksi seterusnya diperiksa oleh Peguam yang mewakili setiap pihak, termasuk Pegawai-Pegawai bagi pihak Polis. Saksi-saksi yang tidak memberikan pernyataan mereka sebelum Siasatan Awam juga diperiksa oleh Peguam yang mewakili setiap pihak, termasuk Pegawai-Pegawai bagi pihak Polis. Semasa pendengaran-pendengaran tersebut, pelbagai rakaman video, gambar dan dokumen telah dikemukakan sebagai bukti dan ditandakan sebagai ekshibit. Semua saksi memberikan keterangan mereka setelah berikrar.

55. Pada penutup Siasatan Awam, Panel ini telah mengarahkan Peguam bagi pihak keluarga, Penolong-Penolong Pegawai SUHAKAM, Peguam bagi pihak Majlis Peguam dan Pegawai-Pegawai bagi pihak Polis untuk mengemukakan hujahan-hujahan bertulis mereka berkenaan semua isu yang dibangkitkan daripada Terma-Rujukan Panel untuk pertimbangan Panel ini.

Elemen-Elemen Yang Perlu Dibuktikan Dalam Siasatan Awam

56. Definisi kehilangan secara paksa dalam ICPPED mengandungi pelbagai tahap kebersalahan ("*degrees of culpability*") Kerajaan mengenai kehilangan awal ("*initial disappearance*"). Tahap kebersalahan Kerajaan disenaraikan di bawah dalam susunan menurun:

- 56.1. bahawa mangsa ditangkap atau ditahan oleh ejen-ejen Kerajaan;

- 56.2. bahawa mangsa diculik oleh ejen-ejen Kerajaan;

-
- 56.3. bahawa mangsa diculik oleh individu-individu atau sekumpulan individu yang bertindak dengan kebenaran Kerajaan;
- 56.4. bahawa mangsa diculik oleh individu-individu atau sekumpulan individu yang bertindak dengan sokongan Kerajaan; atau
- 56.5. bahawa mangsa diculik oleh individu-individu atau sekumpulan individu yang bertindak dengan persetujuan Kerajaan.
57. Dalam kes Pastor Raymond Koh, tahap kesalahan pertama adalah tidak relevan. Tiada bukti yang menunjukkan bahawa Pastor Raymond Koh telah ditangkap atau ditahan oleh ejen-ejen Kerajaan dalam menjalankan kuasa-kuasa mereka yang sah di sisi undang-undang. Oleh yang demikian, tahap kesalahan Kerajaan yang relevan dalam kes Pastor Raymond Koh adalah tahap kedua hingga kelima.
58. Oleh itu, Panel ini dikehendaki untuk menentukan sama ada keterangan mengikut keadaan dalam kes Pastor Raymond Koh, membuktikan atas imbalan kebarangkalian bahawa sama ada beliau diculik oleh ejen-ejen Kerajaan atau diculik oleh ejen-ejen bukan Kerajaan dengan kebenaran, sokongan dan/atau persetujuan Kerajaan.
59. Selanjutnya, Panel ini juga dikehendaki untuk menentukan sama ada keterangan, secara langsung dan/atau mengikut keadaan, boleh membuktikan atas imbalan kebarangkalian, bahawa selepas kehilangan Pastor Raymond Koh berlaku, Kerajaan enggan mengakui pelucutan kebebasan individu tersebut atau telah menyembunyikan nasib atau kedudukan individu yang hilang sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Perkara 2 ICPPED yang dinyatakan di atas.

60. Dalam suatu kes kehilangan paksa, terdapat suatu hubungan yang tidak terpisah (*"indivisible connection"*) antara kehilangan awal dan keengganan untuk mengaku pelucutan kebebasan atau penyembunyian nasib atau kedudukan individu yang telah hilang. Ini dinyatakan oleh Mahkamah Hak Asasi Manusia Eropah dalam kes *Varnava & Ors v Turkey*¹⁵:

"148. A disappearance is a distinct phenomenon, characterised by an ongoing situation of uncertainty and unaccountability in which there is a lack of information or even a deliberate concealment and obfuscation of what has occurred. This situation is very often drawn out over time, prolonging the torment of the victim's relatives. It cannot therefore be said that a disappearance is, simply, an "instantaneous" act or event; the additional distinctive element of subsequent failure to account for the whereabouts and fate of the missing person gives rise to a continuing situation."

61. Dalam kes ***Ng Yee Fong & Anor v EW Talalla*** [1986] 1 MLJ 25, Mohamad Azmi HMA telah memberikan definisi kepada perkataan *"acquiescence"* seperti berikut:

"... properly used where a person having a right, and seeing another person about to commit or in the course of committing an act infringing upon that right, stands by in such a manner as really to induce the person committing the act, and who might otherwise have abstained from it, to believe that he assents to its being committed; a person so standing by cannot afterwards be heard to complain of the act (see De Bussche v Alt (1878) 8 Ch D 286 314). In that sense the doctrine of acquiescence may be defined as acquiescence under such circumstances that assent may be reasonably inferred from it."

62. Keluarga dan individu-individu lain yang bertindak bagi pihak Pastor Raymond Koh tidak mempunyai kuasa penyiasatan Kerajaan untuk mendapatkan bukti mengenai

¹⁵ Appl. nos. 16064/90, 16065/90, 16066/90, 16068/90, 16069/90, 16070/90, 16071/90, 16072/90 and 16073/90, Council of Europe: European Court of Human Rights, 18 September 2009.

identiti individu atau individu-individu yang menyebabkan kehilangan tersebut untuk membuktikan dengan tepat bahawa ia adalah kesalahan Kerajaan.

63. Selepas Siasatan ini, sekiranya Panel mendapati bahawa kes ini merupakan kes kehilangan paksa, Panel ini diberi kuasa untuk merujuk kes ini kepada pihak-pihak berkuasa atau individu-individu yang relevan dengan cadangan-cadangan yang diperlukan menurut Seksyen 13(2) Akta tersebut.
64. Sebaliknya, sekiranya Panel ini mendapati bahawa kehilangan ini merupakan suatu kehilangan secara tidak sukarela di mana Kerajaan tidak terlibat, Panel ini juga mempunyai kuasa-kuasa di bawah Seksyen 13(2) Akta untuk merujuk kes ini kepada pihak-pihak berkuasa atau individu-individu yang relevan dengan cadangan-cadangan yang diperlukan.

Taraf Pembuktian Dalam Siasatan Awam

65. Tiada peruntukan dalam Akta tersebut yang menetapkan taraf pembuktian ("*standard of proof*") yang akan digunakan dalam suatu siasatan awam. Namun demikian, ini tidak bermakna bahawa tiada taraf pembuktian perlu dipenuhi dalam Siasatan Awam ini.
66. Siasatan awam adalah siasatan perisikan yang serupa dengan inkues (iaitu suatu siasatan ke atas kematian oleh koroner). Walaupun siasatan awam bukannya inkues, perbicaraan sivil ataupun jenayah, Panel ini berpendapat bahawa taraf pembuktian yang patut digunakan dalam siasatan awam adalah taraf pembuktian yang sama seperti yang digunakan dalam inkues, iaitu, 'imbangan kebarangkalian' dan bukan 'melampaui keraguan yang munasabah' ("*beyond reasonable doubt*").

67. Tujuan inkues adalah untuk menentukan sama ada terdapat individu yang mungkin terlibat secara jenayah ("*criminally concerned*") dengan sebab/punca kematian dan untuk mencapai satu keputusan ("*verdict*"). Manakala, tujuan siasatan awam ke atas kehilangan paksa seseorang adalah untuk menentukan sama ada Kerajaan terlibat dengan kehilangan secara tidak sukarela ke atas individu tersebut.
68. Prinsip-prinsip yang relevan dengan taraf pembuktian dalam inkues telah dibincangkan secara terperinci oleh Mahkamah Rayuan dalam kes ***Teoh Meng Kee v Pendakwa Raya*** [2014] 5 MLJ 741 di mana Mohammad Ariff HMR telah memutuskan seperti berikut:

*"[48] The learned magistrate, and to a lesser extent, the High Court judge, cited and repeated the **basic principles and rules on coronial jurisdiction.... The commonly accepted principles are as follows:***

(a) an inquest is a fact-finding exercise and not a method of apportioning guilt;

(b) in an inquest, there is no indictment, no prosecution, no defence and no trial. It is simply an attempt to establish facts;

(c) it is an inquisitorial and an investigation process, unlike a trial;

(d) a coroners verdict is not determined by probabilities but by established facts. A coroner is bound by evidence and can only find facts proved by evidence, not guesswork;

(e) if the evidence is insufficient to come to a definite finding, the coroner should record an open verdict;

(f) the function of a magistrate holding an inquiry under Chapter XXXII of the CPC is to inquire, when, where, how and after what manner the deceased came by his death and also whether any person is criminally concerned in the cause of death (s 337). The cause of death is defined under s 328 to include not only the apparent cause of death as ascertainable by inspection or post-mortem examination of the body of the deceased but also all matters necessary to enable an opinion to be formed as to the manner in which the

deceased came by his death and as to whether his death resulted in any way from, or was accelerated by any unlawful act or omission on the part of any person. Hence, **the magistrate holds an inquiry by examining witnesses on oath and while usually following the ordinary rules of evidence, he may admit any evidence which he thinks fit, especially hearsay evidence;**

(g) the verdict of the magistrate is only an expression of a non-binding opinion of a proceeding where there is no accusation against any party;

(h) it follows that a coroners inquest is merely a court of law, not a court of justice. Its verdict does not amount to any conviction.

(i) many of these principles are outlined in our Practice Directions No 1 of 2007: Guidelines on Inquest (as restated in Practice Direction No 2 of 2014 Arahan Amalan Bil 2 Tahun 2014: Pengendalian Siasatan Kematian (Death Inquiry) Selaras Dengan Penubuhan Mahkamah Khas Koroner) To quote some of the parts immediately relevant to this appeal:

1. What is an Inquest?

(a) It is not a trial.

(b) There are no parties to prosecute and to defend.

(c) It is only an inquiry by a magistrate as to the cause of death 'and the Prosecuting Officer is there not to prosecute anyone but only to assist the court with the examination of witnesses for the purpose of giving evidence. ...

(f) A magistrate Coroner shall not express any opinion on any matter until the conclusion of the inquest.

(g) There is no conviction or punishment at the end of it.

...

[70] ...the scheme and structure of the interlocking provisions under Chapter XXXII of the CPC mandate a lower standard. I am therefore of the view that the applicable standard should be the civil standard of proof on a balance of probabilities."

69. Dalam kes **Teoh Meng Kee**, Mah Weng Kwai HMR dengan selanjutnya telah memutuskan seperti berikut:

"[108] It will be noted that s 328 of the CPC speaks of opinion. The section does not stipulate what the standard of proof is that has to be applied in an inquiry

of death. Although s 328 of the CPC is silent on the standard of proof, of course, it cannot be said that there is no standard to be applied. That would be an unacceptable position in law. I am of the view that all that is required of the magistrate is to arrive at an opinion applying the balance of probabilities (civil) standard test on an objective basis. There must be sufficient evidence to arrive at an opinion, in particular whether the death resulted in any way from or was accelerated by any unlawful act or omission on the part of any other person.

STANDARD OF PROOF IN AN INQUIRY OF DEATH

*[118] The next question of law of utmost importance to be determined in this case is the **standard of proof to be applied in an inquiry of death**. Both the learned magistrate and the learned High Court judge adopted the beyond reasonable doubt test. With respect, I am of the view that this is an error of law as **the correct test to be applied is the civil standard of balance of probabilities**. I say this for the following reasons:*

*(a) as stated earlier, **an inquiry of death is not a criminal trial or proceeding. There is no accused person on trial and there is no one to be convicted and sentenced by the court** upon a finding that the prosecution has proved its case beyond reasonable doubt;*

*(b) the rules on admissibility of evidence and procedure in an inquiry of death are not as strict as in a criminal trial. The magistrate is on a mere fact-finding mission and is allowed to consider even hearsay evidence. In the case of Re Loh Kah Kheng (deceased) [1990] 2 MLJ 126 it was held that a **coroner is not bound by the normal procedure of courts and rules of evidence;***

*(c) where the rules relating to evidence and procedure are lax, it will be **inconsistent to require** a magistrate to return **a verdict at the close of an inquiry on a beyond reasonable doubt standard;***

*(d) it will be incorrect to require the family of Teoh Beng Hock to have to prove a case beyond reasonable doubt before the learned magistrate can return a verdict of homicide as the means to do so are severely limited. The family of Teoh Beng Hock, being **members of the public, simply do not have the powers of investigation as possessed by the police. And where the threshold for proof in an inquiry of death is lower, it will not be correct nor necessary to expect members of the public to produce evidence on a beyond reasonable doubt standard** and yet expect a verdict to be proved beyond reasonable doubt;*

(e) a magistrate conducting an inquiry of death is merely to ascertain whether anyone is criminally concerned in the cause of death. He has no power to hold or find anyone criminally liable in the cause of death on a beyond reasonable doubt standard;

(f) in the event a person or persons is/are arrested for being criminally liable in the cause of death it is then for the prosecution to charge the person/s for an offence of homicide and where it will be incumbent upon the prosecution to prove a case beyond reasonable doubt before a conviction can be secured;

*(g) for the police to effect an arrest of a suspect, all that the police have to show at that stage of investigations is that there is reasonable ground of suspicion to support the arrest. The police most certainly do not have to have reasonable grounds on a beyond reasonable doubt standard, before effecting the arrest. Now, if the police can effect an arrest based on reasonable suspicion (see *Shaaban & Ors v Chong Fook Kam & Anor* [1969] 2 MLJ 219) why then should the bar or threshold be raised in an inquiry of death to a standard beyond reasonable doubt before the learned magistrate can return a verdict of homicide? I see no basis for this approach as after all, in fact and in reality, the recording of evidence in an inquiry by the learned magistrate can be likened to an extension of investigations by the police. In *Shaaban's* case it was held that the police are entitled to make an arrest if a reasonable suspicion existed that the suspect was concerned with the offence. It is unnecessary for the police to show that there was prima facie proof of such offence before an arrest.*

*[119] It is not in dispute that in an inquest the evidence adduced must be credible so as to become the basis for the coroners finding (see *Inquest into the death of Sujatha Krishnan, deceased* [2009] 5 CLJ 783); that the verdict must not be based on guess work but on particulars which have been proved in evidence (see *R v Huntback; ex parte Lockley* [1944] KB 606, *Re Derek Selby, deceased* [1971] 2 MLJ 277); a magistrate who conducts an inquiry must confine himself to the evidence made available to him and at the end of the day must decide on that evidence alone (see *Public Prosecutor v Shanmugam & Ors* [2002] 6 MLJ 562); that a magistrate can only make a definite finding based on proved facts produced and not on mere conjectures (see *Re Rumie Mahlie, deceased* [2007] MLJU 280; [2007] 10 CLJ 69).*

*[120] In Victoria, Australia in the case of *Anderson v Blashki* [1993] VR 89 it was held that the standard of proof to be applied by the coroner in investigating a death is the civil standard of the balance of probabilities (see also *Briginshaw v Briginshaw* (1938) 60 CLR 336). In the infamous case of*

Inquest into the death of Azaria Chantel Loren Chamberlain [2012] NTMC 020, it was held by the High Court of Australia that in the coronial jurisdiction, the test applied is a balance of probabilities test.

*[122] Returning to the issue of the standard of proof applicable in an inquiry of death, a useful comparison may be made with the standard applied in preliminary inquiries into cases (namely, capital offences) triable by the High Court before Chapter XVII, ss 138–151 of the CPC were deleted by Act A908. For purposes of committal of a case for trial in the High Court, reliance used to be placed by the prosecution on the phrase sufficient grounds for committing as provided for by the former s 140(i) of the CPC. What this meant was that there must be credible evidence shown by the prosecution for a case to be committed for trial. The standard of proof in a preliminary inquiry had always been on a standard lower than that of beyond reasonable doubt. In *Public Prosecutor v Puspanathan a/l Sinnasamy & Ors* [1996] 4 MLJ 165, Mohd Hishamudin J (now JCA) had occasion to say that for the purposes of the preliminary inquiry, the prosecution was only required to adduce sufficient evidence identifying the body of the deceased, and was not required to prove this beyond reasonable doubt. In a criminal trial, as opposed to a mere preliminary inquiry, the standard of proof is higher (see p 169 E F,H I; *Teay Wah Cheong v Public Prosecutor* [1964] 1 MLJ 21 and *Fazal Din v Public Prosecutor* [1949] MLJ 123 distinguished)."*

70. Oleh itu, taraf pembuktian yang digunakan dalam suatu Siasatan Awam di bawah Seksyen 12 Akta tersebut adalah berdasarkan 'imbangan keberangkalian' (iaitu taraf atau kuantum bukti dalam kes sivil). Pada dasarnya, ini bermakna bahawa Panel ini berhak untuk menerima dan bergantung kepada keterangan yang mungkin benar dan tidak perlu dibuktikan berdasarkan taraf 'melampaui keraguan yang munasabah' ("*does not need to be proved to be beyond reasonable doubt*").

Beban Bukti Dalam Kes Kehilangan Paksa

71. Mengenai beban bukti, iaitu ke atas siapakah terletaknya beban untuk membuktikan kes, pendekatan yang telah diambil dalam kes-kes hak asasi manusia antarabangsa mengenai kehilangan paksa, mengilustrasikan bahawa beban bukti

terletak pada Kerajaan. Ini telah diputuskan oleh beberapa mahkamah seperti berikut:

71.1. ***Bamaca-Velasquez v Guatemala***¹⁶, Mahkamah Hak Asasi Manusia Inter-Amerika memutuskan bahawa:

"As this Court has often repeated, in cases of forced disappearance, the State's defense cannot rely on the impossibility of the plaintiff to present evidence in the proceedings since, in such cases, it is the State that controls the means to clarify the facts that have occurred in its jurisdiction and, therefore, in practice, it is necessary to rely on the cooperation of the State itself in order to obtain the required evidence.

...In cases such as forced disappearance - and others... - the State has better possibilities of assuming the function of proving what it denies, than the individual to prove what he affirms"

71.2. ***Godínez Cruz v Honduras***¹⁷, Mahkamah Hak Asasi Manusia Inter-Amerika telah memutuskan bahawa:

"141. In contrast to domestic criminal law, in proceedings to determine human rights violations the State cannot rely on the defense that the complainant has failed to present evidence when it cannot be obtained without the State's cooperation.

*142. The State controls the means to verify acts occurring within its territory. Although the Commission has investigatory powers, it cannot exercise them within a State's jurisdiction unless it has the cooperation of that State."*¹⁸

¹⁶ IACHR Series C No 70 (Official Citation); [2000] IACHR 7 (Other Reference); IHRL 1453 (IACHR 2000) (OUP reference); IACHR Series C No 91 (Official Citation); [2002] IACHR 1 (Other Reference); IHRL 1474 (IACHR 2002) (OUP reference)

¹⁷ IACHR Series C no 10 (Official Citation); IHRL 1391 (IACHR 1990) (OUP reference)

¹⁸ Lihat juga *Velasquez-Rodriguez v Honduras* (IACtHR, 1988).

- 71.3. **Varanava & Ors v Turkey**¹⁹, Mahkamah Hak Asasi Manusia Eropah telah memutuskan bahawa:

"184. As a logical development of this approach, in the situation where persons are found injured or dead, or who have disappeared, in an area within the exclusive control of the authorities of the State and there is prima facie evidence that the State may be involved, the burden of proof may also shift to the Government since the events in issue may lie wholly, or in large part, within the exclusive knowledge of the authorities. If they then fail to disclose crucial documents to enable the Court to establish the facts or otherwise provide a satisfactory and convincing explanation, strong inferences may be drawn."

- 71.4. **Bleier v Uruguay**²⁰, Jawatankuasa Hak Asasi Manusia Bangsa-Bangsa Bersatu telah memutuskan bahawa:

"13.3 With regard to the burden of proof, this cannot rest alone on the author of the communication, especially considering that the author and the State party do not always have equal access to the evidence and that frequently the State party alone has access to relevant information ... In cases where the author has submitted to the Committee allegations supported by substantial witness testimony, as in this case, and where further clarification of the case depends on information exclusively in the hands of the State party, the Committee may consider such allegations as substantiated in the absence of satisfactory evidence and explanations to the contrary submitted by the State party."

72. Oleh itu, beban pembuktian dalam kes-kes kehilangan paksa adalah beban Kerajaan. Ini bermakna bahawa Panel ini berhak untuk menerima andaian-andaian yang dikemukakan oleh Peguam bagi pihak keluarga, Pegawai-Pegawai Pembantu SUHAKAM dan Peguam bagi pihak Majlis Peguam terhadap Kerajaan. Ia adalah

¹⁹ Appl. nos. 16064/90, 16065/90, 16066/90, 16068/90, 16069/90, 16070/90, 16071/90, 16072/90 and 16073/90, Council of Europe: European Court of Human Rights, 18 September 2009

²⁰ Communication No. R.7/30, 29 March 1982.

terserah kepada Kerajaan untuk mengemukakan bukti yang memuaskan serta untuk memberikan penjelasan-penjelasan atas imbalan kebarangkalian bagi menunjukkan bahawa Kerajaan itu tidak, dalam apa-apa cara sekalipun terlibat dalam kes kehilangan individu tersebut sepertimana definisi kehilangan paksa di bawah Perkara 2 ICPPED.

Kebolehterimaan Keterangan

73. Panel ini tidak dihadkan atau dibataskan (*“constrained or limited”*) oleh Akta Keterangan 1950 dalam penerimaan keterangan semasa Siasatan Awam ini. Pendekatan yang fleksibel akan diambil di mana keterangan yang biasanya tidak diterima dalam prosiding jenayah dan sivil boleh diterima dalam Siasatan Awam ini. Ini diiktiraf oleh Seksyen 14(1)(a) dan (d) Akta tersebut yang menyatakan bahawa “Suruhanjaya hendaklah, bagi maksud sesuatu siasatan di bawah Akta ini, mempunyai kuasa — (a) untuk mendapatkan dan menerima segala keterangan, bertulis atau lisan, dan untuk memeriksa semua orang sebagai saksi, sebagaimana yang difikirkan oleh Suruhanjaya perlu atau patut didapatkan atau diperiksa;” dan “(d) untuk menerima, **walaupun apa pun apa-apa peruntukan Akta Keterangan 1950** [Akta 56], apa-apa keterangan, sama ada bertulis atau lisan, yang tidak boleh diterima dalam prosiding sivil atau jenayah.”
74. Fleksibiliti ini selaras dengan taraf antarabangsa mengenai siasatan-siasatan hak asasi manusia dalam kes-kes berikut:

- 74.1. Dalam ***Bamaca-Velasquez v Guatemala***²¹, Mahkamah Hak Asasi Manusia Inter-Amerika telah memutuskan bahawa:

"97. In an international tribunal such as the Court, whose aim is the protection of human rights, the proceeding has its own characteristics that differentiate it from the domestic process. The former is less formal and more flexible than the latter, which does not imply that it fails to ensure legal certainty and procedural balance to the parties. This grants the Court a greater latitude to use logic and experience in evaluating the evidence rendered to it on the pertinent facts."

131. Taking this into account, the Court attributes a high probative value to testimonial evidence in proceedings of this type, that is, in the context and circumstances of cases of forced disappearance, with all the attendant difficulties, when, owing to the very nature of the crime, proof essentially takes the form of indirect and circumstantial evidence."

- 74.2. Dalam ***Velasquez-Rodriguez v Honduras***²², Mahkamah Hak Asasi Manusia Inter-Amerika berpendapat bahawa keterangan langsung tidak merupakan bukti yang mungkin boleh dipertimbangkan secara sah (*"not the only type of evidence that may be legitimately considered"*). Keterangan mengikut keadaan, tanda-tanda dan anggapan juga boleh dipertimbangkan selagi ia mempunyai kesimpulan-kesimpulan yang konsisten dengan fakta-fakta. Selanjutnya, mahkamah tersebut telah memutuskan bahawa:

"131. Circumstantial or presumptive evidence is especially important in allegations of disappearances, because this type of repression is characterized by an attempt to suppress all information about the kidnapping or the whereabouts and fate of the victim."

²¹ IACHR Series C No 70 (Official Citation) [2000] IACHR 7 (Other Reference) IHRL 1453 (IACHR 2000) (OUP reference); IACHR Series C No 91 (Official Citation) [2002] IACHR 1 (Other Reference) IHRL 1474 (IACHR 2002) (OUP reference).

²² Inter-Am.Ct.H.R. (Ser. C) No. 4 (1988), Inter-American Court of Human Rights (IACrTHR), 29 July 1988.

-
75. Kes-kes kehilangan secara paksa biasanya disifatkan dengan percubaan-percubaan Kerajaan untuk menyekat semua maklumat (*"suppress all information"*). Secara lazimnya, pengadu-pengadu dalam kes-kes sedemikian tidak mempunyai bukti langsung untuk menunjukkan bahawa ejen-ejen Kerajaan terlibat dalam kehilangan tersebut dan mereka harus bergantung kepada keterangan mengikut keadaan. Pengadu-pengadu juga secara lazimnya tidak mempunyai cara untuk mengenal pasti dengan tepat bahawa ejen-ejen Kerajaan terlibat dalam kehilangan tersebut.
76. Keterangan yang telah dikemukakan kepada Panel ini untuk menunjukkan bahawa Kerajaan terlibat dengan kehilangan tersebut biasanya adalah bukti mengikut keadaan yang menimbulkan andaian bahawa ejen-ejen Kerajaan adalah terlibat dalam kehilangan itu. Ia adalah hanya melalui pelaksanaan kuasa siasatan Kerajaan, di mana penjenayah, dan peranan mereka, boleh dikenal pasti secara tepat.
77. Pertimbangan dalam kes-kes yang keterangannya dibuat secara keseluruhan mengikut keadaan telah dijelaskan oleh Mahkamah Rayuan dalam ***Chan Chwen Kong v Pendakwa Raya*** [1962] 1 MLJ 307 dalam perenggan-perenggan E dan F, mukasurat 307:

*"It must, however, be borne in mind that in cases like this where the evidence is wholly circumstantial what has to be considered is not only the strength of each individual strand of evidence but also the combined strength of these strands when twisted together to make a rope. The real question is: is that rope strong enough to hang the prisoner?"*²³

²³ Lihat juga *Sunny Ang v Public Prosecutor* [1963] 2 MLJ 195, di mana perayu telah disabitkan dengan kesalahan membunuh walaupun mayat si mati tidak ditemui dan pihak pendakwa raya telah bergantung kepada keterangan mengikut keadaan.

-
78. Semasa Siasatan Awam dijalankan, Panel ini berhak dari segi undang-undang untuk mengguna pakai pendekatan yang tidak dihadkan serta fleksibel dalam penerimaan ("*reception and admission*"), kedua-dua keterangan secara lisan dan dokumentari, yang berkemungkinan tidak wajar untuk diterima dalam perbicaraan sivil dan jenayah.
79. Untuk menganalisis keterangan yang terdapat dalam kes Pastor Raymond Koh, Panel ini telah menggunakan pendekatan yang lebih inklusif dan bukan eksklusif. Oleh itu, Panel ini telah mengambil kira, antaranya, keterangan dengar cakap ("*hearsay*"), keterangan mengikut keadaan atau keterangan anggapan dalam menentukan kesan kumulatif keterangan yang telah dikemukakan dalam Siasatan Awam ini.

Fakta-Fakta Terperinci Ke Atas Kehilangan Pastor Raymond Koh

Keterangan Langsung

80. Berdasarkan keterangan langsung yang tersedia, Panel ini telah memerhatikan perkara-perkara berikut:
- 80.1. Susanna telah memberi keterangan bahawa pada 13 Februari 2017 lebih kurang pukul 8:45 pagi, Pastor Raymond Koh bersama dengannya dan anak lelaki mereka, Jonathan Koh Szu Hao ("**Jonathan**") berada di rumah mereka di Prima Sixteen, 12-4 Chapter Two, Jalan 16/18, Section 16, Petaling Jaya, Selangor.
- 80.2. Susanna kemudian telah memberi keterangan bahawa lebih kurang pada pukul 10:15 pagi, Pastor Raymond Koh telah mengambil sebalang belacan

daripada Susanna di Kondominium Puncak Damansara di mana Pastor Raymond Koh berniat untuk memberikannya kepada kawannya di Pejabat Harapan Komuniti di Jalan SS4C/1, Kelana Jaya, Selangor.

- 80.3. Roeshan, seorang saksi kejadian tersebut telah memberi keterangan bahawa pada lebih kurang pukul 10:45 pagi, dia telah menyaksikan tiga (3) kenderaan 4WD hitam dan dua (2) kereta, salah satu daripadanya adalah Toyota Vios emas dan dua (2) motosikal yang mengelilingi sebuah kereta semasa dia memandu di Jalan SS4B/10, Kelana Jaya iaitu sebuah kawasan kediaman. Kemudian, dia telah menyaksikan pergelutan antara pemandu kereta tersebut dengan beberapa orang lelaki lain yang berpakaian hitam dan yang memakai *balaclava* hitam. Apabila Roeshan memandu keretanya dengan lebih dekat, seorang lelaki India telah berhadapan ("*came up*") dengan Roeshan dan mengarahkan dia untuk pergi ("*back off*") dari tempat kejadian. Selepas itu, ketika Roeshan sedang mengundurkan keretanya, dia terlihat seorang lelaki Melayu mengambil video kejadian itu sebelum semua orang dan kenderaan tersebut termasuk kereta mangsa dipandu dari tempat kejadian tersebut ("*driven off*").
- 80.4. Roeshan juga telah memberi keterangan bahawa ketika sedang memandu dari tempat kejadian tersebut, dia terlihat bahawa terdapat kaca yang hancur di atas jalan raya kerana tingkap pemandu kereta mangsa tersebut telah dipecahkan.
- 80.5. Roeshan telah memberi keterangan bahawa kejadian tersebut secara keseluruhannya telah mengambil masa kurang daripada satu minit.

-
- 80.6. Roeshan kemudiannya telah membuat satu laporan polis²⁴ mengenai kejadian tersebut di Balai Polis Kelana Jaya pada pukul 11:54 pagi. Selepas lebih kurang dua (2) jam, Roeshan telah bertemu dengan Inspektor Ali Asra Bin Abu Bakar (IW6) ("**Inspektor Ali**") di mana dia diminta untuk menceritakan kejadian yang telah disaksikan. Inspektor Ali telah memaklumkan kepada Roeshan bahawa berdasarkan penerangannya, kejadian tersebut "*berkemungkinan merupakan satu operasi polis kerana ia serupa dengan modus operandi operasi-operasi polis*".
- 80.7. Susanna kemudiannya telah memberi keterangan bahawa pada hari yang sama lebih kurang pada pukul 3:30 petang, dia telah cuba untuk menghubungi Pastor Raymond Koh melalui telefon bimbitnya tetapi panggilan telefonnya dihantar ke peti suara ("*voicemail*"). Susanna menunggu Pastor Raymond Koh di rumah mereka di Prima Sixteen, Petaling Jaya untuk menjemputnya dan bertemu dengan seorang kawan, Kevin Jesudason di Klang pada lebih kurang pukul 4:00 petang. Namun demikian, Pastor Raymond Koh tidak muncul.
- 80.8. Susanna juga telah memberi keterangan bahawa dia telah menerima satu panggilan telefon daripada Jonathan lebih kurang pada pukul 4:45 petang untuk memaklumpkannya bahawa seorang bernama Albert Teh Chuan Seng (IW8) ("**Albert**"), pemilik Honda Accord perak yang mempunyai nombor pendaftaran ST5515D, yang dipandu oleh Pastor Raymond Koh semasa dia meninggalkan rumah mereka pada waktu pagi, memberitahunya bahawa dia telah menerima satu panggilan telefon daripada pihak Polis. Pihak Polis

²⁴ Merujuk kepada Ekshibit 5 yang dikemukakan di Siasatan Awam.

telah memaklumkan kepada Albert bahawa keretanya terlibat dalam kes/kejadian "penculikan kanak-kanak".

- 80.9. Jonathan kemudiannya membuat dua (2) laporan polis pada 14 Februari 2017 pada pukul 12:22 pagi dan pada 27 Februari 2017 pada pukul 5:25 petang di Balai Polis Kelana Jaya mengenai kehilangan Pastor Raymond Koh.

Keterangan Mengikut Keadaan

81. Pada 15 Februari 2017, dua (2) hari selepas kehilangan Pastor Raymond Koh, Jonathan dan adik perempuannya, Esther Koh Sze Ern ("**Esther**") telah pergi ke Jalan SS4B/10, Kelana Jaya dan telah berjumpa dengan penduduk-penduduk rumah berhampiran tempat kejadian tersebut, dengan harapan untuk mendapatkan rakaman CCTV untuk kejadian tersebut seperti yang telah disaksikan oleh Roeshan.
82. Pada hari yang sama, mereka telah berjaya mendapatkan rakaman CCTV dari sebuah rumah yang beralamat di No. 72, Jalan SS4B/12, Kelana Jaya manakala pada 16 Februari 2017, Esther telah berjaya mendapatkan satu lagi rakaman CCTV yang lain untuk kejadian tersebut dari sebuah rumah yang beralamat di No. 19, Jalan SS4C/12, Kelana Jaya.
83. Pada 22 Februari 2017, Jonathan telah memberikan rakaman-rakaman CCTV tersebut kepada Penolong Penguasa Polis Supari Bin Muhammad (IW7) ("**ASP Supari**"), Pegawai Penyiasat untuk kes kehilangan Pastor Raymond Koh. Rakaman-rakaman CCTV tersebut pada akhirnya telah menjadi *viral* selepas dimuat naik oleh *The Star Online*.

Ringkasan Kejadian-Kejadian *Sebelum* Kehilangan Pastor Raymond Koh

Kekhuatiran Agama - Isu Percubaan Penukaran Agama Yang Dimaksudkan

84. Pastor Raymond Koh adalah seorang pastor di *Evangelical Free Church* di Petaling Jaya dari tahun 1994 hingga tahun 2004. Sebelum itu, beliau merupakan "Pengarah Mobilisasi Operasi, dalam sebuah agensi misi antarabangsa".
85. Pada tahun 2004, Pastor Raymond Koh telah menubuhkan Harapan Komuniti bersama dengan dua ahli lembaga yang lain, Mohd Rahim bin Ithnen dan Sri Ram s/o KJ Gopala Iyer (IW3) ("**Sri Ram**") di 3-1, Jalan PJS 3/48 Taman Sri Manja, 48000 Petaling Jaya.
86. Harapan Komuniti adalah sebuah pertubuhan tidak berasaskan keuntungan ("*non-profit organisation*") yang menjalankan kerja sosial dan amal di kalangan komuniti yang terpinggir dan serba kekurangan ("*marginalised and underprivileged*"). Program-program yang dianjurkan oleh Harapan Komuniti antaranya termasuk satu projek yang dinamakan "Inspirasi" di Taman Sri Manja, Petaling Jaya, program penjara dengan Jabatan Penjara Johor, kerja-kerja bantuan bencana semasa diperlukan dan bantuan sokongan ibu tunggal serta anak-anak mereka.

Majlis Makan Malam Kesyukuran Dan Pengumpulan Dana

87. Dana-dana Harapan Komuniti diperolehi daripada penderma-penderma peribadi serta aktiviti-aktiviti pengumpulan dana. Akaunnya dikendalikan oleh Sri Ram dan diaudit oleh Soon Yoke Lee & Co.

-
88. Pada 3 Ogos 2011, Harapan Komuniti telah menganjurkan Majlis Makan Malam Kesyukuran dan Pengumpulan Dana di *Dream Centre Hall* di Gereja Methodist Damansara Utama (DUMC) Petaling Jaya. Majlis ini telah menarik perhatian Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS). Pada malam Majlis Makan Malam Kesyukuran dan Pengumpulan Dana tersebut, pegawai-pegawai JAIS dan sepasukan polis telah pergi ke DUMC dan mempersoalkan keberadaan beberapa individu Muslim di situ. Berikutan itu, JAIS telah mempersoalkan penglibatan individu-individu Muslim tersebut dengan Harapan Komuniti dan tujuan mereka menghadiri Majlis Makan Malam Kesyukuran dan Pengumpulan Dana di DUMC.

 89. Serbuan JAIS terhadap Majlis Makan Malam Kesyukuran dan Pengumpulan Dana telah menarik perhatian orang awam. Berikutan itu, Menteri Hal Ehwal Agama Persekutuan pada ketika itu, Jamil Khir Baharom mengesahkan bahawa Jabatan Kemajuan Islam (JAKIM) sedang menyiasat Harapan Komuniti mengenai isu percubaan penukaran agama di kalangan orang Islam (*"proselytisation of Muslims"*).²⁵

 90. Pastor Raymond Koh, pada masa tersebut dianggap menjalankan kerja-kerja yang melibatkan percubaan memasukkan dan menukarkan agama (*"proselytisation and conversion"*) penganut Muslim ke agama Kristian.

 91. Pada 12 Ogos 2011, lebih kurang satu (1) minggu selepas kejadian di DUMC, Ahli Exco Pemuda UMNO pada ketika itu, Lokman Noor Adam, Senator pada ketika itu, Ezam Mohd Nor, dan Ahli Parlimen Kulim Bandar Baharu pada ketika itu, Zulkifli Nordin telah memberi ceramah-ceramah agama di Masjid Negeri Shah Alam dan

²⁵ Rujuk kepada muka surat 7 Ekshibit 10 yang dikemukakan dalam Siasatan Awam.

menyatakan bahawa terdapat keperluan untuk meningkatkan kesedaran dan bahaya percubaan penukaran agama oleh DUMC.²⁶

92. Pada 26 Ogos 2011, lebih kurang dua (2) minggu selepas kejadian di DUMC, Pastor Raymond Koh telah menerima sepucuk surat yang mengandungi dua (2) peluru dengan satu nota yang ditulis dengan dakwat merah di rumahnya yang beralamat di Prima Sixteen, Petaling Jaya. Berikutan itu, Pastor Raymond Koh membuat satu laporan polis mengenai kejadian ini. Namun demikian, pihak Polis tidak meneruskan dan/atau menyiasat perkara itu dengan lebih lanjut.²⁷
93. Pada 22 Oktober 2011, satu protes yang bernama "*Perhimpunan Sejuta Umat, Sejuta Perangai Murtad*" yang dianjurkan oleh Himpunan Pertubuhan-Pertubuhan Islam (HIMPUN) telah diadakan di Stadium Shah Alam tidak lama selepas Sultan Selangor memerintahkan bahawa tiada seseorang pun yang seharusnya didakwa berhubung dengan kejadian DUMC.²⁸
94. Pada 10 November 2015, Pertubuhan Muafakat Sejahtera Masyarakat Malaysia (MUAFAKAT) telah menganjurkan satu seminar bernama "*Seminar Pendedahan Ancaman Rencana Kristianisasi (SPARK)*" di Auditorium Kulliyyah Seni Bina dan Reka Bentuk Alam Sekitar di Universiti Islam Antarabangsa, Gombak. Menurut risalah-risalah yang diedarkan oleh MUAFAKAT, Timbalan Persuruhjaya Polis Dato' DCP Awaludin Jadid, Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Ancaman Extremis Sosial, Cawangan Khas Bukit Aman telah dijemput sebagai penceramah jemputan. Dato' DCP Awaludin Jadid telah dipanggil sebagai saksi (IW19) ("**Dato' Awaludin Jadid**")

²⁶ Rujuk kepada Ekshibit 21 yang dikemukakan dalam Siasatan Awam.

²⁷ Merujuk kepada Ekshibit 11 yang dikemukakan di Siasatan Awam.

²⁸ Merujuk kepada Ekshibit 20 yang dikemukakan di Siasatan Awam.

dalam Siasatan Awam ke atas kehilangan Amri Che Mat. Dalam seminar tersebut, Dato' Awaludin Jadid telah memburuk-burukkan kepercayaan Kristian. Beliau telah menggesa para hadirin dan organisasi bukan kerajaan ("**NGO**") untuk mengambil tindakan terhadap semua pergerakan Kristian di negara ini. Beliau kemudiannya telah menyatakan bahawa demonstrasi dan protes oleh NGO tidak akan menyelesaikan isu Kristianisasi.²⁹

Kejadian Di Pusat Pemeriksaan Imigresen

95. Menurut Susanna, selepas kejadian DUMC, Pastor Raymond Koh dan keluarganya sering ditahan dan dipersoalkan oleh pegawai-pegawai Cawangan Khas di pusat pemeriksaan imigresen Johor Bahru dan Lapangan Terbang KLIA apabila kembali dari Singapura dan luar negara.

Ringkasan Kejadian-Kejadian *Selepas* Kehilangan Pastor Raymond Koh

Penembakan Di Baling, Kedah

96. Pada 17 Jun 2017 lebih kurang 4:25 pagi, terdapat kejadian tembak-menembak di antara Fauzi dan Pasukan Khas Jenayah Terancang (STAFOC) di Baling, Kedah yang diketuai oleh Superintenden Hazril Bin Kamis (IW15) ("**Supt Hazril**"). Akibat daripada penembakan tersebut, Fauzi terbunuh.

²⁹ Rujuk kepada Ekshibit 22 yang dikemukakan dalam Siasatan Awam.

-
97. Berikutan itu, pasukan forensik dari Alor Setar telah tiba di tempat kejadian dan menemui sekeping kertas dalam kereta Fauzi yang mengandungi suatu alamat iaitu No. 76, Kampung Selarong, Pengkalan Hulu, Perak yang ditulis di dalamnya.

Mempunyai Barang-Barang Yang Dikatakan Berkaitan Dengan Pastor Raymond Koh

98. Supt Hazril dan pasukan pegawainya selepas itu telah pergi ke satu alamat untuk melanjutkan penyiasatan mereka ("**Pasukan Pertama**"). Supt Hazril telah menggeledah dan merampas beberapa barang di alamat tersebut. Senarai Carian yang disediakan oleh Supt Hazril telah dikemukakan sebagai Ekshibit 107A, B & C. Senarai Carian tersebut ditandatangani oleh Supt Hazril.
99. Pada 18 Jun 2017, Ketua Polis Kedah, Dato' Asri Bin Yusoff (IW16) ("**Dato' Asri**") telah mengeluarkan Kenyataan Akhbar pihak Polis³⁰ mengenai penembakan di Baling, Kedah. Beliau telah menyenaraikan barang-barang yang dirampas dari rumah Fauzi di No. 71, Kampung Selarong, Pengkalan Hulu, Perak termasuk dadah dan senjata api. Fauzi disyaki adalah seorang penyeludup dadah dan senjata api haram.
100. Adalah penting untuk memberikan perhatian bahawa dalam Kenyataan Akhbar pihak Polis Dato' Asri, beliau tidak memaklumkan bahawa terdapat gambar atau nombor pendaftaran kereta yang dikatakan berkaitan dengan Pastor Raymond Koh telah dirampas oleh Supt Hazril semasa penggeledahan rumah tersebut.

³⁰ Rujuk kepada Ekshibit 40 yang dikemukakan dalam Siasatan Awam.

-
101. Pada 25 Jun 2017, Ketua Polis Negara Tan Sri Khalid Bin Abu Bakar pada ketika itu (IW5) ("**IGP Khalid**") telah mengadakan sidang akhbar³¹ untuk menyatakan bahawa pihak Polis telahpun menyiasat kumpulan yang disyaki terlibat dalam pengedaran dadah dan senjata api haram sejak akhir tahun 2016. Selain daripada memerihalkan bagaimana kejadian tembak-menembak di Baling, Kedah berlaku, IGP Khalid telah menyatakan bahawa Polis telah memperolehi beberapa barang yang dikatakan berkaitan dengan Pastor Raymond Koh dari rumah Fauzi. Barang-barang ini termasuk gambar-gambar Pastor Raymond Koh, rumah dan keretanya. Beliau dengan selanjutnya menyatakan bahawa pihak polis dipercayai bahawa kumpulan pengedaran dadah haram adalah kumpulan yang sama yang terlibat dalam penculikan Pastor Raymond Koh.
102. Pada 30 Oktober 2017, IGP Khalid telah memberi keterangan dalam Siasatan Awam ini bahawa barang-barang yang dikatakan berkaitan dengan Pastor Raymond Koh yang telah dirampas dari rumah Fauzi iaitu sama ada pada 18 atau 19 Jun 2017 dijumpai oleh sepasukan polis kedua dari Bahagian Jenayah Serius Bukit Aman, Kuala Lumpur ("**Pasukan Kedua**"). Menurut keterangan IGP Khalid, Pasukan Kedua telah bergerak dari Kuala Lumpur ke rumah Fauzi satu atau dua hari selepas kejadian tembak-menembak di Baling, Kedah berlaku.³²
103. IGP Khalid kemudian telah memberi keterangan bahawa Pasukan Pertama yang diketuai oleh Supt Hazril telah gagal merampas sebarang barang yang dikatakan berkaitan dengan Pastor Raymond Koh di rumah Fauzi kerana barang-barang

³¹ Rujuk kepada Ekshibit 42 yang dikemukakan dalam Siasatan Awam.

³² Rujuk kepada muka surat 179 hingga 181 Nota Keterangan bertarikh 30 Oktober 2017.

tersebut “tidak menimbulkan kecurigaan pasukan pertama memandangkan pasukan pertama tidak menangani/menyiasat kes Pastor Raymond Koh”.³³

104. Pada 2 November 2017, ASP Supari, Pegawai Penyiasat bagi kes kehilangan Pastor Raymond Koh, telah memberi keterangan dalam Siasatan Awam ini bahawa beliau tidak secara sendiri menggeledah rumah Fauzi atau merampas barang-barang yang dikatakan berkaitan dengan Pastor Raymond Koh. Beliau selanjutnya menyatakan bahawa beliau hanya dimaklumkan oleh Penolong Kanan Persuruhjaya Polis Fadzil Bin Ahmat (IW11) (“**SAC Fadzil**”) tentang pemerolehan barang-barang yang dikatakan berkaitan dengan Pastor Raymond Koh.³⁴
105. Pada 23 November 2017, SAC Fadzil telah memberi keterangan dalam Siasatan Awam ini bahawa beliau dan pasukannya tidak menggeledah rumah Fauzi atau merampas barang-barang yang dikatakan berkaitan dengan Pastor Raymond Koh. Namun demikian, beliau selanjutnya menyatakan bahawa ASP Supari telah menerima barang-barang yang dikatakan berkaitan dengan Pastor Raymond Koh daripada Pegawai Perampas (“*Seizing Officer*”), ASP Toh di Pengkalan Hulu.³⁵
106. Pada 15 Oktober 2018, Timbalan Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Risikan dan Operasi, Pesuruhjaya Polis Dato Huzir Bin Mohammad (IW14) (“**CP Huzir**”) telah memberi keterangan bahawa hanya satu pasukan STAFOC yang diketuai oleh Superintenden Hazril Bin Kamis (IW15) (“**Supt Hazril**”) telah datang dari Kuala Lumpur ke tempat kejadian di Baling, Kedah.³⁶ Beliau juga telah menjelaskan

³³ Rujuk kepada muka surat 179 hingga 181 Nota Keterangan bertarikh 30 Oktober 2017.

³⁴ Rujuk kepada muka surat 176 Nota Keterangan bertarikh 2 November 2017.

³⁵ Rujuk kepada muka surat 106 hingga 107 Nota Keterangan bertarikh 23 November 2017.

³⁶ Rujuk kepada muka surat 39 hingga 42 Nota Keterangan bertarikh 15 Oktober 2018.

bahawa Supt Hazril bukan daripada Bukit Aman tetapi beliau daripada Kontinjen Polis Perak dan Kedah. Pasukan STAFOC yang sama diketuai oleh Supt Hazril telah menggeledah rumah Fauzi di Pengkalan Hulu, Perak dan menjumpai barang-barang yang dikatakan berkaitan dengan Pastor Raymond Koh.³⁷

107. Semasa pemeriksaan lanjut oleh Peguam bagi pihak keluarga Pastor Raymond Koh mengenai keterangan IGP Khalid, CP Huzir selanjutnya telah memberi keterangan bahawa beliau menganggap ("*assumed*") bahawa Pasukan Kedua yang dirujuk oleh IGP Khalid adalah pasukan Selangor yang sampai kemudiannya dan menerima barang-barang yang dikatakan berkaitan dengan Pastor Raymond Koh adalah daripada pasukan STAFOC. Beliau menambah bahawa Pasukan Kedua tidak menjumpai barang-barang yang dikatakan berkaitan dengan Pastor Raymond Koh tetapi mereka hanya menerima barang-barang tersebut. CP Huzir selanjutnya telah memberi keterangan bahawa dia tidak bersetuju dengan keterangan IGP Khalid "bahawa Pasukan Kedua hanya pergi ke rumah Fauzi satu atau dua hari selepas 17 Jun 2017". CP Huzir telah menegaskan dalam Siasatan Awam ini bahawa Pasukan Kedua telah menggeledah rumah Fauzi pada hari yang sama iaitu pada 17 Jun 2017.³⁸
108. Pada 7 Disember 2018, Supt Hazril telah memberi keterangan dalam Siasatan Awam ini bahawa CP Huzir adalah Komander STAFOC. Supt Hazril juga telah memberi keterangan bahawa dua (2) minggu sebelum kejadian tembak-menembak pada 17 Jun 2017, beliau telah menerima arahan daripada CP Huzir untuk menangkap sekumpulan penyeludup senjata yang beroperasi di sempadan

³⁷ Rujuk kepada muka surat 49 Nota Keterangan bertarikh 15 Oktober 2018.

³⁸ Rujuk kepada muka surat 51 sehingga 53 Nota Keterangan bertarikh 10 Oktober 2018.

Malaysia-Thailand. Supt Hazril selanjutnya menyatakan bahawa dia telah mengetuai sepasukan STAFOC dari Bukit Aman, Kuala Lumpur ke Baling, Kedah. Sebagai akibatnya, Fauzi telah terbunuh dalam kejadian tembak-menembak tersebut.

109. Selepas penembakan di Baling, Kedah, pasukan forensik dari IPK Kedah tiba di tempat kejadian³⁹ dan telah menemui sekeping kertas yang mengandungi suatu alamat di dalam kereta Fauzi. Alamatnya adalah No. 76, Kampung Selarong, Pengkalan Hulu. Supt Hazril dan pasukan STAFOCnya telah menggeledah premis tersebut yang merupakan sebuah 'rumah kampung papan di atas tiang kayu'.⁴⁰
110. Berikutan itu, Supt Hazril dan pasukan STAFOCnya telah menjumpai dan merampas barang-barang termasuk senjata api dan barang-barang yang dikatakan berkaitan dengan Pastor Raymond Koh di rumah Fauzi.⁴¹ Supt Hazril dengan selanjutnya telah memberi keterangan bahawa tiada Pasukan Kedua dari Selangor yang menggeledah rumah Fauzi di Pengkalan Hulu, Perak dan bahawa pasukannya adalah satu-satunya pasukan yang telah merampas barang-barang yang dikatakan berkaitan dengan Pastor Raymond Koh.⁴²
111. Berikutan kejadian tembak-menembak di Baling, Kedah dan penggeledahan di rumah Fauzi di Pengkalan Hulu, Perak, Supt Hazril telah memberi keterangan bahawa pada 17 Jun 2017, beliau telah membuat dua (2) laporan polis pada pukul 9:04 pagi di Tanjung Parit, Baling, Kedah dan pada pukul 4:10 petang di Pengkalan

³⁹ Rujuk kepada muka surat 11 sehingga 13 Nota Keterangan bertarikh 7 Disember 2018.

⁴⁰ Rujuk kepada muka surat 36 sehingga 40 Nota Keterangan bertarikh 7 Disember 2018.

⁴¹ Rujuk kepada muka surat 43 sehingga 53 Nota Keterangan bertarikh 7 Disember 2018.

⁴² Rujuk kepada muka surat 68 hingga 69 Nota Keterangan bertarikh 7 Disember 2018.

Hulu, Perak yang telah dikemukakan sebagai ekshibit-ekshibit dalam Siasatan Awam ini.⁴³

112. Senarai Carian yang mengandungi tiga (3) muka surat barang-barang yang dirampas oleh Supt Hazril dari rumah Fauzi pada 17 Jun 2017 pada pukul 2.30 petang juga dikemukakan sebagai ekshibit dalam Siasatan Awam ini. Alamat yang ditulis dalam Senarai Carian tersebut adalah No. 76, Kampung Selarong, Pengkalan Hulu.⁴⁴ Supt Hazril juga telah mengesahkan dalam Siasatan Awam ini bahawa Senarai Carian tersebut telah disediakan olehnya.⁴⁵
113. Pada 7 Disember 2018, Dato' Asri telah memberi keterangan dalam Siasatan Awam ini bahawa kandungan-kandungan Kenyataan Akhbar pihak Polis yang dikeluarkan oleh beliau pada 18 Jun 2017 berhubung dengan kejadian di Baling, Kedah adalah benar dan tepat. Beliau selanjutnya menyatakan bahawa dia tidak menjumpai apa-apa barang yang dikatakan berkaitan dengan Pastor Raymond Koh di rumah Fauzi,⁴⁶ oleh itu dia tidak menyebut tentang barang-barang tersebut dalam Kenyataan Akhbarnya.
114. Tambahan pula, barang-barang yang dikatakan berkaitan dengan Pastor Raymond Koh tidak pernah dikemukakan oleh pihak Polis dalam Siasatan Awam ini dalam bentuk asalnya walaupun telah berulang kali diminta oleh Panel. Sebaliknya, pada 13 Disember 2018, suatu gambar berwarna yang menunjukkan barang-barang yang

⁴³ Rujuk kepada Ekshibit 108 dan 111 yang dikemukakan di Siasatan Awam.

⁴⁴ Rujuk kepada Ekshibit 107 A, B, & C yang dikemukakan di Siasatan Awam.

⁴⁵ Rujuk kepada muka surat 96 sehingga 101 Nota Keterangan bertarikh 7 Disember 2018.

⁴⁶ Rujuk kepada muka surat 135 Nota Keterangan bertarikh 7 Disember 2018.

dikatakan berkaitan dengan Pastor Raymond Koh⁴⁷ telah kemudiannya dikemukakan oleh Pegawai-Pegawai bagi pihak Polis kepada Penolong-Penolong Pegawai SUHAKAM, selepas tamat pendengaran Siasatan Awam ini. Oleh yang demikian, gambar berwarna tersebut tidak dikemukakan melalui saksi (*"tendered through a witness"*) dalam Siasatan Awam ini dan tidak ditandakan sebagai ekshibit.

Keterangan Sarjan Shamzaini Mohd Daud

Pendahuluan

115. Semasa pendengaran Siasatan Awam ke atas kehilangan Amri Che Mat, Norhayati memberi keterangan bahawa seorang yang bernama Mohd Shamzaini Mohd Daud, seorang Sarjan Bahagian E5 (Perisikan Ekonomi) dari Cawangan Khas di Kangar, Perlis (**"Sarjan Shamzaini"**) telah pergi ke rumahnya pada pukul 10:30 malam pada 12 Mei 2018 dan memaklumkan kepadanya bahawa Cawangan Khas, Bukit Aman, Kuala Lumpur telah menculik Amri Che Mat di bawah arahan Dato' Awaludin Jadid. Norhayati juga telah menyatakan bahawa Sarjan Shamzaini memberitahunya bahawa ia merupakan pasukan yang sama dari Cawangan Khas, Bukit Aman, Kuala Lumpur yang telah menyebabkan kehilangan Pastor Raymond Koh. Mereka telah bercakap selama dua (2) jam sambil duduk di beranda tingkat pertama rumah Norhayati. Anak perempuan Norhayati, Nur Amirah, juga hadir ketika pertemuan tersebut.

⁴⁷ Rujuk kepada surat daripada Polis kepada SUHAKAM bertarikh 13 Disember 2018, Per: Permohonan Bukti Fizikal/Gambar Barang Rampasan Berhubung Kes Kehilangan Pastor Raymond Koh.

-
116. Kedua-dua Norhayati dan Sarjan Shamzaini telah dipanggil sebagai saksi dalam Siasatan Awam ke atas kehilangan Amri Che Mat dan memberikan keterangan mengenai pertemuan yang diadakan di antara mereka pada 12 Mei 2018 pada lebih kurang pukul 10:30 malam.

Butir-Butir Keterangan Sarjan Shamzaini Yang Diberikan Oleh Norhayati

117. Insiden mengenai lawatan Sarjan Shamzaini ke rumah Norhayati pada malam 12 Mei 2018 tidak dinafikan olehnya. Namun demikian, Sarjan Shamzaini telah menafikan kandungan maklumat yang dikatakan telah diberikan kepada Norhayati.
118. Versi kejadian menurut Norhayati pada malam 12 Mei 2018 adalah seperti berikut:
- 118.1. Kedatangan Sarjan Shamzaini tidak dimaklumkan lebih awal. Norhayati telah menjawab ketukan di pintu, dan telah bertanya siapa. Sarjan Shamzaini tidak menjawab dengan segera tetapi telah bertanya sama ada dia adalah Norhayati. Apabila dia telah mengesahkan bahawa dia adalah Norhayati, Sarjan Shamzaini telah memberitahunya bahawa dia ingin bercakap tentang suaminya dan dia tidak boleh bercakap dengannya di luar rumah.
- 118.2. Norhayati kemudiannya telah meminta Sarjan Shamzaini untuk mengalihkan motosikalnya supaya tidak dilihat orang dan untuk mengikutnya naik tangga luar beranda di tingkat satu. Anak perempuannya, Nur Amirah telah menyertai mereka di beranda. Sarjan Shamzaini pada mulanya duduk di atas tangga. Namun demikian, apabila terlihat lampu-lampu dari kereta polis rondaan di sepanjang jalan, dia

berpindah turun ke bawah tangga supaya tidak dilihat dari jalan raya. Norhayati dan Nur Amirah telah duduk di atas lantai beranda.

- 118.3. Semasa berada di beranda, Sarjan Shamzaini telah memperkenalkan dirinya sebagai "Sham" dan telah menunjukkan kad pengenalannya serta kad kuasa Polis beliau kepada Norhayati dan Nur Amirah. Beliau telah memberitahu mereka bahawa beliau adalah seorang Sarjan dari Cawangan Khas, Kangar, Perlis di bawah arahan ASP Razman.
- 118.4. Menurut Norhayati, Sarjan Shamzaini telah datang bertemunya untuk memberikan maklumat tentang kehilangan Amri Che Mat. Sarjan Shamzaini memberitahu Norhayati bahawa Polis Perlis dan ASP Razman telah merancang untuk menahan Amri Che Mat disebabkan aktiviti-aktiviti Shiah dan perdagangan Forex yang menyalahi undang-undang. Namun demikian, tanpa pengetahuan ASP Razman, Amri Che Mat telah diambil oleh sepasukan dari Cawangan Khas di Bukit Aman, Kuala Lumpur di bawah arahan Dato' Awaludin Jadid.
- 118.5. Apabila Sarjan Shamzaini memberitahunya tentang penculikan oleh pasukan Cawangan Khas, Norhayati telah bertanya mengenai Raymond. Sarjan Shamzaini telah memberitahunya bahawa Raymond telah diculik oleh pasukan yang sama kerana beliau cuba menyebarkan agama Kristian di kalangan penganut Islam. Sarjan Shamzaini telah memberitahu Norhayati bahawa pasukan tersebut juga berada di bawah arahan Dato 'Awaludin Jadid.
- 118.6. Norhayati memberi keterangan bahawa Sarjan Shamzaini telah memaklumkan bahawa Ketua Polis Negara Malaysia pada ketika itu,

Tan Sri Khalid bin Abu Bakar mengetahui tentang operasi tersebut. Sarjan Shamzaini juga telah memberitahunya bahawa Ketua Pegawai Polis Perlis pada ketika itu, Dato 'Ab Rashid dan bekas Ketua Cawangan Khas di Perlis, seorang yang bernama "Mat Ali" juga mengetahui tentang operasi tersebut. Operasi tersebut tidak lancar ("*crude*") dan peninggalan kereta Amri Che Mat adalah tidak dirancang.

- 118.7. Sarjan Shamzaini selanjutnya memberikan Norhayati butiran bahawa Inspektor Khor telah diarahkan untuk memberi keterangan palsu mengenai Toyota Vios emas dan bahawa keterangan Inspektor Khor telah dibincang dan dirancang terlebih dahulu oleh pihak Polis. Sarjan Shamzaini juga telah memaklumkan Norhayati bahawa Toyota Vios tersebut sebenarnya berada di situ semasa penculikan tersebut dan seorang lelaki bernama Azam Azahari berada di dalam kenderaan tersebut bersama dengan pemiliknya.
- 118.8. Sarjan Shamzaini telah menyatakan bahawa dia memberikan maklumat ini secara sukarela kerana apa yang telah dilakukan adalah tidak betul dan dia tidak ingin terlibat dengannya. Sarjan Shamzaini juga telah menyatakan bahawa dengan penukaran kerajaan, dia berharap kebenaran dapat didedahkan.
- 118.9. Pertemuan itu berakhir selepas Norhayati memberikan RM100.00 kepada Sarjan Shamzaini untuk membeli telefon bimbit dan kad SIM supaya mereka boleh terus berhubung secara persendirian. Dia tidak meninggalkan apa-apa butiran untuk berhubung tetapi pemahamannya adalah bahawa dia akan menghubungi Norhayati dan memberikan maklumat kepadanya.

-
- 118.10. Sebaik sahaja Sarjan Shamzaini telah meninggalkan tempat tersebut, Norhayati telah menghantar beberapa mesej perbualan WhatsApp kepada Aizat sebelum bercakap dengannya di telefon. Mesej-mesej perbualan WhatsApp tersebut walaupun trengkas (*"while in shorthand"*), mengandungi ringkasan pertemuan tersebut. Aizat telah meminta Norhayati supaya mencatat nota mengenai pertemuan itu supaya tidak lupa butirannya. Norhayati kemudiannya telah membuat catatan mengenai pertemuan itu dalam satu Buku Nota, yang telah dikemukakan sebagai bukti Ekshibit 60 (a-c) dalam Siasatan Awam ke atas kehilangan Amri Che Mat.
- 118.11. Apabila Norhayati telah selesai membuat catatannya, Aizat dan seorang yang bernama Anuar telah pergi ke rumahnya dan dia telah menceritakan (*"recounted"*) kepada mereka apa yang telah diberitahu oleh Sarjan Shamzaini kepadanya. Selepas berjumpa dengan Aizat dan Anuar, Norhayati telah menghubungi Mohd Faisol Abd Rahman (IW2 dalam Siasatan Awam ke atas kehilangan Amri Che Mat) ("**Mohd Faisol**") dari Perlis Hope melalui mesej-mesej perbualan WhatsApp dan kemudian telah bercakap dengannya.
- 118.12. Norhayati telah menceritakan lawatan dan maklumat yang telah diberikan oleh Sarjan Shamzaini kepada Mohd Faisol.
- 118.13. Mohd Faisol telah menghubungi Sheryll Stothard (IW15 dalam Siasatan Awam ke atas kehilangan Amri Che Mat) ("**Sheryll Stothard**"), seorang aktivis sosial dan penasihat kepada Norhayati. Sheryll Stothard kemudiannya telah menghubungi Norhayati pada lebih kurang pukul 7 pagi

pada 13 Mei 2018 melalui mesej-mesej perbualan WhatsApp dan mengatur untuk bercakap dengannya pada lebih kurang pukul jam 11.00 pagi, selepas berunding dengan peguam.

118.14. Berikutan perbincangan dengan Sheryll Stothard dan apabila Norhayati tidak lagi dapat menghubungi Sarjan Shamzaini, Norhayati telah memutuskan untuk membuat satu laporan polis bagi mewujudkan rekod rasmi mengenai pertemuan dengan Sarjan Shamzaini. Norhayati bimbang untuk membuat laporan di Kangar memandangkan ia berdekatan dengan rumahnya dan dia bercadang untuk membuat laporan di Kedah. Walau bagaimanapun, memandangkan Norhayati akan bertemu dengan peguamnya di Selangor, dia telah memutuskan untuk membuat laporan di sana. Norhayati telah bertemu dengan peguamnya di pejabat mereka di Petaling Jaya, dan membuat laporannya pada 15 Mei 2018 di Ibu Pejabat Polis Selangor di Seksyen 9, Shah Alam.

118.15. Norhayati menafikan pertemuan dengan Sarjan Shamzaini pada pagi 12 Mei 2018 di luar rumahnya seperti yang dinyatakan oleh Sarjan Shamzaini.

118.16. Norhayati juga telah menafikan bahawa perbualannya dengan Sarjan Shamzaini pada malam 12 Mei 2018 di rumahnya adalah tentang hasrat Sarjan Shamzaini untuk menyewa premis perniagaan yang diduduki oleh Ris a/l Chooi (Pharid) (IW16 dalam Siasatan Awam ke atas kehilangan daripada Amri Che Mat) ("**Pharid**"), yang bersebelahan dengan rumah Norhayati.

119. Versi kejadian-kejadian Sarjan Shamzaini adalah seperti berikut:

-
- 119.1. Sarjan Shamzaini menafikan bahawa dia memberikan maklumat mengenai Amri Che Mat kepada Norhayati. Dia menyatakan bahawa dia melawat rumah tersebut tanpa mengetahui bahawa rumah tersebut adalah rumah Norhayati dan dia diarahkan ke rumah Norhayati oleh seorang yang bernama Pharid yang mengendalikan Pharid Audio, iaitu sebuah bengkel aksesori kereta yang bersebelahan dengan rumah Norhayati.
- 119.2. Sarjan Shamzaini pada mulanya menyatakan bahawa dia pergi ke Pharid Audio pada pagi 12.5.2018 untuk menggelapkan ("*tinted*") tingkap keretanya. Oleh sebab kedai tersebut tutup, dia cuba menghubungi Pharid dengan menghubungi nombor Pharid yang dipaparkan di papan tanda yang digantung di luar premis tersebut. Ini adalah pada pukul 8:56 pagi. Oleh kerana Sarjan Shamzaini tidak dapat menghubungi Pharid, dia membuat dua (2) percubaan lanjut. Berikutan itu, dia telah pergi ke sawah berhampiran dan menunggu di sana sehingga dapat bercakap dengan Pharid pada jam 9:18 pagi.
- 119.3. Semasa berbincang dengan Pharid mengenai pemasangan penggelap tingkap kereta, Sarjan Shamzaini berkata bahawa dia juga menyatakan tentang hasratnya untuk menyewa premis yang diduduki oleh Pharid, kerana ingin mengendalikan sebuah bengkel pembaikan kereta di sana. Sarjan Shamzaini juga menyatakan bahawa Pharid memberitahunya bahawa dia harus bercakap dengan pemilik yang menduduki rumah bersebelahan kerana dia tidak mempunyai nombor telefon pemiliknya.

Kewujudan Toyota Vios Emas

120. Pada 19 Oktober 2017, Roeshan telah memberi keterangan dalam Siasatan Awam ke atas kehilangan Pastor Raymond Koh bahawa dia telah menyaksikan sebuah Toyota Vios emas di tempat kejadian pada 13 Februari 2017. Dia selanjutnya telah memberi keterangan bahawa Toyota Vios emas dipandu oleh seorang lelaki Melayu.
121. Adalah penting untuk memberikan perhatian bahawa pada 21 Mac 2018, seorang yang bernama Vee Yak a/l Ban Jong (IW2 dalam Siasatan Awam ke atas kehilangan Amri Che Mat) ("**Vee Yak**"), pemilik Bengkel JST Auto Mechanics juga telah memberi keterangan bahawa terdapat tiga (3) kereta yang terletak di seberang jalan dari bengkelnya selama tiga (3) hari berturut-turut sebelum kehilangan Amri Che Mat. Dia seterusnya telah memberi keterangan bahawa salah sebuah kereta tersebut merupakan satu Toyota Vios emas. Dia telah mencatatkan nombor pendaftaran kereta Toyota Vios (PFC 1623) tersebut kerana bimbang bengkelnya sedang diperhatikan atau diawasi oleh penarik kereta atau orang-orang yang akan melakukan sesuatu yang tidak baik terhadapnya ("*car reposseors or people who were up to no good against him*"). Bengkel Vee Yak adalah 150meter dari dan di sebelah jalan yang sama seperti rumah Amri Che Mat di Jalan Padang Behor, Kangar, Perlis. Oleh itu, Vee Yak dapat melihat Toyota Vios dari bengkelnya dengan jelas.
122. Berikutan itu, Vee Yak telah memberi keterangan bahawa beliau telah menyampaikan maklumat tentang tiga (3) kereta termasuk nombor pendaftaran Toyota Vios tersebut kepada Norhafizal bin Mohd Ariffin ("**Norhafizal**") dan Mohd Aizat bin Zahid ("**Aizat**") (IW16 dan IW14 dalam Siasatan Awam ke atas kehilangan Amri Che Mat). Selepas menerima maklumat ini daripada Vee Yak, Aizat dengan

segeranya telah menghubungi Inspektor Khor Yi Shuen, Pegawai Penyiasat ke atas kehilangan Amri Che Mat (IW9 dalam Siasatan Awam ke atas kehilangan Amri Che Mat) ("**Inspektor Khor**") pada 26 November 2016.

123. Pada 3 April 2018, Inspektor Khor memberi keterangan dalam Siasatan Awam ke atas kehilangan Amri Che Mat bahawa dia telah menjalankan carian di Jabatan Pengangkutan Jalan ("**JPJ**") atas nombor pendaftaran kereta Toyota Vios emas tersebut dan menghantar pegawai-pegawainya untuk soal siasat dan merekodkan pernyataan daripada pemilik kenderaan tersebut. Beliau pada mulanya menyatakan bahawa dia tidak mengingati nama pemiliknya serta menolak kenyataan bahawa ini adalah Toyota Vios emas yang dilihat oleh Vee Yak atas alasan/asas bahawa kenderaan tersebut berada di Kuala Lumpur pada masa tersebut dan kenderaan tersebut tidak pernah ke Perlis.
124. Semasa pemeriksaan lanjut Siasatan Awam ke atas kehilangan Amri Che Mat, Inspektor Khor telah ditunjukkan butir-butir JPJ kenderaan yang mempunyai nombor pendaftaran PFC 1623. Dia ditanya sama ada pemilik kenderaan itu adalah Saiful Bahari bin Abdul Aziz ("**Saiful Bahari**") seperti yang dinyatakan dalam rekod-rekod JPJ. Dia telah mengesahkan bahawa Saiful Bahari memang pemilik dan individu yang mana pernyataannya telah direkodkan oleh pegawai Inspektor Khor. Namun demikian, beliau menyatakan bahawa dia tidak dapat ingat pekerjaan Saiful Bahari.
125. Berikutan itu, Inspektor Khor telah diberikan satu senarai soalan bertulis, termasuk soalan tentang Toyota Vios emas untuk mengenal pasti keterangan tentang pemilik tersebut semasa waktu rehat pendengaran Siasatan Awam. Senarai soalan tersebut telah dikemukakan oleh Peguam bagi pihak keluarga Amri Che Mat

kepada Inspektor Khor dengan persetujuan Panel ini. Dalam jawapan bertulisnya, Inspektor Khor telah mengenal pasti Saiful Bahari sebagai seorang pembantu tadbir yang bekerja di Pusat Latihan Polis (PULAPOL) di Jalan Semarak di Kuala Lumpur. Dalam keterangannya, Inspektor Khor telah menyatakan bahawa Saiful Bahari telah berhenti bekerja di PULAPOL pada November 2017. Dia menyatakan bahawa dia telah cuba mencari Saiful Bahari di alamat rumahnya tetapi Saiful Bahari tidak dapat ditemui di sana. Inspektor Khor telah memaklumkan bahawa penyelia Saiful Bahari di PULAPOL adalah Inspektor Mohd Azizie Abd Hamid (IW21) ("**Mohd Azizie**"). Ia didapati kemudiannya bahawa Mohd Azizie sebenarnya berpangkat Penolong Penguasa Polis dan bukan Inspektor, yang berkhidmat di Cawangan Khas, Kuala Lumpur.

126. Pada 6 Ogos 2018 dan 27 Ogos 2018, Mohd Azizie telah memberi keterangan dalam Siasatan Awam ke atas kehilangan Amri Che Mat. Beliau telah memperkenalkan dirinya sebagai Penolong Penguasa Polis Jabatan Pengurusan Logistik dan Perumahan Cawangan Khas di Bukit Aman. Beliau telah menyatakan bahawa Saiful Bahari adalah satu-satunya kakitangan yang berkhidmat dengannya pada masa tersebut di PULAPOL dan telah memberi tanggapan bahawa Saiful Bahari bekerja sebagai tukang serba boleh am berpangkat rendah, di mana tanggungjawabnya adalah untuk membersihkan dan menyelenggara penginapan Polis di PULAPOL. Mohd Azizie menyatakan bahawa Saiful Bahari telah berhenti bekerja pada awal November 2017, walaupun kontraknya hanya akan tamat pada bulan Mac 2018. Seminggu selepas Saiful Bahari berhenti bekerja, Mohd Azizie menyatakan bahawa dia cuba menghubunginya dan juga telah melawat rumahnya tetapi Saiful Bahari tidak dapat dikesan. Dia juga telah menyatakan bahawa Saiful Bahari tidak mungkin berada di dalam Toyota Vios yang telah dilihat oleh Vee Yak pada akhir November 2016 kerana mengikut Jadual Cuti yang disediakan olehnya, Saiful Bahari sedang

bekerja di Kuala Lumpur 10 hari sebelum kehilangan Amri Che Mat. Beliau kemudiannya mengesahkan bahawa Jadual Cuti yang telah disediakan berdasarkan permohonan-permohonan cuti Saiful Bahari, adalah bertujuan untuk memberikan keterangannya dalam Siasatan Awam.

127. Mohd Azizie juga cuba untuk menjelaskan bahawa 54 hari cuti luar biasa yang diambil oleh Saiful Bahari, adalah pada hujung-hujung minggu dan dia telah memberikannya lebih daripada kelayakan kerana Saiful Bahari telah memohonnya! Walau bagaimanapun, tiada penjelasan atau rekod-rekod lain selain daripada permohonan cuti longgar ("*loose leave applications*") oleh Saiful Bahari dan Jadual Cuti yang telah dikemukakan oleh Mohd Azizie semasa Siasatan Awam. Penjelasan yang dikatakan telah dibuat oleh Mohd Azizie bukanlah penjelasan yang memuaskan.

G. Pendapat Panel

(i) Modus Operandi

128. Selepas membuat pertimbangan atas semua keterangan, Panel ini mendapati bahawa ia merupakan Pastor Raymond Koh yang memandu Honda Accord yang mempunyai nombor pendaftaran ST5515D di Jalan SS4B/10, Kelana Jaya, Petaling Jaya pada 13 Februari 2017 pada lebih kurang pukul 10:50 pagi ketika kereta beliau dikepung ("*boxed-in*") oleh tiga (3) 4WDs hitam dan secara paksa dikeluarkan dari keretanya. Selepas itu kesemua tiga (3) 4WD hitam dan kereta Pastor Raymond Koh telah dipandu dari tempat kejadian, tanpa meninggalkan sesiapa.
129. Panel ini bergantung kepada keterangan Roeshan yang menyaksikan kejadian tersebut dan telah memberi keterangan bahawa dia telah melihat lebih kurang lima

- (5) hingga enam (6) individu yang terlibat dalam kejadian tersebut. Individu-individu tersebut berpakaian hitam penuh dan bertopeng.
130. Adalah ditegaskan oleh Peguam bagi pihak keluarga dalam hujahan bertulis mereka bahawa operasi ini adalah “dilaksanakan secara cermat dan profesional dengan ketepatan seperti operasi ketenteraan” (*“meticulously and professionally executed with military-like precision”*).⁴⁸
131. Namun demikian, penegasan ini dipertikaikan oleh Pegawai-Pegawai bagi pihak Polis yang berpendapat bahawa penculikan Pastor Raymond Koh tidak dilakukan secara profesional “tidak ada bukti-bukti nyata ianya dilakukan oleh kumpulan terlatih yang boleh dikaitkan dengan PDRM khususnya Cawangan Khas. Faktor-Faktor aktiviti Pastor Raymond Koh Keng Joo sendiri yang memungkinkan kehilangannya seperti penglibatan dalam aktiviti keagamaan”.⁴⁹ Selanjutnya, IGP Khalid telah memberi keterangan dalam Siasatan Awam bahawa dia tidak bersetuju dengan cadangan bahawa modus operasi dalam kehilangan Pastor Raymond Koh adalah operasi khas yang dijalankan oleh pihak Polis.⁵⁰
132. Panel ini berpendapat bahawa walaupun tiada definisi mengenai apa yang dikatakan sebagai “dilaksanakan secara cermat dan profesional dengan ketepatan seperti operasi ketenteraan”, atau “dilaksanakan secara profesional”, Panel ini berpendapat bahawa tanpa mengira perkataan-perkataan yang digunakan untuk menggambarkan operasi yang telah berlaku pada 13 Februari 2017 di Jalan

⁴⁸ Rujuk kepada muka surat 2 Hujahan Bertulis Peguam bagi pihak keluarga Pastor Raymond Koh bertarikh 15 Januari 2019.

⁴⁹ Rujuk kepada muka surat 32 Hujahan Bertulis bagi Pegawai-Pegawai bagi pihak Polis.

⁵⁰ Rujuk kepada muka surat 79 sehingga 81 Nota Keterangan bertarikh 30 Oktober 2017.

SS4B/10, Kelana Jaya, hakikatnya adalah operasi itu dijalankan dengan cekap dan berkesan (*“efficiently and effectively”*) dalam masa lebih kurang dari satu minit. Panel ini selanjutnya berpendapat bahawa operasi tersebut adalah teratur dan dirancang dengan rapi (*“well organised and well planned”*) kerana terdapat juga penunggang-penunggang motosikal yang hadir untuk mengarahkan laluan trafik dan jurugambar video yang merekodkan peristiwa-peristiwa yang telah berlaku.

133. Peguam bagi pihak keluarga dalam hujahan-hujahan bertulis mereka juga menegaskan bahawa memandangkan lima (5) atau enam (6) individu tersebut yang terlibat dalam operasi itu telah berpakaian hitam dengan *balacclavas*, mereka mesti merupakan pasukan polis.⁵¹
134. Penegasan ini amat dipertikaikan oleh IGP Khalid. Sementara IGP bersetuju bahawa pihak Polis mempunyai unit khas di mana pegawai-pegawainya akan berpakaian hitam dengan *balacclavas* semasa operasi, tetapi IGP berpendapat bahawa individu-individu yang terlibat dalam penculikan Pastor Raymond Koh bukan pegawai-pegawai polis kerana tiada bukti untuk mencadangkan bahawa terdapat logo/lambang polis di hadapan atau belakang pakaian hitam yang dipakai oleh individu-individu tersebut yang menunjukkan bahawa mereka adalah pegawai-pegawai polis.
135. Panel ini berpendapat bahawa tidak semestinya pegawai-pegawai polis yang mengambil bahagian dalam operasi-operasi khas dan yang memakai atau

⁵¹ Rujuk kepada muka surat 20 Hujahan Bertulis Peguam bagi pihak keluarga Pastor Raymond Koh bertarikh 15 Januari 2019.

berpakaian penuh dengan pakaian hitam dengan *balaclavas* selalunya mempunyai logo/lambang polis sama ada di hadapan atau belakang pakaian hitam mereka.

136. Ini boleh dilihat dengan jelas dalam video yang ditandakan sebagai Ekshibit 82 di mana Sultan Kelantan pada ketika itu, Tuanku Ismail Petra Sultan Yahya Petra, yang konvoinya dihenti oleh satu konvoi polis yang lain pada 4 Mei 2010. Beberapa pegawai dari konvoi yang lain boleh dilihat dalam video tersebut berpakaian hitam penuh dengan *balaclavas* tanpa apa-apa logo/lambang polis yang boleh dilihat sama ada di hadapan atau belakang pakaian hitam yang dipakai. Oleh yang demikian, tidak boleh dipertikaikan bahawa individu-individu yang berpakaian hitam tersebut merupakan pegawai-pegawai polis yang mengambil bahagian dalam suatu operasi khas.
137. Berdasarkan keterangan mengikut keadaan dan maklumat yang diberikan oleh Sarjan Shamzaini kepada Norhayati bahawa sepasukan pegawai polis dari Cawangan Khas, Bukit Aman, Kuala Lumpur merupakan pasukan yang telah melakukan "penculikan" Pastor Raymond Koh, panel ini berpendapat bahawa kehilangan Pastor Raymond Koh sebenarnya dilakukan oleh Cawangan Khas, Bukit Aman, Kuala Lumpur.

(ii) Penggeledahan Dan Perampasan Barang-Barang Di No. 76, Kampung Selarong, Pengkalan Hulu, Perak

138. Panel ini berpendapat bahawa keterangan yang diberikan oleh beberapa pegawai polis mengenai perampasan barang-barang yang dikatakan berkaitan dengan Pastor Raymond Koh adalah sangat tidak konsisten dan bercanggah antara satu sama lain (*"full of inconsistencies and material contradictions"*). Keterangan yang

berbelit-belit tentang bagaimana barang-barang yang dikatakan berkaitan dengan Pastor Raymond Koh telah dirampas seolah-olah tidak boleh dipercayai dan menghina akal budi dan logik. Apa yang sepatutnya merupakan keterangan yang tidak berdalih ("*straightforward*") tentang siapa yang telah melakukan apa dan bila yang menyebabkan perampasan barang-barang telah diputar belitkan ("*distorted*") sehingga keterangan tersebut tidak boleh diterima sebagai keterangan yang boleh dipercayai. Begitu banyak masa dan usaha telah dibazirkan untuk memahami keterangan-keterangan yang dikemukakan.

139. Kami menyatakan ini atas alasan-alasan yang berikut:

- 139.1. Alamat yang ditulis pada kertas yang ditemui dalam kereta Fauzi adalah No. 76, Kampung Selarong, Pengkalan Hulu, Perak manakala Dato 'Asri dalam Kenyataan Akhbar Polis telah merujuk kepada rumah tersebut sebagai No 71, Kampung Selarong, Pengkalan Hulu, Perak.
- 139.2. Penembakan di Baling, Kedah berlaku pada 17 Jun 2017 pada lebih kurang pukul 4:25 pagi manakala pengeledahan yang dijalankan oleh Supt Hazril adalah pada pukul 2.30 petang pada tarikh tersebut. Supt Hazril dalam keterangannya menyatakan bahawa dia telah menyediakan Senarai Carian tersebut sendiri untuk kesemua tiga (3) muka surat dalam Ekshibit 107A, B dan C. Namun demikian, dengan pandangan sepintas lalu ("*quick glance*") terhadap Senarai Carian tersebut, adalah jelas bahawa barang-barang yang disenaraikan dalam Senarai Carian TIDAK ditulis oleh Supt Hazril sendiri kerana tulisan di bawah tandatangannya dalam Ekshibit 107A, B dan C jauh berbeza daripada tulisan tangan yang menyenaraikan barang-barang rampasan.

-
- 139.3. Dalam keterangan Supt Hazril, beliau telah menegaskan bahawa rumah di No. 76, Kampung Selarong, Pengkalan Hulu, Perak merupakan "rumah kampung papan di atas tiang kayu" manakala rumah di No. 71, Kampung Selarong, Pengkalan Hulu, Perak yang dinyatakan oleh Dato 'Asri dalam Kenyataan Akhbaranya adalah sebuah rumah konkrit satu tingkat seperti yang ditunjukkan dalam gambar yang ditandakan sebagai Ekshibit 117A.
- 139.4. Barang-barang bernombor enam (6) hingga sembilan (9) di bawah Ekshibit 107B serta nombor satu (1) di bawah Ekshibit 107C dalam Senarai Carian yang bertajuk "Tempat/Lokasi Barang-Barang yang dijumpai" dikatakan berada "di bawah rumah". Sekiranya rumah tersebut berada di atas tiang-tiang kayu, perampasan barang-barang "di bawah rumah" mungkin sendirinya jelas tetapi bukan sekiranya rumah tersebut merupakan sebuah bangunan konkrit satu tingkat.
140. Supt Hazril memberi keterangan bahawa dia telah menemui dan merampas barang-barang yang disenaraikan sebagai nombor lima (5) dalam Senarai Cariannya, yang ditandakan sebagai Ekshibit 107A pada 17 Jun 2017, manakala Dato 'Asri dalam Kenyataan Akhbaranya pada 18 Jun 2017 tidak menyebut tentang barang-barang yang berkaitan dengan Pastor Raymond Koh. Sekiranya dengan sesungguhnya dan sebenarnya terdapat hubungan antara perampasan barang-barang yang dikatakan berkaitan dengan Pastor Raymond Koh yang telah dijumpai pada hari penembakan di Baling, Kedah pada 17 Jun 2017, adalah munasabah untuk menjangka bahawa Supt Hazril atau beberapa pegawai yang lain akan memberitahu Dato 'Asri tentang rampasan ini. Memandangkan Dato' Asri tidak menyebut tentang barang-barang yang dikatakan berkaitan dengan Pastor Raymond Koh dalam Kenyataan Akhbaranya, itu bermakna bahawa dia tidak

dimaklumkan tentangnya atau barang-barang yang dikatakan berkaitan dengan Pastor Raymond Koh TIDAK dirampas pada masa tersebut.

141. Adalah penting untuk mengingatkan bahawa IGP Khalid telah memberi keterangan bahawa Pasukan Kedua yang telah merampas barang-barang tersebut dari rumah Fauzi. Keterangan ini bermasalah (*“riddled with potholes”*) kerana:

141.1. Ia merupakan Supt Hazril yang menyatakan bahawa pasukannya, iaitu Pasukan Pertama yang telah merampas barang-barang yang dikatakan berkaitan dengan Pastor Raymond Koh;

141.2. Adalah tidak masuk akal untuk Pasukan Kedua pergi ke rumah Fauzi satu atau dua hari selepas kejadian di Baling, Kedah setelah barang-barang yang dikatakan berkaitan dengan Pastor Raymond Koh kononnya telah dirampas oleh Supt Hazril pada 17 Jun 2017;

141.3. Sekiranya barang-barang yang dikatakan berkaitan dengan Pastor Raymond Koh secara hakikatnya telah dirampas oleh Supt Hazril dan dikeluarkan dari rumah Fauzi, maka tiada barang-barang lain yang akan dapat dirampas oleh Pasukan Kedua;

141.4. Pada 15 Oktober 2018, CP Huzir telah memberi keterangan bahawa Pasukan Kedua yang dirujuk oleh IGP Khalid sebenarnya telah pergi ke rumah Fauzi pada 17 Jun 2017 dan bukan satu atau dua hari kemudian, oleh sebab itu ia bercanggah dengan keterangan IGP Khalid;

141.5. Pada 2 November 2017, ASP Supari memberi keterangan bahawa beliau tidak pergi ke rumah Fauzi untuk menggeledah dan merampas barang-

barang yang dikatakan berkaitan dengan Pastor Raymond Koh. ASP Supari juga memberi keterangan bahawa dia tidak menerima barang-barang yang dikatakan tersebut.

- 141.6. Pada 23 November 2017, SAC Fadzil memberi keterangan bahawa barang-barang yang didakwa berkaitan dengan Pastor Raymond Koh yang telah dirampas dari rumah Fauzi telah diserahkan kepada ASP Supari (oleh Pegawai Rampasan, ASP Toh dari Pengkalan Hulu).
- 141.7. Pada 7 Disember 2018, Dato' Asri mengekalkan keterangannya bahawa kandungan Kenyataan Akhbaranya adalah tepat dan benar, dan oleh sebab itu, ia bercanggah dengan keterangan IGP Khalid.
142. Berikutan percanggahan-percanggahan yang dinyatakan di atas, Panel ini memutuskan bahawa barang-barang yang dikatakan berkaitan dengan Pastor Raymond Koh tidak pernah dirampas dari rumah Fauzi pada 17 Jun 2017 dan sekiranya barang-barang tersebut sememangnya "dirampas" maka barang-barang ini mesti diletakkan di sana atau "ditanam" oleh pegawai-pegawai berkenaan. Sebaliknya, sekiranya barang-barang yang dikatakan berkaitan dengan Pastor Raymond Koh tidak diletakkan atau "ditanam", Panel ini memutuskan atasimbangan keberangskalian bahawa semua pegawai yang telah memberi keterangan tentang barang-barang yang telah dirampas dari rumah Fauzi telah menyatakan sedemikian tanpa sebarang dasar fakta dan telah mereka ("*concocted*") keterangan-keterangan tersebut.
143. Oleh itu, Panel ini menolak keterangan pegawai-pegawai polis tersebut mengenai rampasan barang-barang yang dikatakan berkaitan dengan Pastor Raymond Koh atas sebab keterangan-keterangan mereka yang tidak kredibel. Ini bermakna

bahawa, tanpa bukti yang kredibel tentang rampasan barang-barang yang dikatakan berkaitan dengan Pastor Raymond Koh dari rumah Fauzi, ia menyangkal (“*debunks*”) penegasan yang dibuat oleh IGP Khalid bahawa kehilangan Pastor Raymond Koh adalah berkaitan dengan Fauzi dan/atau sekumpulan individu yang dikatakan adalah penyeludup dadah dan senjata haram dari Utara.

(iii) Maklumat Yang Disediakan Oleh Sarjan Shamzaini Kepada Norhayati

144. Panel ini diberi kuasa di bawah Seksyen 14(1)(a) Akta tersebut (i) untuk mendapatkan dan menerima segala keterangan sama ada bertulis atau lisan dan (ii) untuk memeriksa semua orang sebagai saksi, bergantung kepada kehendak dan keperluan.
145. Menurut Seksyen 14 (1)(d) Akta tersebut, Panel ini tidak dihadkan oleh peruntukan-peruntukan dalam Akta Keterangan 1950 untuk menerima *apa-apa* keterangan, sama ada bertulis atau lisan, yang mana berkemungkinan tidak boleh diterima dalam prosiding-prosiding sivil atau jenayah. Oleh yang demikian, Panel ini berpendapat bahawa keterangan yang diberikan oleh Norhayati dalam Siasatan Awam ke atas kehilangan Amri Che Mat boleh dipertimbangkan dalam Siasatan Awam ini.
146. Dalam Siasatan Awam ke atas kehilangan Amri Che Mat, Norhayati memberi keterangan bahawa pada 12 Mei 2018, Sarjan Shamzaini telah memaklumkan bahawa Cawangan Khas, Bukit Aman, Kuala Lumpur telah menculik Amri Che Mat di bawah arahan Dato’ Awaludin Jadid. Beliau dengan selanjutnya telah memberi

keterangan bahawa Sarjan Shamzaini memaklukkannya bahawa ia merupakan pasukan yang sama yang telah menyebabkan kehilangan Pastor Raymond Koh.

147. Walaupun Sarjan Shamzaini kemudiannya telah membuat satu laporan polis untuk menafikan bahawa dia telah memberitahu Norhayati mengenai penculikan Amri Che Mat dan Pastor Raymond Koh, Panel ini berpendapat bahawa keterangan yang diberikan oleh Norhayati lebih kredibel berbanding dengan keterangan Sarjan Shamzaini.
148. Panel ini berpendapat bahawa keterangan Sarjan Shamzaini adalah bercanggahan dengan keterangan beberapa saksi:
- 148.1. Pernyataan Sarjan Shamzaini bahawa dia telah bertanya tentang penyewaan premis itu bercanggahan dengan keterangan Pharid. Pharid mempunyai tempoh sewa pajakan yang panjang di premis tersebut di mana beliau telah menjalankan perniagaannya. Pajakan itu hanya akan tamat pada tahun 2025. Keterangan Pharid adalah bahawa Sarjan Shamzaini telah bertanya secara umum sama ada dia mengetahui jika terdapat mana-mana premis untuk disewa. Pharid tidak menunjukkan (*“evince”*) apa-apa niat ataupun mengatakan kepada Sarjan Shamzaini bahawa dia akan menamatkan perniagaannya! Pharid sendiri telah menyatakan bahawa tiada perbincangan yang telah berlaku di antara Sarjan Shamzaini dengannya mengenai pengambilan alih premisnya.
- 148.2. Sarjan Shamzaini juga menegaskan bahawa dia telah bertemu dengan Norhayati dua kali pada 12 Mei 2018 iaitu, pada waktu pagi dan sekali lagi pada waktu petang. Dia menyatakan bahawa selepas bercakap dengan Pharid, dia terlihat seorang wanita keluar dari rumah bersebelahan dengan

kedai Pharid. Dia bertemu dengannya dan bertanya sama ada kedai tersebut beroperasi dan apabila Norhayati memberitahunya bahawa kedai tersebut ditutup, dia pula bertanya sama ada kedai itu boleh disewa. Dia menyatakan bahawa wanita tersebut kemudiannya bertanya beberapa soalan mengenai dirinya. Dia memberitahunya bahawa namanya adalah Sham, dan bahawa dia telah tinggal di Perlis sejak 5 hingga 6 tahun yang lalu. Beliau memberitahunya bahawa dia berkerja di Bahagian Cawangan Khas di Ibu Pejabat Polis di Kangar. Dia kemudiannya menyatakan bahawa Norhayati memberitahunya bahawa dia sibuk dan dia harus datang lagi pada waktu malam untuk bercakap dengannya. Versi peristiwa ini bercanggahan dengan laporan polis Sarjan Shamzaini di mana dia sendiri yang menyatakan bahawa dia hanya bertemu dengan Norhayati sekali pada waktu petang. Menurut keterangan Norhayati, Sarjan Shamzaini hanya bertemu dengannya sekali pada 12.5.2018 dan iaitu pada waktu malam sahaja.

- 148.3. Log panggilan telefon Sarjan Shamzaini pada pagi 12.5.2018, sebelum beliau bertemu dengan Norhayati, menunjukkan bahawa dia telah menghubungi Aizat, seorang ahli Perlis Hope sebelum bercakap dengan Pharid. Ini menunjukkan bahawa sebelum bertemu dengan Norhayati, Sarjan Shamzaini sudah tahu bahawa Norhayati mempunyai kaitan dengan Perlis Hope dan itu merupakan sebabnya menghubungi Aizat sebelum bercakap dengan Pharid. Sarjan Shamzaini telah berhasrat supaya Aizat memberikan nombor Norhayati kepadanya.
- 148.4. Apabila tidak dapat memperolehi nombor Norhayati daripada Pharid, dia cuba menghubungi kedua-dua Pharid dan Aizat pada malam tersebut.

Hanya selepas gagal mendapatkan nombor telefon Norhayati, dia mengetuk pintu rumah Norhayati selepas pukul 10:00 malam tersebut.

- 148.5. Ini juga bercanggah dengan keterangan Sarjan Shamzaini bahawa dia pergi ke Pharid Auto untuk memasang penggelapan untuk keretanya. Ini jelas merupakan satu alasan untuk bercakap dengan Pharid bagi mendapatkan nombor telefon Norhayati. Sekiranya Sarjan Shamzaini dengan sesungguhnya ingin menggelapkan cermin kereta, dia tidak akan memanggil Aizat sebelum memanggil Pharid, dan dia tidak akan meminta Pharid memberi nombor Norhayati.
- 148.6. Pertamanya, adalah tidak sesuai (*"incongruous"*) untuk seorang pegawai polis dari Cawangan Khas Kangar, Perlis bertemu dengan isteri seorang lelaki yang kehilangannya merupakan subjek siasatan polis dan Siasatan Awam mengenainya sedang dijalankan, di mana tindakan pegawai-pegawai Cawangan Khas, di Kangar, Perlis dan di Bukit Aman, Kuala Lumpur adalah di bawah pemerhatian. Sarjan Shamzaini pasti tidak boleh dengan seriusnya menegaskan bahawa dia tidak mengetahui identiti Norhayati kerana berdasarkan percanggahan-percanggahan yang dinyatakan di atas, Panel ini boleh dengan selamatnya membuat kesimpulan (*"infer"*) bahawa dia mempunyai pengetahuan tentang siapa yang dia bercakap dengan sebelum bertemu dengan Norhayati.
- 148.7. Keduanya, dan menurut masalah yang dinyatakan di perenggan 148.6, keterangan yang diakui oleh Sarjan Shamzaini bahawa pertemuan pada malam 12 Mei 2018 telah berlangsung selama dua (2) jam, di mana Norhayati telah membuat tuduhan mengenai tingkah laku polis dalam

kehilangan suaminya. Penyewaan premis yang diduduki oleh Pharid tidak dibincangkan langsung kecuali dalam cara yang sangat periferal. Sekiranya Sarjan Shamzaini boleh dipercayai, ini bermakna bahawa dia telah meluangkan masa selama dua (2) jam untuk mendengar tuduhan dan kekesalan (*"accusations and laments"*) Norhayati tentang peranan polis dalam penculikan suaminya, dan akhirnya meninggalkan tempat tersebut selepas Norhayati mengancam untuk membuat laporan polis terhadapnya serta menuduhnya sebagai salah satu punca yang menyebabkan kehilangan suaminya!

- 148.8. Sememangnya tidak masuk akal untuk mencadangkan bahawa seorang pegawai polis akan duduk di beranda rumah Amri Che Mat selama dua (2) jam mendengar kekesalan isteri Amri Che Mat mengenai siasatan yang sedang dijalankan sedangkan tujuan dia pergi ke sana adalah hanya untuk bertanya sama ada premis yang diduduki oleh Pharid adalah untuk disewa. Seseorang akan menjangkakan bahawa apabila perbualan tersebut beralih kepada siasatan polis dan Siasatan Awam yang sedang dijalankan, Sarjan Shamzaini akan meninggalkan premis tersebut, sekiranya tujuannya memang adalah untuk berbincang tentang penyewaan.
- 148.9. Satu penjelasan yang logik bagi panggilan telefonnya kepada Pharid adalah bahawa dia ingin mendapatkan nombor Norhayati daripadanya. Perbualan tentang penyewaan adalah tidak masuk akal dan hanya boleh dijelaskan sebagai suatu muslihat (*"ruse"*) untuk menyembunyikan niat sebenarnya, iaitu untuk bercakap dengan Norhayati tentang kehilangan Amri Che Mat. Secara kebarangkalian, dia hanya ingin cuba bercakap dengan Norhayati

untuk mengatur pertemuan dengannya bagi menyampaikan maklumat yang Norhayati telahpun terangkan.

- 148.10. Tiada justifikasi yang diberikan dan yang masuk akal mengenai mengapa seorang pegawai polis akan pergi ke rumah seorang wanita pada waktu malam dengan pengetahuan bahawa suaminya telah hilang, kecuali dia mempunyai maklumat penting yang perlu disampaikan kepadanya.
- 148.11. Tindakan Sarjan Shamzaini beralih ke tempat duduk yang lebih rendah di tangga beranda Norhayati apabila terlihat lampu kereta rondaan pihak Polis adalah konsisten dengan seseorang yang tidak ingin dilihat.
- 148.12. Terdapat banyak kekeliruan dalam keterangan Sarjan Shamzaini di dalam laporan polis yang dibuat pada 18 Mei 2018. Adalah jelas bahawa Ketua dan Timbalan Ketua Cawangan Khas di Kangar, Perlis telah bercakap dengannya dan keterangan ini direkodkan pada 17 Mei 2018 oleh seorang pegawai polis berpangkat tinggi dari Bukit Aman, Kuala Lumpur. Sarjan Shamzaini hanya membuat laporannya pada 18 Mei 2018 dan pihak polis tidak mengemukakan pernyataan saksinya dalam Siasatan Awam. Adalah jelas bahawa dia mengalami tekanan yang ketara ("*considerable pressure*") berikutan laporan Norhayati. Sekiranya dia sememangnya dan sebenarnya diancam oleh Norhayati seperti yang dikatakan, dia akan membuat laporan polis terhadapnya dengan secepat mungkin dan bukan 3 hari selepas pertemuan tersebut.
149. Secara ringkasnya, keterangan Sarjan Shamzaini penuh dengan percanggahan dan menimbulkan keraguan yang serius terhadap kredibiliti beliau. Sarjan Shamzaini menunjukkan tingkah laku yang tidak konsisten dan ganjil apabila sedang

menjelaskan cara dia mendapat nombor telefon Pharid dan Aizat. Panel ini berpendapat atasimbangan kebarangkalian bahawa versi peristiwa Norhayati dalam Siasatan Awam ke atas kehilangan Amri Che Mat adalah lebih kredibel dan harus diterima berdasarkan alasan-alasan berikut:

- 149.1. Tindakan Norhayati selepas lawatan Sarjan Shamzaini adalah konsisten dengan tindakan-tindakan seseorang yang memberitahu fakta yang benar. Sekurang-kurangnya tindakannya menunjukkan bahawa dia adalah seorang yang kredibel dan keterangan beliau tentang lawatan Sarjan Shamzaini dan maklumat yang diberikan oleh Sarjan Shamzaini tidak boleh ditolak sebagai palsu atau seolah-olah tidak boleh dipercayai (*“cannot be dismissed as fabricated or incredulous”*).
- 149.2. Norhayati tidak mempunyai alasan untuk membuat laporan polis terhadap Sarjan Shamzaini yang mana pada masa itu merupakan seorang yang tidak dikenali olehnya. Norhayati tidak akan mengetahui kewujudan Sarjan Shazaini sekiranya dia tidak bertemu dengannya pada malam tersebut. Dalam apa jua keadaan, laporan polis yang dibuat oleh Norhayati tidak membuat apa-apa tuduhan ke atas Sarjan Shamzaini seperti yang ditegaskan olehnya, tetapi hanya untuk merekodkan bahawa kejadian tersebut telah berlaku.
- 149.3. Keterangan Norhayati disokong oleh keterangan Nur Amirah, anak perempuannya, yang turut berada semasa pertemuan itu. Nur Amirah bukan seseorang di bawah umur dan merupakan seorang penuntut universiti. Dia telah memberi keterangan bahawa dia telah pergi ke dalam rumah untuk mengambil RM100.00 untuk diserahkan kepada Sarjan

Shamzaini supaya membolehkannya membeli telefon untuk berhubung dengan ibunya.

- 149.4. Keterangan Norhayati juga disokong oleh keterangan kawan-kawan dan penasihat-penasihatnya serta Aizat dan Faisol, yang telah menghubungi mereka serta merta selepas lawatan Sarjan Shamzaini. Terdapat tiada percanggahan dalam keterangan-keterangan mereka.
- 149.5. Nota-nota mengenai pertemuan yang dicatatkan oleh Norhayati sejurus selepas Sarjan Shamzaini meninggalkan rumah Norhayati adalah semasa dan merupakan keterangan sokongan yang kuat.
- 149.6. Nota-nota Norhayati mengandungi fakta yang tidak mungkin datang dari mana-mana sumber lain selain daripada Sarjan Shamzaini sendiri:
- (a) Terdapat suatu rujukan kepada Toyota Vios yang terletak di Jalan Semarak seperti yang direkodkan dalam catatannya selepas lawatan tersebut. Jalan Semarak merupakan tempat di mana terletaknya Pusat Latihan Polis (PULAPOL) di Kuala Lumpur dan di mana seorang lelaki bernama Saiful Bahari bekerja pada November 2016. Tiada apa-apa petunjuk berkaitan dengan Jalan Semarak yang telah didedahkan dalam apa-apa keterangan yang dikemukakan dalam Siasatan Awam, dan nota beliau yang merujuk kepada Jalan Semarak hanya boleh diperolehi daripada Sarjan Shamzaini; dan
 - (b) Nama Azam Azahari yang telah direkodkan dalam nota Norhayati merupakan seorang pegawai Cawangan Khas yang telah berkhidmat di Bukit Aman, Kuala Lumpur dan kemudiannya di Perlis

yang kini dipindah (“*on transfer*”) ke Terengganu. Walaupun Sarjan Shamzaini menafikan pengetahuan atau penglibatan dalam kehilangan Amri Che Mat, Norhayati tidak akan mempunyai cara untuk mengetahui tentang kewujudan individu tersebut melainkan nama Azam Azahari telah diberikan kepadanya oleh Sarjan Shamzaini.

- 149.7. Laporan polis yang dibuat oleh Norhayati menambah kredibiliti kepada keterangan beliau. Maklumat yang dilaporkan oleh Norhayati kepada pihak polis terdiri daripada tuduhan-tuduhan yang sangat serius mengenai kehilangan paksa yang dijalankan oleh pihak Polis secara khususnya Cawangan Khas, Bukit Aman. Ia tidak dilakukan dengan sewenang-wenang dan sebagai seorang guru dan orang yang berpendidikan, dia sedar akan akibat sekiranya dia membuat laporan palsu.
150. Panel ini berpendapat bahawa berdasarkan keterangan Norhayati, kehilangan Pastor Raymond Koh adalah dilaksanakan oleh Cawangan Khas di Bukit Aman, Kuala Lumpur.

(iv) Toyota Vios Emas

151. Berdasarkan keterangan yang dikemukakan dalam Siasatan Awam ke atas kehilangan Pastor Raymond Koh dan Amri Che Mat, Panel ini membuat dapatan yang berikut:
- 151.1. Butir-butir Pendaftaran JPJ Toyota Vios yang mempunyai nombor pendaftaran PFC 1623 adalah bersifat terkini setakat 10 April 2018. Menurut butir-butir tersebut, pendaftaran kereta adalah aktif dan kereta

tersebut adalah diinsuranskan sehingga 19 Februari 2019. Ini bermakna dari rekod JPJ, Saiful Bahari merupakan pemilik Toyota Vios pada masa tersebut dan status pemilikannya termasuk cukai jalan raya dan insurans adalah terkini.

- 151.2. Walau demikian, Inspektor Khor menyatakan bahawa pihak Polis tidak dapat mengesan Saiful Bahari untuk memberi keterangan dalam Siasatan Awam.
- 151.3. Semasa pendengaran Siasatan Awam ke atas kehilangan Amri Che Mat, keterangan Inspektor Khor yang berkaitan dengan pemilik Toyota Vios emas dibuat secara tidak terus terang (*“free-flowing”*). Kekurangan penjelasan dalam keterangan mengenai Saiful Bahari sangat membimbangkan dan kelihatan seperti suatu usaha sama ada untuk mengaburkan atau menahan/menyekat maklumat (*“obscure or suppress”*) terhadap semua rujukan terhadapnya serta penglibatannya yang disyaki dalam kes ini.
- 151.4. Walaupun satu Pasukan Petugas Khas telah ditubuhkan di Bukit Aman untuk menyelaraskan penyiasatan ke atas Individu-Individu yang Hilang dan maklumat mengenai kehadiran Toyota Vios emas beberapa hari sebelum kehilangan Amri Che Mat, namun Pegawai Penyiasat, ASP Supari tidak mengambil apa-apa tindakan untuk menyiasat dan mencari Toyota Vios emas yang mempunyai nombor pendaftaran PFC 1623 serta pemilik berdaftaranya. Sekiranya pemilik Toyota Vios emas dapat dikenal pasti lebih awal, pemilik kereta tersebut boleh dipanggil untuk mengambil bahagian dalam kawad cam (*“identification parade”*) supaya Roeshan boleh

mengenal pasti sama ada individu tersebut berada di tempat kejadian pada masa tersebut.

(v) Kelemahan Penyiasatan Pihak Polis Dan Kelakuan Pihak Polis Yang Tidak Wajar

152. Selepas menganalisis keterangan saksi-saksi dan hujahan-hujahan Peguam bagi pihak keluarga Pastor Raymond Koh, Pegawai-Pegawai Pembantu SUHAKAM, Peguam bagi Majlis Peguam dan Pegawai-Pegawai bagi Pihak Polis, Panel ini berpendapat bahawa terdapat beberapa kelemahan dalam penyiasatan pihak polis ke atas kehilangan Pastor Raymond Koh seperti yang diringkaskan di bawah:

Kelewatan

- 152.1. Secara khususnya, Panel ini menyatakan bahawa terdapat kelengahan yang ketara dalam cara penyiasatan yang dijalankan oleh pihak polis mengenai kehilangan Pastor Raymond Koh.
- 152.2. Pada 13 Februari 2017 pada lebih kurang pukul 11:54 pagi, Roeshan telah membuat satu laporan polis di Balai Polis Kelana Jaya mengenai kejadian yang disaksikan olehnya di Jalan SS4B/10, Kelana Jaya, Petaling Jaya. Namun demikian, Roeshan hanya dapat bertemu dengan Inspektor Ali selepas menunggu selama lebih kurang dua (2) jam.⁵²
- 152.3. Pada 16 Februari 2017, tiga (3) hari selepas kehilangan Pastor Raymond Koh, pihak polis hanya mengaturkan Roeshan untuk menjalankan *photofit*

⁵² Rujuk kepada muka surat 35 Nota Keterangan bertarikh 19 Oktober 2017.

untuk mengenal pasti lelaki India yang ditemui di tempat kejadian pada 13 Februari 2017. Di balai polis tersebut, Roeshan telah menunggu selama dua (2) jam lagi sebelum *photofit* dapat dijalankan.⁵³

- 152.4. Dalam kes-kes seperti penculikan yang disyaki ("*suspected abduction*") ataupun terdapat individu-individu yang hilang, permulaan awal untuk siasatan adalah sangat penting. Oleh itu, Panel ini berpendapat bahawa cara pihak Polis memulakan penyiasatan mereka ke atas kehilangan Pastor Raymond Koh adalah tidak memuaskan.

Kegagalan Pihak Polis Untuk Mendapatkan Rakaman CCTV

- 152.5. Berikutan kehilangan Pastor Raymond Koh, keluarganya secara aktif telah mencari maklumat dan bantuan daripada penduduk-penduduk di Jalan SS4B/10, Kelana Jaya, Petaling Jaya untuk cuba menentukan apa sebenarnya yang telah berlaku kepada Pastor Raymond Koh pada hari kejadian tersebut. Pada 15 Februari 2017, mereka telah berjaya mendapatkan rakaman CCTV dari dua (2) rumah berdekatan di Jalan SS4B / 10, Kelana Jaya, Petaling Jaya yang menunjukkan secara amnya cara Pastor Raymond Koh diculik.
- 152.6. Pihak Polis, sebaliknya, gagal untuk mendapatkan apa-apa rakaman CCTV dari rumah-rumah di Jalan SS4B/10, Kelana Jaya. Mereka hanya menyatakan bahawa "*ada CCTV di rumah yang berhampiran, tapi rumah*

⁵³ Rujuk kepada muka surat 37 dan 38 Nota Keterangan bertarikh 19 Oktober 2017.

tertutup, tak ada orang dan berulang kita pergi pun tak ada orang. Bila ada orang pula cakap itu dummy sahaja, bermacam-macam alasan.”⁵⁴

- 152.7. Dalam Siasatan Awam, ASP Supari dengan selanjutnya memberi keterangan bahawa walaupun terdapat CCTV yang dipasang di sepanjang lalu lintas/lebuhraya yang berkemungkinan telah merakamkan pergerakan kenderaan-kenderaan di Jalan SS4B/10, Kelana Jaya, Petaling Jaya⁵⁵, kebanyakan CCTV tersebut tidak berfungsi. ASP Supari selanjutnya memberi keterangan bahawa dia tidak dapat mengesahkan sebab-sebab CCTV tersebut tidak berfungsi ataupun berapa lama CCTV tersebut tidak berfungsi.⁵⁶
- 152.8. Panel ini berpendapat bahawa rakaman CCTV biasanya digunakan oleh pihak polis untuk menyelesaikan kes-kes jenayah. Kegagalan pihak Polis untuk mendapatkan *apa-apa* rakaman CCTV berhubung dengan kejadian di Jalan SS4B/10, Kelana Jaya, Petaling Jaya menunjukkan bahawa mereka kurang serius dalam menjalankan siasatan ke atas kehilangan Pastor Raymond Koh. Penjelasan mereka atas kegagalan ini juga tidak mencapai tahap yang diharapkan daripada mereka secara munasabah. Selanjutnya, pihak polis juga enggan mendedahkan pada mulanya bahawa terdapat satu bilik kawalan di Balai Polis Petaling Jaya dan bahawa Majlis Bandaraya Petaling Jaya dan Lembaga Lebuhraya Malaysia mempunyai CCTV yang berada di bawah kawalan mereka. Ini boleh dilihat sebagai suatu

⁵⁴ Rujuk kepada muka surat 151 Nota Keterangan bertarikh 2 November 2017.

⁵⁵ Rujuk kepada Ekshibit 19 yang dikemukakan di Siasatan Awam.

⁵⁶ Rujuk kepada muka surat 14 sehingga 16 Nota Keterangan bertarikh 13 November 2017.

percubaan untuk menyekat maklumat oleh pihak Polis atas kehilangan Pastor Raymond Koh.

‘Ping’ Terakhir Dari Telefon Bimbit Pastor Raymond Koh

- 152.9. Dalam Siasatan Awam, Penolong Penguasa Polis Nazeri bin Mohamad (IW13) (**“ASP Nazeri”**) memberi keterangan bahawa ASP Supari hanya meminta beliau untuk mencari lokasi terakhir telefon Pastor Raymond Koh pada lebih kurang pukul 12:00 pagi pada 14 Februari 2017, iaitu selepas hampir dua belas (12) jam Roeshan membuat laporan polis pada 13 Februari 2017 pada pukul 11:54 pagi.
- 152.10. Berikutan itu, ASP Nazeri selanjutnya memberi keterangan bahawa beliau memaklumkan ASP Supari pada pukul 12:45 pagi pada 14 Februari 2017 bahawa lokasi terakhir telefon Pastor Raymond Koh secara amnya berada di sekitar Jalan SS25/25, Taman Mayang, Petaling Jaya.⁵⁷
- 152.11. Panel ini berpendapat bahawa selepas pihak Polis mengesahkan lokasi terakhir telefon Pastor Raymond Koh, pihak Polis telah gagal untuk pergi ke kawasan tersebut untuk menjalankan suatu pencarian yang teliti (*“thorough search”*) untuk Pastor Raymond Koh.

Peter Chong

- 152.12. Panel ini berpendapat bahawa Polis agak lemah dalam menjalankan siasatan ke atas petunjuk yang berkemungkinan boleh memberikan

⁵⁷ Rujuk kepada muka surat 10 Nota Keterangan bertarikh 7 September 2018.

maklumat-maklumat penting berhubung dengan kehilangan Pastor Raymond Koh. Ini adalah jelas apabila pihak Polis telah gagal menyiasat secara teliti maklumat yang diberikan oleh aktivis sosial Peter Chong Fook Meng (IW9) ("**Peter Chong**") yang melaporkan bahawa beliau telah menerima mesej Whatsapp dari satu nombor tanpa nama pada 6 April 2017 yang menyatakan bahawa dia boleh memberikan maklumat kepadanya mengenai kehilangan Pastor Raymond Koh.⁵⁸

152.13. Panel ini selanjutnya memerhatikan bahawa walaupun Peter Chong telah kemudiannya membuat satu laporan polis dengan ASP Chua dari Balai Polis Dang Wangi, Kuala Lumpur dan pernyataannya telah direkodkan oleh ASP Supari, pihak Polis telah gagal untuk menyiasat secara teliti dengan bantuan pihak polis Thailand untuk menentukan dengan sepenuhnya peristiwa-peristiwa yang diceritakan atau diadukan ("*narrated or complained*") oleh Peter Chong yang telah berlaku di Hat Yai dan Pattaya, Thailand.⁵⁹

Tindakan Pihak Polis Yang Tidak Wajar

152.14. Selain itu, Panel ini berpendapat bahawa kelakuan pihak Polis dalam siasatan-siasatan ke atas kehilangan Pastor Raymond Koh didapati kurang wajar ("*lacking in propriety and good conduct*").

152.15. Ini boleh dirujuk kepada respon IGP Khalid kepada pemberita-pemberita dalam temu bual pada 20 Mac 2017 di mana beliau telah menyatakan: "To

⁵⁸ Rujuk kepada muka surat 7 Nota Keterangan bertarikh 14 November 2017.

⁵⁹ Rujuk kepada muka surat 53 Nota Keterangan bertarikh 14 November 2017.

*the media, individuals and NGOs who want to get involved in kidnap cases, shut your bloody mouth; you are putting the victim in a high degree of danger.”*⁶⁰ Panel ini berpendapat bahawa penggunaan bahasa yang kasar dan tidak sopan (*“strong and uncouth language”*) adalah tidak wajar memandangkan pihak media dan pihak-pihak lain, terutamanya keluarga Pastor Raymond Koh sedang cemas menunggu maklumat yang terkini daripada pihak Polis.

H. Kesimpulan

Kehilangan Paksa Oleh Ejen-Ejen Kerajaan

153. Panel ini berpendapat bahawa kehilangan paksa Pastor Raymond Koh telah dilakukan oleh ejen-ejen Kerajaan iaitu, Cawangan Khas, Bukit Aman, Kuala Lumpur, dalam definisi bahagian pertama di bawah Perkara 2 ICPED.
154. Asas bagi kesimpulan ini boleh didapati dalam keterangan Norhayati iaitu bahawa Sarjan Shamzaini memberitahunya pada 12 Mei 2018 pada lebih kurang pukul 10:30 malam bahawa Cawangan Khas, Bukit Aman, Kuala Lumpur yang telah menyebabkan kehilangan paksa Pastor Raymond Koh dan Amri Che Mat.

Kehilangan Paksa Oleh Ejen-Ejen Bukan Kerajaan

155. Panel ini selanjutnya berpendapat bahawa tiada keterangan untuk menyokong penegasan, seperti yang dicadangkan oleh Peguam bagi pihak Pastor Raymond

⁶⁰ Rujuk kepada Ekshibit 35 yang dikemukakan di Siasatan Awam.

Koh, bahawa Pastor Raymond Koh telah diculik oleh individu atau sekumpulan individu yang bertindak atas kebenaran, sokongan atau persetujuan Kerajaan.

Keengganan Untuk Mengakui Pelucutan Kebebasan

156. Adalah harus diperhatikan bahawa kehilangan paksa Pastor Raymond Koh adalah *“followed by a refusal to acknowledge the deprivation of liberty or by concealment of the fate or whereabouts of the disappeared person, which place such a person outside the protection of law.”*
157. Konklusi mengenai keengganan Kerajaan, iaitu pihak Polis, untuk mengakui kejadian kehilangan paksa ini adalah disokong oleh situasi yang sehingga kini, pihak Polis masih enggan mengklasifikasikan semula (*“reclassify”*) kehilangan Pastor Raymond Koh sebagai satu kes kehilangan paksa daripada klasifikasi kes penculikan.

Ciri-Ciri Yang Sama Antara Kedua-Dua Kehilangan

158. Panel ini berpendapat bahawa terdapat ciri-ciri yang sama (*“common features”*) antara kehilangan Pastor Raymond Koh dan Amri Che Mat. Ciri-ciri yang sama ini yang diperhatikan oleh Panel adalah seperti berikut:

(i) Isu-Isu Agama

159. Pastor Raymond Koh adalah seorang pastor di *Evangelical Free Church* di Petaling Jaya dari tahun 1994 sehingga tahun 2004. Berikutan itu, beliau telah menubuhkan Harapan Komuniti bersama dua orang yang lain untuk menjalankan kerja-kerja sosial dan amal di kalangan masyarakat yang terpinggir dan serba kekurangan.

Semasa Majlis Makan Malam Kesyukuran dan Pengumpulan Dana yang dianjurkan oleh Komuniti Harapan di DUMC pada 3 Ogos 2011, pegawai-pegawai dari Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri ("JAIS") dan sepasukan polis telah menyerbu premis tersebut kerana terdapat beberapa individu Muslim yang didapati hadir ke majlis tersebut.

160. Amri Che Mat telah dilahirkan dan dibesarkan sebagai seorang Muslim Sunni. Namun demikian, beliau kemudiannya berminat terhadap ajaran Shiah di mana pengamal-pengamalnya mempunyai kepercayaan yang sangat berbeza daripada penganut-penganut agama Islam Sunni. Amri Che Mat adalah salah seorang pengasas Perlis Hope, sebuah organisasi yang bertujuan untuk membantu golongan miskin dan yang berkeperluan di kalangan masyarakat tanpa mengira bangsa atau agama. Namun demikian, Perlis Hope telah disyaki oleh Menteri Besar Perlis, Dato Seri Shahidan Kassim dan Pengarah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Perlis ("JAIP"), Dr Hazman Hassan (IW11 dalam Siasatan Awam ke atas kehilangan Amri Che Mat) sebagai satu organisasi Shiah. Selanjutnya, rumah Amri Che Mat, yang bersebelahan dengan pejabat Perlis Hope telah diperiksa oleh pegawai-pegawai Mufti Perlis bersama dengan pegawai-pegawai polis dari Cawangan Khas, Kangar, Perlis.
161. Panel ini berpendapat bahawa Pastor Raymond Koh dan Amri Che Mat adalah individu-individu yang disasar oleh pihak berkuasa agama dan pihak Polis mengenai tuduhan-tuduhan bahawa mereka terlibat dalam perkara-perkara yang bertentangan dengan agama Islam di Malaysia.

(ii) Pengawasan Langsung

162. Panel ini juga mendapati bahawa pengawasan secara langsung dilakukan terhadap aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh Pastor Raymond Koh dan Amri Che Mat dalam organisasi masing-masing sebelum kehilangan mereka.
163. Berikutan serbuan JAIS di Majlis Makan Malam Kesyukuran dan Pengumpulan Dana yang dianjurkan oleh Harapan Komuniti, Susanna telah memberi keterangan bahawa Pastor Raymond Koh dan keluarganya sering ditahan dan dipersoal oleh pegawai Cawangan Khas di pusat pemeriksaan imigresen di Johor Bahru dan Lapangan Terbang KLIA semasa pulang dari Singapura dan luar negara. Selanjutnya, Menteri Hal Ehwal Agama Islam Persekutuan, Jamil Khir Baharom juga telah mengesahkan bahawa Harapan Komuniti telah disiasat kerana didakwa menjalankan aktiviti penukaran agama di kalangan Muslim.
164. Selain itu, ia juga tidak dapat dipertikaikan bahawa Amri Che Mat juga berada di bawah pengawasan ketat pihak berkuasa agama, Cawangan Khas di Kangar, Perlis dan Cawangan Khas di Kuala Lumpur. Sekitar Oktober 2015, Mufti Perlis, Dato 'Dr Mohd Asri Zainal (IW10 dalam Siasatan Awam ke dalam kehilangan Amri Che Mat) ("**Mufti**") dan pegawai-pegawai dari jabatan Mufti telah memeriksa rumah Amri Che Mat selepas menerima beberapa aduan tentang aktiviti-aktivitinya yang berkaitan dengan ajaran Shiah. Berikutan itu, pihak-pihak berkuasa agama dan pegawai-pegawai polis dari Cawangan Khas telah bercakap terus dengan Amri Che Mat dan telah memberi amaran kepada beliau mengenai penyebaran kepercayaan ajaran Shiah dalam satu mesyuarat yang diadakan pada 22 Oktober 2015.

(iii) Modus Operandi Yang Serupa

165. Panel ini berpendapat bahawa *modus operandi* kehilangan Pastor Raymond Koh dan Amri Che Mat memiliki persamaan luar biasa ("*bore uncanny similarities*").
166. Dalam Siasatan Awam ke atas kehilangan Pastor Raymond Koh, Roeshan telah memberi keterangan bahawa dia terlihat sebuah kereta sedang dikepung ("*boxed-in*") oleh tiga (3) kenderaan 4WD semasa sedang memandu di Jalan SS4B/10, Kelana Jaya, Selangor. Pemandu tersebut dilihat diseret keluar dari keretanya dan dimasukkan ke dalam salah satu kenderaan 4WD tersebut. Diskripsi *modus operandi* tersebut kemudiannya dapat dilihat dalam rakaman CCTV yang diperolehi oleh keluarga Pastor Raymond Koh.
167. Dalam Siasatan Awam ke atas kehilangan Amri Che Mat, terdapat juga bukti langsung yang diberi oleh Saiful Afdzan bahawa dia telah melihat satu kenderaan yang berpadanan dengan diskripsi Toyota Fortuner Amri Che Mat yang telah dikepung ("*boxed-in*") oleh tiga (3) kenderaan 4WD. Pemandu tersebut cuba untuk melarikan diri dari tiga (3) kenderaan 4WD tersebut, tetapi ditangkap dan diseret kembali ke dalam salah satu kenderaan tersebut.
168. Selanjutnya, dalam kedua-dua kes ini, individu-individu yang mengheret Amri Che Mat dan Pastor Raymond Koh ke dalam salah sebuah kenderaan tersebut, telah digambarkan memakai pakaian berwarna hitam.

(iv) Kewujudan Toyota Vios Emas

169. Panel ini berpendapat selanjutnya bahawa Toyota Vios emas yang berada berhampiran dengan rumah Amri Che Mat sebelum kehilangannya serta Toyota

Vios emas yang dilihat berada di tempat kejadian penculikan Pastor Raymond Koh bukan suatu kebetulan sahaja ("*no mere coincidence*").

170. Dalam Siasatan Awam ke atas kehilangan Pastor Raymond Koh, Roeshan telah memberi keterangan bahawa selain daripada tiga (3) kenderaan 4WD hitam tersebut, terdapat sebuah Toyota Vios emas di tempat kejadian di Jalan SS4/10, Kelana Jaya. Berikutan itu, dia dengan selanjutnya memberi keterangan bahawa terdapat seorang lelaki India yang telah mengarahkannya untuk berundur "*back off*" ketika dia semakin dekat dengan tempat kejadian tersebut. Berdasarkan rakaman CCTV yang diperolehi, adalah jelas bahawa lelaki India yang dinyatakan oleh Roeshan, merupakan seorang penumpang Toyota Vios emas tersebut. Dia telah mendekati kereta Roeshan apabila terlihat Roeshan semakin dekat.
171. Manakala, dalam Siasatan Awam ke atas kehilangan Amri Che Mat, Vee Yak juga memberi keterangan bahawa dia terlihat sebuah Toyota Vios emas yang berada di lintang jalan dari bengkelnya selama tiga (3) hari berturut-turut sebelum kehilangan Amri Che Mat. Dia telah mencatatkan nombor pendaftaran kereta Toyota Vios (PFC 1623) dan maklumat ini kemudiannya diberikan kepada Inspektor Khor oleh Aizat. Norhayati juga memberi keterangan bahawa Sarjan Shamzaini telah memaklumkan kepadanya bahawa Toyota Vios emas tersebut sebenarnya wujud semasa penculikan Amri Che Mat dan bahawa dia harus menasihati peguamnya untuk menegaskan fakta tersebut dalam pendengaran yang seterusnya di hadapan Panel ini.

I. Cadangan-Cadangan Panel

172. Menurut Terma-Terma Rujukan Panel ini yang terakhir iaitu "Untuk mencadangkan langkah-langkah atau garis panduan yang perlu diambil untuk memastikan bahawa

pelanggaran atau pelanggaran-pelanggaran yang dikatakan tersebut tidak berulang lagi", Panel ini membuat cadangan-cadangan yang berikut:

Pihak-Pihak Berkuasa Untuk Menghormati Kebebasan Agama Sebagai Hak Asasi Manusia

173. Hak asasi manusia untuk kebebasan beragama adalah dinyatakan secara jelas dalam Perisytiharan Sejagat Hak Asasi Manusia dan Perkara 11(1) Perlembagaan Persekutuan Malaysia dibaca dengan Perkara 11(4) yang menyatakan bahawa "Undang-undang Negeri dan berkenaan dengan Wilayah-Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya, undang-undang persekutuan boleh mengawal atau menyekat pengembangan apa-apa doktrin atau kepercayaan agama di kalangan orang yang menganuti agama Islam." Kebebasan beragama juga diiktirafkan dalam beberapa instrumen lain seperti *International Covenant on Civil and Political Rights* ("ICCPR"), *Declaration on the Elimination of All Forms of Intolerance and of Discrimination Based on Religion or Belief* dan resolusi-resolusi Majlis Hak Asasi Manusia dan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, dan lain-lain.
174. Oleh itu, adalah penting untuk Kerajaan dan ejen-ejennya, termasuk pihak Polis dan Pihak-Pihak Berkuasa Agama Negeri, mengiktiraf dan menghormati hak ini. Pihak berkuasa perlu diingatkan bahawa Perkara 3 Perlembagaan Persekutuan Malaysia menyatakan seperti berikut:

"Agama bagi Persekutuan

3. (1) Islam ialah agama bagi Persekutuan; tetapi agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana bahagian Persekutuan."

Penentuan Batas Antara Polis Dan Pihak-Pihak Berkuasa Agama

175. Menurut keterangan-keterangan yang telah dikemukakan semasa Siasatan Awam ini, adalah jelas bahawa pihak Polis dan pihak-pihak berkuasa agama tidak pasti setakat mana ("*extent*") kuasa dan bidang kuasa mereka berkenaan dengan penguatkuasaan terhadap penyebaran Kristianisasi.
176. Semasa Siasatan Awam ini, terdapat beberapa kebimbangan tentang interaksi antara pihak Polis dan pihak-pihak berkuasa agama Negeri yang telah dibangkitkan, iaitu antara lain:
 - 176.1. Seminar-seminar dan pertemuan-pertemuan agama telah diadakan dan diperluaskan kepada orang ramai terutamanya kepada penganut Islam, niat dan mesej di sebalik aktiviti-aktiviti tersebut adalah terutamanya berkaitan dengan isu-isu agama dan isu perlindungan agama Islam daripada agama Kristian; dan
 - 176.2. Tiada aduan-aduan rasmi yang dibuat kepada pihak-pihak berkuasa agama atau kepada pihak Polis yang mewajarkan pihak-pihak berkuasa agama atau pihak Polis untuk menyiasat aktiviti-aktiviti Pastor Raymond Koh atau Harapan Komuniti. Jika pihak-pihak berkuasa agama mempunyai alasan untuk menyiasat aktiviti-aktiviti Pastor Raymond Koh atau Harapan Komuniti, ini tidak menjelaskan mengapa kehadiran pihak Polis diperlukan;
177. Panel ini berpendapat bahawa pihak Polis tidak sepatutnya terlibat dalam perkara-perkara agama melainkan sekiranya keadaan memerlukan campur tangan ("*intervention*") seperti yang dijelaskan dalam perenggan 178 di bawah. Oleh itu, penentuan batas yang jelas mengenai interaksi pihak polis dengan jabatan-jabatan

lain seperti pihak-pihak berkuasa agama dalam kes ini dan agensi-agensi kerajaan mesti digubal, dikongsi dengan orang awam dan dikuatkuasakan dengan sewajarnya.

178. Panel ini mengakui bahawa kemungkinan terdapat keadaan-keadaan di mana pihak-pihak berkuasa agama memerlukan bantuan pihak Polis untuk memastikan agar undang-undang dan ketenteraman ("*law and order*") dikekalkan di negara ini, di mana pihak-pihak berkuasa agama mungkin tidak mempunyai sokongan dan infrastruktur yang memadai untuk menangani keadaan sedemikian. Oleh itu, *Tatacara Pengendalian Piawai* yang jelas diperlukan untuk mengawal campur tangan pihak Polis. Adalah penting untuk menekankan bahawa campur tangan pihak Polis untuk mengekalkan undang-undang dan ketenteraman hanya boleh dilaksanakan dalam keadaan-keadaan di mana ancaman adalah ketara, serius dan pasti akan berlaku ("*real, grave and imminent threats*") kepada keselamatan nasional negara ini.

Pembaharuan Tatacara Pengendalian Piawai Polis

179. Sepanjang Siasatan Awam, terdapat beberapa aduan yang telah dibuat terhadap pihak Polis. Kekurangan kerjasama, penahanan dan penyembunyian bukti yang nyata oleh pihak Polis dilihat dengan jelas sepanjang pendengaran Siasatan Awam ini. Panel ini telah menerangkan beberapa kelemahan dalam Siasatan-siasatan Polis dalam perenggan-perenggan 152 sehingga 152.15 di atas. Oleh itu, Panel ini membuat cadangan-cadangan yang berikut:

Kertas Siasatan

180. Panel ini berpendapat bahawa, sekiranya pendedahan dokumen-dokumen dalam Kertas Siasatan (*“Investigation Paper”*) yang diminta tidak menjejaskan siasatan yang sedang dijalankan, dokumen-dokumen seperti pelan lakaran tempat kejadian patut dibatalkan pengelasan, diperolehi dan dikemukakan (*“declassified, produced and be admitted”*) dalam Siasatan Awam sebagai keterangan untuk memudahkan siasatan Panel ini demi kepentingan keadilan dan kepentingan awam.

Kes-Kes Individu Yang Hilang, Penculikan Dan Kehilangan

181. Dalam kes-kes yang disyaki terdapat individu-individu hilang, menurut protokol pihak Polis, sekurang-kurangnya 24 jam harus berlalu sebelum kes tersebut boleh diklasifikasikan sebagai kes individu yang hilang. Panel ini menyeru pihak Polis untuk mengkaji semula protokol ini dalam kes-kes yang terdapat keadaan-keadaan luar biasa yang menunjukkan penculikan atau kehilangan secara tidak sukarela seseorang.
182. Perbezaan antara kes-kes dalam klasifikasi ini adalah diperlukan supaya setiap kes ditangani dengan sewajarnya dan tiada masa yang dibazirkan. Siasatan-siasatan perlu dijalankan dengan segera untuk meningkatkan kemungkinan untuk mengesan individu-individu yang telah hilang dengan selamat.
183. Pembaharuan-pembaharuan Tatacara Pengendalian Piawai perlu melaksanakan latihan yang ketat (*“stringent training”*) ke atas protokol komunikasi untuk menangani kes-kes individu yang hilang dan juga memasukkan prosedur-prosedur bagi memaklumkan perkembangan kes kepada ahli-ahli keluarga dan orang awam dalam masa yang wajar.

-
184. Memandangkan pendapat Panel ini adalah bahawa Pastor Raymond Koh merupakan mangsa kes kehilangan paksa, Panel ini menggesa pihak Polis untuk mengklasifikasikan semula kes Pastor Raymond Koh sebagai kes kehilangan paksa daripada kes individu yang hilang dan mencadangkan agar siasatan yang sewajarnya dijalankan.

Peranan Cawangan Khas

185. Sepanjang Siasatan Awam ini, ramai yang telah menyuarakan kebimbangan mereka mengenai peranan dan fungsi Cawangan Khas dalam menjaga ketenteraman awam ("*public order policing*"). Adalah diiktiraf bahawa tiada peruntukan undang-undang yang berkenaan dengan fungsi-fungsi, kuasa-kuasa dan tugas-tugas Cawangan Khas.⁶¹ Panel ini mencadangkan supaya Cawangan Khas mengambil akauntabiliti terhadap tindak-tanduk dan kuasa-kuasa serta tanggungjawab yang dinyatakan dalam undang-undang untuk membolehkannya ianya berfungsi secara adil dan bebas. Terma 'keselamatan' juga boleh ditakrif dengan jelas untuk mengelakkan penyalahgunaan kuasa, melanjutkan penelitian agensi tersebut, dan untuk meningkatkan akauntabilitinya.

Suruhanjaya Bebas Aduan Dan Salah Laku Polis ("IPCMC")

186. Peguam dan pemerhati-pemerhati bagi pihak keluarga Pastor Raymond Koh telah menegaskan bahawa siasatan terhadap cara siasatan pihak Polis sehingga kini akan menjadi sebahagian integral dalam siasatan utama ke atas kehilangan Pastor Raymond Koh. Ini adalah berdasarkan kepercayaan mereka bahawa siasatan yang

⁶¹ *Report of the Royal Commission to Enhance the Operation and Management of the Royal Malaysia Police 2005.*

sedang dijalankan adalah suatu helah (“*sham*”) yang bertujuan untuk menyembunyikan identiti penculik-penculik dan pihak-pihak di sebaliknya dan, sekiranya siasatan dijalankan atas siasatan ‘helah’ itu secara spesifiknya, anggota-anggota yang mengawal siasatan tersebut akan didedahkan dan melalui mereka, identiti-identiti penculik-penculik juga akan didedahkan.

187. Ini menyokong seruan Majlis Peguam untuk menubuhkan IPCMC⁶² supaya tuduhan-tuduhan terhadap Polis seperti dalam kes ini dapat ditangani dengan sewajarnya.
188. Ramai yang telah menyokong penubuhan IPCMC sebagai mekanisme pengawasan bebas (“*independent oversight mechanism*”) terhadap pihak Polis kerana orang awam mempunyai keyakinan yang rendah terhadap pihak Polis dalam mematuhi peraturan-peraturan dan perintah-perintah dalam menjaga kepentingan orang awam.

Penubuhan Pasukan Petugas Khas Untuk Menyiasat Kehilangan Pastor Raymond Koh

189. Berikutan dapatan-dapatan Panel ini, ia diserahkan kepada pihak polis untuk menyiasat dengan sewajarnya dan menghukum pesalah atau pesalah-pesalah yang bertanggungjawab. Segala usaha perlu dilaksanakan untuk mengesan penculik-penculik Pastor Raymond Koh melalui siasatan polis yang menyeluruh. Sebagai

⁶² *Recommendation in Report of the Royal Commission to Enhance the Management and Operation of the Royal Malaysian Police (2005)*

permulaan, seorang Pegawai Penyiasat yang berpengalaman harus dilantik untuk menyiasat semula kes ini.

190. Keluarga Pastor Raymond Koh memerlukan konklusi ("*closure*") dan jawapan yang hanya boleh diberikan oleh Kerajaan. Adalah dipercayai bahawa mereka yang telah ditugaskan setakat ini enggan memberikan jawapan kepada soalan-soalan ini, atau enggan untuk mengambil langkah-langkah untuk mendapatkannya, oleh itu suatu pasukan petugas baru dan berasingan perlu ditubuhkan untuk menyiasat semula kejadian kehilangan Pastor Raymond Koh.
191. Oleh itu, Panel ini mencadangkan supaya sepasukan petugas khas ditubuhkan untuk membuka dan menyiasat semula kes Pastor Raymond Koh sebagai kes kehilangan paksa dan bukan sebagai kes individu yang hilang.
192. Untuk memastikan pelupusan kes secara adil dan pelaksanaan siasatan-siasatan yang wajar, Panel ini mencadangkan garis panduan yang berikut untuk operasi Pasukan Petugas Khas tersebut:
 - 192.1. Pasukan Petugas Khas tersebut perlu terdiri daripada penyiasat-penyiasat yang bebas dan dilantik oleh Peguam Negara. Sekiranya terdapat apa-apa konflik kepentingan, mereka tidak boleh dilantik. Semasa melantik ahli-ahli Pasukan Petugas Khas, pihak-pihak pelantikan harus mengambil kira, antara lain, yang berikut:
 - (a) Individu-individu yang tidak mempunyai hubungan semasa atau terdahulu dengan siasatan-siasatan jenayah yang telah dijalankan ke atas kehilangan Pastor Raymond Koh;

-
- (b) Individu-individu yang tidak mempunyai hubungan semasa atau terdahulu dengan mana-mana ahli semasa atau terdahulu pasukan STAFOC dan Cawangan Khas, Bukit Aman, Kuala Lumpur.
 - (c) Individu-individu yang tidak mempunyai hubungan semasa atau terdahulu dengan ahli pihak-pihak berkuasa agama semasa atau terdahulu seperti JAKIM & JAIS.
- 192.2. Pihak polis harus menyerahkan semua kertas-kertas siasatan dan/atau maklumat risikan yang diperolehi setakat ini berkaitan dengan kehilangan Pastor Raymond Koh kepada Pasukan Petugas Khas tersebut untuk tindakan lanjutnya;
- 192.3. Pasukan Petugas Khas tersebut harus melapor kepada keluarga dan SUHAKAM pada selang masa yang tetap (*“regular intervals”*) mengenai perkembangan siasatan-siasatannya;
- 192.4. Pasukan Petugas Khas tersebut harus mengemukakan satu laporan mengenai dapatan-dapatan siasatan Pasukan Petugas Khas tersebut yang akan diberikan (*“made available”*) kepada orang awam secepat mungkin.

Pembaharuan Undang-Undang

Pindaan Undang-Undang Di Malaysia

193. Panel ini mencadangkan agar Kerajaan Malaysia mengkaji semula Kanun Keseksaan dan Kanun Prosedur Jenayah untuk memasukkan (*“incorporate”*) kategori kehilangan paksa atau kehilangan secara tidak sukarela di bawah suatu kategori

khusus untuk kes-kes yang melibatkan individu-individu yang hilang. Dalam erti kata lain, pindaan-pindaan tersebut akan menjadikan kes-kes sebegini satu kesalahan di bawah Kanun Keseksaan, sebagai tambahan kepada dan berasingan daripada kesalahan pemelarian dan penculikan (“*abduction and kidnapping*”).

Meratifikasi Instrumen-Instrumen Antarabangsa

194. Malaysia belum meratifikasikan *International Convention for the Protection of All Persons from Enforced Disappearance 2006*.

194.1. Dengan meratifikasikan Konvensyen tersebut, Malaysia akan memikul tanggungjawab antarabangsa untuk membanteras isu kehilangan paksa. Langkah-langkah yang dinyatakan dalam Konvensyen tersebut termasuk peruntukan-peruntukan mengenai, antara lain:

- (a) keberkesanan siasatan-siasatan ke atas kehilangan secara paksa dan kehilangan secara tidak sukarela⁶³;
- (b) mempertanggungjawabkan individu-individu yang terlibat secara langsung dan tidak langsung terhadap tindakan mereka;⁶⁴
- (c) Penciptaan kesalahan baru dalam undang-undang keseksaan (“*penal*”) dengan hukuman yang dipertingkatkan (“*enhanced sentencing*”) dalam kes-kes kehilangan paksa⁶⁵;

⁶³ Perkara 3, 12, 19 dan 22 ICCPED.

⁶⁴ Perkara 6 dan 10 ICCPED.

⁶⁵ Perkara 7 ICCPED.

- (d) memberikan maklumat kepada keluarga-keluarga mangsa⁶⁶; dan
- (e) latihan untuk pegawai-pegawai penguatkuasa undang-undang⁶⁷.

194.2. Secara ringkasnya, ICPPED menyediakan garis panduan untuk mengenal pasti elemen-elemen kehilangan paksa dan dengan jelasnya menyatakan peranan Kerajaan dalam siasatan kesalahan tersebut dan kesalahan-kesalahan berkaitan yang lain.

194.3. Kerajaan harus menggunakan ICPPED untuk menghasilkan suatu rangka untuk memperkenalkan undang-undang yang menjenayahkan kehilangan paksa dan juga untuk mengukuhkan peruntukan-peruntukan yang sedia ada dalam undang-undang Malaysia.

195. Selanjutnya, Malaysia juga tidak meratifikasikan *International Covenant on Civil and Political Rights 1966*. Konvensyen ini mewajibkan ahli-ahlinya untuk melindungi dan mengekalkan hak-hak asasi manusia, seperti: kebebasan diri dan maruah manusia; kesamarataan di sisi undang-undang; kebebasan beragama dan privasi; kebebasan daripada penyeksaan, layanan buruk, dan penahanan sewenang-wenangnya; kesaksamaan jantina ("*gender equality*") hak untuk perbicaraan yang adil; hak berkeluarga dan perpaduan keluarga; dan hak-hak minoriti.

196. Berikutan ratifikasi perjanjian-perjanjian antarabangsa yang dinyatakan di atas, Kerajaan harus mengambil langkah yang selanjutnya untuk memberikan kesahihan

⁶⁶ Perkara 18 dan 24 ICPPED.

⁶⁷ Perkara 23 ICPPED.

undang-undang kepada ICPPED dan ICCPR di Malaysia untuk membolehkan agensi-agensi menyelesaikan isu 'kehilangan secara paksa' dengan lebih baik.

197. Kesimpulannya, Panel ini menekankan bahawa dalam menjalankan Siasatan Awam ini, SUHAKAM telah melaksanakan kewajipannya untuk meneliti pelanggaran hak asasi manusia di bawah seksyen 4(1)(d) Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999 dan bahawa cadangan-cadangan dalam laporan ini dibuat di bawah kuasa-kuasa SUHAKAM di bawah seksyen 4(2)(b) Akta yang memperuntukkan bahawa SUHAKAM boleh “menasihati Kerajaan dan/atau pihak berkuasa yang berkaitan mengenai aduan terhadap pihak berkuasa itu dan mengesyorkan kepada Kerajaan dan/atau pihak berkuasa itu langkah-langkah sesuai yang hendaklah diambil.”
198. Dapatan-dapatan dan cadangan-cadangan di sini adalah hasil dapatan dan cadangan sebulat suara Panel Siasatan ini.

J. Jawapan Kepada Terma-Terma Rujukan

199. Panel ini telah mencapai kesimpulan-kesimpulan berikut berhubung dengan Terma-Terma Rujukannya:

199.1. Sebagai jawapan kepada perenggan (a):

- Kehilangan Pastor Raymond Koh adalah suatu kes kehilangan paksa seperti yang ditakrifkan di bawah *International Convention for the Protection of all Persons from Enforced Disappearance*; dan

- Kes kehilangan Pastor Raymond Koh bukan suatu kes kehilangan sukarela atau kes kehilangan secara tidak sukarela yang melanggar undang-undang jenayah biasa;

199.2. Sebagai balasan kepada perenggan (b)(i), (ii) dan (iii):

- kehilangan secara paksa ini telah dilaksanakan oleh Cawangan Khas, Bukit Aman, Kuala Lumpur;

199.3. Sebagai balasan kepada perenggan (c):

- Panel ini berpendapat bahawa Polis Diraja Malaysia tidak mengambil langkah-langkah yang memadai untuk menyiasat kes kehilangan secara paksa Pastor Raymond Koh;

199.4. Sebagai balasan kepada perenggan (d):

- Langkah-langkah atau garis panduan yang dicadangkan harus diambil untuk memastikan kehilangan paksa tidak berulang seperti yang dinyatakan di **bahagian I. Cadangan-Cadangan Panel** di atas.

K. Penghargaan

200. Panel ini ingin mengambil peluang untuk memberi penghargaan dan mengucapkan terima kasih kepada Roeshan yang telah pergi ke Balai Polis dengan segera untuk membuat laporan polis selepas menyaksikan kejadian di Jalan SS4B/10, Kelana Jaya. Dengan perbuatan demikian, Roeshan telah melaksanakan kewajipan awamnya ("*civil duties*") dengan sifat yang mengagumkan dan bertanggungjawab walaupun terpaksa menunggu sekurang-kurangnya dua (2) jam untuk memberikan

pernyataanya kepada Inspektor Ali. Tingkah laku Roeshan adalah bermanfaat (*"augurs well"*) untuk kerjaya undang-undangnya pada masa depan.

201. Panel ini ingin mengucapkan terima kasih kepada semua pihak kerana sudi hadir, menyelidik dan memberi hujahan-hujahan mereka, (deleted dalam menjalankan) sepanjang Siasatan Awam ini. Panel ini dengan selanjutnya mengucapkan terima kasih kepada Peguam bagi pihak keluarga dan Majlis Peguam kerana telah secara sukarela memberikan perkhidmatan secara sukarela (*'pro bono'*) kepada keluarga Pastor Raymond Koh dan kepada Majlis Peguam masing-masing, Pegawai-Pegawai Pembantu SUHAKAM dan Pegawai-Pegawai bagi pihak Polis untuk sumbangan mereka sepanjang Siasatan Awam ini.
202. Panel ini dengan dukacitanya ingin menyatakan simpati kepada keluarga Pastor Raymond Koh dan orang tersayanganya atas kedukaan, kebimbangan dan kegelisahan (*"grief, anxiety and sadness"*) yang disebabkan oleh kehilangan paksa Pastor Raymond Koh sejak 13 Februari 2017.

3 haribulan April 2019

.....s.g.d.....
DATO' MAH WENG KWAI

.....s.g.d.....

PROF. DATO' DR. AISHAH BIDIN

.....s.g.d.....

PROF. MADYA DR. NIK SALIDA SUHAILA BINTI
NIK SALEH

Peguam/Pegawai yang hadir sebelum barisan Panel:

Untuk keluarga Pastor Raymond Koh:	Dato' Gurdial Singh Nijar
	Dato' Jerald Gomez
	Phillip Koh
	Steven Thiru
	Larissa Ann Louise
	Michelle Wong

Untuk SUHAKAM:

Simon Karunagaram

Joshua Ericsson

Yustina Ishak

Untuk Majlis Peguam:

Roger Chan Weng Keng

Mansoor Saat

Cyrus Tiu Foo Woei

Jadual 1: Senarai Saksi-Saksi Siasatan

No Saksi Siasatan	Nama
IW1	Roeshan Celestine Gomez
IW2	Susanna Liew Sow Yoke
IW3	Sri Ram s/o KS Gopala Iyer
IW4	Jonathan Koh Szu Hao
IW5	YB Tan Sri Dato' Sri Khalid Abu Bakar
IW6	Inspector Ali Asra Bin Abu Bakar
IW7	ASP Supari Bin Muhammad
IW8	Albert Teh Chuan Seng
IW9	Peter Choong Fook Meng
IW10	Zaaba Bin Zakaria
IW11	SAC Fadzil Bin Ahmat
IW12	TPPI Hamid Bin Momong
IW13	ASP Nazeri Mohamed
IW14	CP Dato' Huzir Bin Mohammad
IW15	Supt Hazril Bin Kamis

IW16	Datuk Asri Bin Yusoff
------	-----------------------

Jadual 2: Senarai Ekshibit-Ekshibit

Ekshibit/ID No.	Butiran Ekshibit	Tarikh
Ekshibit 1	Lakaran tempat kejadian pastor Raymond Koh diculik	19.10.2017
ID 2	Video CCTV Rumah No.72 Jalan SS4	19.10.2017
ID 3	Video CCTV Rumah No.19 Jalan SS4 - Sudut 1	19.10.2017
ID 4	Video CCTV Rumah No.19 Jalan SS4 - Sudut 2 (1)	19.10.2017
Ekshibit 5	Laporan polis yang dibuat oleh Roeshan Celestine Gomez – 13.02.2017	19.10.2017
ID 6	Video CCTV Rumah No.19 Jalan SS4 - Sudut 2 (2)	19.10.2017
Ekshibit 7	Rekod keterangan Roeshan Celestine Gomez kepada SUHAKAM	19.10.2017

Ekshibit 8	Rekod keterangan Roeshan Celestine Gomez kepada peguam keluarga	19.10.2017
Ekshibit 9	The Star TV video	19.10.2017
Ekshibit 10	Rekod keterangan Susanna Liew Sow Yoke kepada SUHAKAM	20.10.2017
Ekshibit 11	Laporan polis yang dibuat oleh Koh Keng Joo – 26.8.2011	20.10.2017
Ekshibit 12	Rekod keterangan Susanna Liew Sow Yoke kepada peguam keluarga	20.10.2017
Ekshibit 12 (a)	Pindaan jawapan soalan 20 dalam Rekod keterangan Susanna Liew Sow Yoke kepada peguam keluarga	20.10.2017
Ekshibit 13	Rekod keterangan Sri Ram A/L Ks Gopala Iyer kepada SUHAKAM	20.10.2017
Ekshibit 14	Rekod keterangan Sri Ram A/L Ks Gopala Iyer kepada peguam keluarga	20.10.2017
Ekshibit 15	Rekod keterangan Jonathan Koh Szu Hao kepada SUHAKAM	20.10.2017
Ekshibit 16	Laporan polis yang dibuat oleh Jonathan Koh Szu Hao – 14.2.2017	20.10.2017
Ekshibit 17	Laporan polis yang dibuat oleh Jonathan Koh Szu Hao – 27.2.2017	20.10.2017

Ekshibit 18	Rekod keterangan Jonathan Koh Szu Hao kepada peguam keluarga	30.10.2017
Ekshibit 18 (a)	Gambar JK-1	30.10.2017
Ekshibit 18 (b)	Gambar JK-2	30.10.2017
Ekshibit 19	Whatsapp teknikal polis pada Jonathan Koh Szu Hao	30.10.2017
Ekshibit 20	Berita online Himpunan Sejuta Umat	30.10.2017
Ekshibit 21	Transkrip penuh ucapan Lokman Noor Adam, Ezam Mohd Nor, Zulkifli Nordin di Masjid Negeri Shah Alam	30.10.2017
Ekshibit 22	DCP Awaluddin dan Kempen Bukit Aman terhadap Kristianisasi	30.10.2017
Ekshibit 23	Keratan Akhbar Berita Harian	30.10.2017
Ekshibit 24	Artikel <i>'Investigate two possible cases of enforced disappearance'</i>	30.10.2017
Ekshibit 25	Keratan berita online 'Free Malaysia Today' (<i>Activists questioned over statements on missing pastor</i>)	30.10.2017
Ekshibit 26	Press Statement: For Immediate Release (<i>One month since Pastor Raymond's abduction: statement by Susanna Liew Sow Yoke, wife of Pastor Raymond Koh</i>)	30.10.2017

Ekshibit 27	Keratan berita online 'Free Malaysia Today' (<i>Pastor Koh: After 50 days, family continues plea for answers</i>)	30.10.2017
Ekshibit 28	Raymond Koh 100 days: Media Session	30.10.2017
Ekshibit 29	Gambar anggota polis dalam sut hitam dan balaclava	30.10.2017
Ekshibit 30	Gambar 2 polis memakai balaclava dan menahan tahanan	30.10.2017
Ekshibit 31 (a)	Gambar kereta 1	30.10.2017
Ekshibit 31 (b)	Gambar kereta 2	30.10.2017
Ekshibit 31 (c)	Gambar kereta 3	30.10.2017
Ekshibit 32	Gambar kereta Toyota Hilux hitam	30.10.2017
Ekshibit 33	Gambar kereta Toyota Hilux hitam Polis	30.10.2017
Ekshibit 34	Gambar motorsikal yang mengawal trafik semasa peculikan Pastor Raymond Koh	30.10.2017
Ekshibit 35	Keratan Online Berita The Star (Into Pastor Raymond Koh abduction) – 20.3.2017	30.10.2017
Ekshibit 36	The Star TV video – 22.2.2017	30.10.2017
Ekshibit 37	Berita Jam 8 (Astro Awani) – 07.3.2017	30.10.2017
Ekshibit 38	Keratan Online Berita Harian (Kertas siasatan sebar agama dibuka) – 6.4.2017	30.10.2017

Ekshibit 39	Malaysia Kini TV video – 24.5.2017	30.10.2017
Ekshibit 40	Kenyataan Media Ketua Jabatan Siasatan Jenayah, Kedah (Kejayaan pihak polis menembak mati seorang penjenayah berkaitan Tanjung Pari RPT: 103/2017) – 18.6.2017	30.10.2017
Ekshibit 41	The Star TV video – 25.6.2017	30.10.2017
Ekshibit 42	Video Press Statement IGP Tan Sri Khalid bin Abu Bakar (Malaysia Kini TV) – 25.7.2017	30.10.2017
Ekshibit 43	Keratan Malaymail Online (IGP: <i>'Missing' activist Peter Chong in Thailand, not abducted</i> – 12.4.2017)	30.10.2017
Ekshibit 44	Keratan The Malaysia Insight (<i>Missing Peter Chong had money problems, felt let down</i>) – 15.4.2017	30.10.2017
Ekshibit 45	Screenshot of Facebook post by Perlis Mufti Dr Asri on 7.10.2016 (sedia ada setakat 29.10.2017)	2.11.2017
Ekshibit 46	Laporan polis yang dibuat oleh Teh Chuan Seng – 14.2.2017	3.11.2017
Ekshibit 47	Rekod keterangan Teh Chuan Seng kepada peguam keluarga	3.11.2017
Ekshibit 48	Sijil pendaftaran kereta (Honda Accord ST5515D)	3.11.2017

Ekshibit 49 (a)	Gambar bertarikh 10.10.2016 (Suspek ditahan di enam negeri, termasuk Kelantan dan Selangor di atas).	3.11.2017
Ekshibit 49 (b)	Gambar bertarikh 26.04.2015 (Seorang daripada suspek yang ditahan. Foto ihsan polis)	3.11.2017
Ekshibit 50	Google map of Prima 16 Chapter 2 – Puncak Damansara Condominium – Jalan SS 4B/10	3.11.2017
Ekshibit 51	Zoom version to show the location of some of the CCTV camera	3.11.2017
Ekshibit 52 (a)	Google view LDP Petaling Jaya, Selangor – KM 8.7	3.11.2017
Ekshibit 52 (b)	Google view LDP Petaling Jaya, Selangor – KM 9.4	3.11.2017
Ekshibit 52 (c)	Google view LDP Petaling Jaya, Selangor – KM 10.4	3.11.2017
Ekshibit 52 (d)	Google view LDP Petaling Jaya, Selangor – KM 10.4	3.11.2017
Ekshibit 52 (e)	Google view LDP Petaling Jaya, Selangor – KM 11.9	3.11.2017
Ekshibit 53	Google map (<i>Traffic light cross road, few cameras, turned into Jalan Majlis</i>)	3.11.2017
Ekshibit 54	CCTV Kamera Jalan Majlis / Jalan Bahagia	13.11.2017
Ekshibit 55	Google map – Exit Route	13.11.2017
Ekshibit 56	Google view – LDP Petaling Jaya, Selangor	13.11.2017
Ekshibit 57	Google map – Taman Mayang, Petaling Jaya	13.11.2017
Ekshibit 58	Google map – Persiaran Tropicana - NKVE	13.11.2017

Ekshibit 59	Malaymail online – <i>CCTV footage reveals Morais was abducted, says IGP</i> – 15.09.2015	13.11.2017
Ekshibit 60	Senarai CCTV di bawah Majlis Bandaraya Petaling Jaya	13.11.2017
Ekshibit 61	<i>Alphafinity B Series Bullet Camera installed at Malaysia Highway</i>	13.11.2017
Ekshibit 62	The Star Online – <i>The radicalisation of in Malaysia</i> – 28.8.2016	13.11.2017
Ekshibit 63	www.thestar.com.my - <i>Media online (Wahhabism has no place here)</i> – 28.8.2016	13.11.2017
Ekshibit 64	Malaymail online – <i>Salafism and the threat to peace</i> – Syed Farid Alatas – 10.4.2017	13.11.2017
Ekshibit 65	Malaymail online – <i>Student from India converts to Islam at talk by Zakir Naik</i> – 10.2.2017	13.11.2017
Ekshibit 66	The Malaysia Insight – <i>Zakir Naik charged with radicalism, insulting other religions</i> – 27.10.2017	13.11.2017
Ekshibit 67	Malaymail online – <i>In Zakir Naik's KL lecture, four more leave faith for Islam</i> – 17.4.2016	13.11.2017
Ekshibit 68	Malaymail online – <i>No place for wahhabism in Malaysia, fatwa council says</i> – 1.3.2015	13.11.2017
Ekshibit 69	Malaymail online – <i>Johor Sultans brands Zamihan liar; cuts off jakim</i> – 14.10.2017	13.11.2017

Ekshibit 70	Keratan akhbar The Star – <i>Perlis mufti: Why appoint extremist preacher for rehab centre?</i> – 10.11.2017	13.11.2017
Ekshibit 71	Utusan online – <i>Penyeludupan senjata api, dadah tumpas</i> – 19.6.2017	13.11.2017
Ekshibit 72	<i>Screen shot of whatsapp conversation between Esther Koh & ASP Supari</i>	13.11.2017
Ekshibit 73	The Star online – <i>Police have spoken to Peter Chong over missing pastor case</i> – 26.4.2017	14.11.2017
Ekshibit 74	Malaymail online – IGP: <i>'Missing' activist Peter Chong in Thailand, not abducted</i> – 12.4.2017	14.11.2017
Ekshibit 75	The Malaysia Insight – <i>Missing Peter Chong had money problems, felt let down</i> – 15.4.2017	14.11.2017
Ekshibit 76	Channel NewsAsia – <i>Police say no report made on Malaysia activist Peter Chong's claims of abduction</i> – 17.4.2017	14.11.2017
Ekshibit 77	Laporan polis yang dibuat oleh Zaaba bin Zakaria – 4.8.2011	14.11.2017
Ekshibit 78	Surat peguam (Muhamad & Co) kepada Majlis Agama Islam Selangor - 20.8.2011	14.11.2017
Ekshibit 79	Surat Majlis Agama Islam Selangor kepada Tetuan Lee Hishammuddin Allen & Gledhill – 23.8.2011	14.11.2017

Ekshibit 80	Surat Jabatan Agama Islam Selangor Kepada Tetuan Lee Hishammuddin Allen & Gledhill – 10.8.2011	14.11.2017
Ekshibit 81	Malaymail online – Police set up special team to monitor social media – 11.8.2014	14.11.2017
Ekshibit 82	Video Kelantan - Sultan Ismail Petra Ambush by Polis.mp4	14.11.2017
Ekshibit 83	Gambar Malaysia tangkap 16 suspek pengganas – 10.10.2016	15.11.2017
Ekshibit 84	Gambar bertarikh 14.11.2017	15.11.2017
Ekshibit 85	Utusan Online – PDRM, MBPJ kongsi maklumat jenayah	16.11.2017
Ekshibit 86	Safetrax online article – <i>How GPS, Cell Tower and Wifi – Triangulation help in tracking location?</i> – 5.9.2017 by Rajiv Netra	16.11.2017
Ekshibit 87	Makmal Forensik PDRM - Laporan Pemeriksaan/Analisis (Jinjang Repot No: 18722/15, Rujukan Makmal: 15F3645) Disediakan oleh Insp Mior Samsul bin Abdul Rahman – 18.12.2015	16.11.2017
Ekshibit 88	<i>Map showing cell towers in Taman Mayang</i>	23.11.2017

Ekshibit 89	<i>Travel smart, travel safe with better traffic flow – 21.6.2014 by Travelsmarter</i>	23.11.2017
Ekshibit 90	Online Utusan – Pantai lebih raya demi keselamatan – 9.10.2015	23.11.2017
Ekshibit 91	M Star – Fakhry ditahan, Sultan Kelantan jalani rawatan susulan – 5.5.2010	23.11.2017
Ekshibit 92	Utusan online – Kes Tengku Muhammad Fakhry saman polis bakal selesai – 17.5.2014	23.11.2017
ID 93	<i>Whatsapp exchange between Annuar bin Ismail and Inspector Khor on 7.3.2017</i>	23.11.2017
Ekshibit 94	Pengesahan Rekod Pergerakan Keluar/Masuk : - 1. Liew Sow Yoke 2. Koh Keng Joo	27.8.2018
Ekshibit 95	Rekod Pergerakan Keluar/Masuk Koh Keng Joo	27.8.2018
Ekshibit 96	Bus ticket from Pattaya to Bangkok	3.9.2018
Ekshibit 97	Flight ticket from Bangkok to Kuala Lumpur	3.9.2018
Ekshibit 98	Handwritten note	3.9.2018
Ekshibit 99	Salinan report polis dibuat oleh Darryl Chong Ee Fann pada 8.4.2017	3.9.2018
Ekshibit 100	Salinan report polis dibuat oleh Chong Fook Meng pada 20.4.2017	3.9.2018

Ekshibit 101	Pengesahan rekod pergerakan keluar/masuk : - Koh Keng Joo	3.9.2018
Ekshibit 102	Surat daripada Jabatan Imigresen Malaysia (Kementerian Dalam Negeri) kepada Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia	3.9.2018
Ekshibit 103	Screenshot video ID 6	7.9.2018
Ekshibit 104	Wikipedia Toyota Vios Model	7.9.2018
Ekshibit 105 (a)	Surat dari Mah-Kamariyah & Philip Koh kepada Ketua Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) Selangor - 21.5.2018	10.10.2018
Ekshibit 105 (b)	Surat dari Mah-Kamariyah & Philip Koh kepada Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Selangor - 11.6.2018	10.10.2018
Ekshibit 106	Salinan Passport Chong Fook Meng	10.10.2018
Ekshibit 107 (a-c)	<i>Special Task Force on Organised Crime Search List</i>	15.10.2018
Ekshibit 108	Salinan Laporan Polis Yang Dibuat Oleh Hazril bin Kamir pada 17.6.2017	15.10.2018
Ekshibit 109	Malaymail Online bertarikh 15.3.2018	15.10.2018
Ekshibit 110	Malaymail Online bertarikh 20 Mac 2018	15.10.2018
Ekshibit 111	Salinan Laporan Polis Yang Dibuat Oleh Hazril bin Kamir pada 17.6.2017	15.10.2018

Ekshibit 112 (a-d)	Gambar-gambar Orang Yang Diculik	7.12.2018
Ekshibit 113 (a-c)	Salinan Online News Berkaitan Penculikan	7.12.2018
Ekshibit 114	News Straits Times Online News – <i>Ex-IGP Musa Supports Disbanding of 3 Elite Teams</i> bertarikh 31.7.2018	7.12.2018
Ekshibit 115	The Star Online News – <i>Three Elite Teams Disbanded</i> bertarikh 27.6.2018	7.12.2018
Ekshibit 116	The Star Online News – IGP: <i>No New Unit To Replace Disbanded Elite Task Forces</i> bertarikh 3.7.2018	7.12.2018
Ekshibit 117 (a)	Gambar Rumah No.71, Kampung Selarong, Pengkalan Hulu	7.12.2018
Ekshibit 117 (b)	Gambar Ibu Kepada Fauzi	7.12.2018

eISBN 978-967-2295-12-9

